

Volume I
No. 42



Tuesday
22nd December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

BILL:

The Supply Bill, 1965—

Committee of Supply (Sixteenth Allotted Day)—

Head S. 64 [Col. 5410]

Heads S. 65 to S. 71 [Col. 5489]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Tuesday, 22nd December, 1964

The House met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Youth, Culture and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development and Assistant Minister of Justice, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

- The Honourable ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasar Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johore Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P.
(Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).

The Honourable ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

The Honourable ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).

- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
- „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable the Minister of Home Affairs and Minister of Justice,
DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N.
(Johor Timor).

- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P.
(Melaka Tengah).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives and Minister
of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister for Local Government and Housing,
ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN
(Sabah).
- „ TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN,
Assistant Minister (Kota Star Utara).
- „ ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.,
Assistant Minister (Trengganu Tengah).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

- The Honourable ENCHE' JEK YUEN THONG (Singapore).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).
- „ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

THE SUPPLY BILL, 1965

Order read for resumed consideration in Committee of Supply, 1965 (Sixteenth Allotted Day).

House accordingly resolved itself into Committee of Supply.

Head S. 64—

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan Kepala S. 64, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, Ahli² Yang Berhormat sakalian akan nampak ia-itu perbelanjaan bagi Kementerian ini bagi tahun 1965 menunjukkan kekurangan sa-banyak \$1,292,626 di-bandingkan dengan perbelanjaan bagi tahun 1964. Kekurangan ini, Tuan Pengerusi, adalah di-sebabkan oleh tiga faktor.

(i) Kerana beberapa Jabatan² yang dahulu-nya ada-lah di-bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun di-pindahkan kepada satu Kementerian baharu ya'ani Kementerian Tanah dan Galian.

(ii) Kerana potongan peruntukan Pechahan Kepala 24, bagi Ranchang-usaha Kampong dan Luar Bandar, di-bawah Perbelanjaan Khas sa-banyak \$650,000.

(iii) Kekurangan sa-banyak \$303,467 di-bawah Perbelanjaan Khas untuk Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masyarakat, khas-nya bagi Pechahan Kepala 25. Pengeluaran Buku² Bachaan, yang telah di-kurangkan sa-banyak \$220,000 daripada \$500,000 jadi \$280,000.

Tuan Pengerusi, Jabatan² yang telah di-pindahkan ka-Kementerian baharu yang saya sebutkan tadi ia-lah :

- (i) Jabatan Pesuruhjaya Tanah;
- (ii) Jabatan Galian;
- (iii) Jabatan Ukur;
- (iv) Jabatan Kajibumi.

Potongan peruntukan sa-banyak \$650,000 di-bawah Perbelanjaan Khas, Pechahan Kepala 24, bagi Ranchang-usaha Kampong dan Luar Bandar, akan tidak, Tuan Pengerusi, mengganggu ranchangan² luar bandar, kerana peruntukan² bagi perbelanjaan ini ada di-masokkan dalam Anggaran Pembangunan di-bawah Kepala 126, Pechahan 17. Ranchangan² Kechil Pembangunan Luar Bandar.

Sekarang saya suka menerangkan kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian berkenaan dengan Bahagian Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masyarakat di-bawah Kementerian saya. Jumlah bilangan kelas² dalam tahun 1964 bagi seluruh negara ia-lah 12,000 dan bilangan pelajar²-nya ia-lah lebih kurang 300,000. Dari 12,000 kelas² ini

5,700 ada-lah kelas² Peringkat Tinggi dan kelas² ini telah menamatkan pengajaran tiga tahun-nya dalam bulan ini. Tetapi pembukaan kelas² baharu dalam tahun 1965 untuk mengambil tempat kelas² yang akan tamat itu tidak akan menjadi satu soal atau pun satu kesusahan kerana desakan untuk mengadakan Pelajaran Dewasa sentiasa ada di-seluruh negara kita ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain dari kelas² Pelajaran Dewasa, kita ada sa-banyak 1,165 Kelas² Urusan Rumah Tangga yang sangat di-suka² oleh penduduk² luar bandar. Oleh sebab kekurangan bilangan guru² Urusan Rumah Tangga kita tidak-lah dapat memenuhi kehendak² penduduk² Luar Bandar dengan sa-penoh²-nya sungguh pun kita sangat² suka hendak berbuat demikian. Bilangan guru² terlateh yang dapat di-usahakan oleh Kementerian ini, Tuan Pengerusi, ada-lah terhad kepada 450 orang sahaja sa-tahun kerana bilangan ini-lah sahaja yang dapat di-lateh di-Taman² Asohan RIDA di-Kuala Lumpur, Kepala Batas dan Melaka pada tiap² tahun.

Sa-lain daripada Kelas² Urusan Rumah Tangga, Kementerian ini ada juga menganjorkan kelas² ugama. Perbelanjaan untuk menjalankan kelas² ini di-beri oleh Kerajaan² Negeri dan tidak oleh Kerajaan Persekutuan.

Berhubung dengan Sarawak dan Sabah, saya suka menerangkan kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian, ia-itu Kerajaan Sabah telah pun bersetuju memberikan sokongan yang penoh kepada kelas dewasa dan pada 19 hari-bulan December ini, kursus² bagi guru² kelas dewasa, telah pun kita adakan di-Jesselton. Memang tujuan Kerajaan Pusat hendak menyambung kelas dewasa ini—kemudahan ini—ka-Sarawak juga dan kita telah berhubung dengan Kerajaan Sarawak meminta supaya Kerajaan Sarawak memberi kerjasama dan sokongan yang penoh kepada kelas dewasa ini. Jawapan yang mu'tamad belum lagi kita terima, bagaimana pun Kerajaan perchaya, oleh kerana Sarawak pun di-perintah oleh Parti Perikatan, maka kelas² dewasa di-Sarawak itu akan dapat kita mulakan dalam tahun 1965 juga.

Peruntokan tahun 1965 bagi Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masyarakat menunjukkan kekurangan sa-banyak \$294,241 berbanding dengan peruntokan tahun 1964. Memulakan pelajaran dewasa ka-Sabah dan Sarawak ini, mungkin akan memaksa saya, Tuan Pengerusi, datang sa-mula ka-Dewan ini meminta peruntokan tambahan. Bagaimana pun, saya suka-lah menegaskan di-sini, ini chuma akan di-lakukan kalau peruntokan² yang ada ini tidak menchukupi sama sa-kali untuk maksud tersebut.

Berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan—RIDA—peruntokan token sa-banyak \$110 di-bawah gaji bagi RIDA tahun ini akan di-kurangkan \$70 sahaja untuk tahun 1965. Kekurangan ini adalah di-sebabkan kehendak RIDA mengisi sa-bilangan jawatan²-nya dengan pegawai² mereka sendiri.

Tidak ada tambahan dalam tahun 1965 bagi peruntokan tahunan sa-banyak \$3,560,000 di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ia-itu perbelanjaan yang di-utokkan kerana pentadbiran RIDA. Sunggoh pun demikian, chadangan hendak melanjutkan perkhidmatan RIDA ka-Singapura, Sarawak dan juga Sabah, mungkin memaksa saya datang ka-Dewan ini meminta peruntokan tambahan, tetapi saya akan chuba sa-daya upaya untuk menggunakan peruntokan yang telah di-luluskan.

Saya tidak akan menjelaskan segala usaha² yang di-jalankan oleh RIDA di-masa ini, kerana ini akan di-jelaskan apabila Dewan ini menimbangkan Anggaran Pembangunan bagi tahun 1965 sedikit hari lagi.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya sampai pula kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutan. Di-sini tidak-lah ada perubahan di-dalam peruntokan token sa-banyak \$20 bagi tahun 1965. Peruntokan token ini ada-lah untuk perbelanjaan kerana pinjaman dua orang pegawai Perkhidmatan Tadbir Malaya.

Saperti RIDA juga, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menanggohkan penjelasan saya berkenaan dengan urusan² Lembaga Kemajuan Tanah Perseku-

tuan di-masa Dewan ini menimbangkan peranggaran pembangunan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bagi tahun 1965 dari mana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dapat peruntokan-nya bagi menjalankan semua urusan²-nya.

Bantuan kepada Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji, Pechahan Kepala 23, Perbelanjaan Khas. Kementerian saya meminta pemberian sa-banyak \$184,000 bagi tahun 1965 yang akan datang untuk Tabong Haji. Berbanding dengan pemberian sa-banyak \$219,592 bagi tahun 1964 maka ada-lah kekurangan sa-banyak \$35,592. Pemberian ini akan beransor kurang dari sa-masa ka-samasa, dan akhir-nya akan berhenti daripada menerima pemberian ini, apabila perbadanan ini boleh berdiri atas tapak kaki-nya sendiri. Dengan pemberian ini, bantuan biasa daripada Kerajaan Negeri, saya yakin, Tuan Pengerusi, Perbadanan Haji ini akan boleh menjalankan urusan²-nya dengan peruntokan yang di-luluskan itu.

Tuan Pengerusi, ada-lah di-chadangkan perkhidmatan Perbadanan ini akan di-luaskan ka-lain² Negeri dalam Malaysia, Sarawak, Singapura dan Sabah. Saya harap sa-lepas di-buat, pindaan undang² yang berkenaan kita akan dapat melanjutkan perkhidmatan² Perbadanan ini ka-Negeri² yang lain dalam Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya mohon.

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di-dalam membahathkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Saya terlebih dahulu menguchapkan terima kaseh kepada pehak Menteri yang berkenaan yang mana baharu² ini telah pun bermurah hati membuat beberapa tawaran² untuk memberi bantuan² yang berguna kepada negeri Kelantan khususnya, dan saya suka-lah menarek perhatian Menteri yang berkenaan muga² di-masa² yang akan datang Menteri yang berkenaan akan menchuchori limpah kurnia yang berlipat ganda lagi di-negeri pantai timur itu, kerana sa-bagaimana yang kita tahu Negeri² Pantai Timur sangat-lah ketinggalan

di-dalam pembangunan ini, dan masallah menganak-tirikan itu, chubalah kikis dan lenyapkan dari ingatan pehak Menteri yang berkenaan, dan saya akan berchakap sadikit sahaja, ia-itu di-dalam bahagian kelas dewasa.

Kita tidak-lah mengingkar tentang berfaedah-nya kelas² dewasa ini, tetapi apa yang kita mushkilkan ia-lah tentang perlaksanaan kelas² itu. Saya perchaya kelas² dewasa yang di-adakan di-negeri² pantai barat telah mendapat kejayaan yang chemerlang, tetapi dukachita-nya kelas² dewasa yang di-adakan di-Kelantan, boleh di-katakan tidak mendapat kejayaan yang chemerlang, dan ini saya perchaya kerana tidak lichin-nya pentadbiran kelas² dewasa ini di-jalankan di-negeri Kelantan, dan saya perchaya bagaimana Yang Berhormat Menteri Muda bagi Kementerian ini memberitahu sa-bentar tadi, ia-itu ada 12,000 kelas dewasa diseluruh Persekutuan Tanah Melayu ini. Saya perchaya sa-bahagian daripada kelas yang di-katakan 12,000 itu, khas-nya kelas² dewasa di-Kelantan, boleh di-katakan ada pada nama-nya sahaja, sedangkan pada hakikat-nya tidak ada kelas itu.

Saya telah pun memberitahu Dewan ini, di-dalam meshuarat yang dahulu tentang ada-nya beberapa banyak kelas dewasa di-Kelantan yang tidak mempunyai murid langsung, Tuan Pengerusi. Jadi, membazir-lah wang negara dengan mengeluarkan belanja, memberi elaun kepada guru² sedangkan guru² itu tidak mengajar di-kelas itu dan kelas-nya tidak ada, bangunan sekolah sudah runtoh dan kelas tidak ada langsung, chuma ketika pehak pengelola hendak pergi mengadakan lawatan, baharu-lah guru² yang berkenaan itu sebok bagi mengarah orang² kampung dengan bubor kacang, mee kuah untuk mengadakan jamuan supaya kelihatan ramai pada malam itu. Jadi, pada malam itu ramai-lah kelihatan di-kelas itu, tetapi sa-lepas dua tiga malam tidak ada lagi—satu malam pun tidak ada di-ajar pengajian yang patut di-ajarkan. Jadi, boleh di-katakan guru² itu menerima elaun sejok sahaja, elaun buta, kata orang, dan ini ada-lah sangat membazirkan wang negara. Jadi, saya harap pehak

Menteri yang berkenaan, tolong-lah siasat hal ini supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Sa-benar-nya perkara ini, kejadian ini, boleh-lah di-katakan berlaku kepada sa-bahagian besar kelas² dewasa di-Kelantan, tetapi perkara ini telah di-tutup, boleh di-katakan telah di-tipu di-atas tipu. Guru² terpaksa melaporkan kepada pehak Pengelola-nya mengatakan murid-nya ramai, pehak Pengelola pula, boleh jadi, melaporkan kepada pehak Kementerian bahawa kelas itu pun bagus. Fasal apa, dia takut kalau kelas itu di-tutup nanti, kelas-nya tidak ada, Pengelola-nya pun tidak boleh jadi Pengelola lagi. Jadi tutup di-atas tutup. Walau pun ranchangan kelas dewasa ini baik, kalau-lah segi perlaksanaannya itu tidak baik, maka akan membazir sahaja-lah wang negara kita di-churahkan berjuta² ringgit untok hal ini.

Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di-dalam perbahathan bagi peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Terlebih dahulu saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Kementerian ini yang telah dapat membuat jasa bagi menchorakkan keadaan hidup ra'ayat di-dalam negeri ini dan juga untok mendapatkan berbagai² kemewahan dan kemudahan kepada seluroh ra'ayat di-dalam negeri ini. Dengan ada-nya Kementerian ini, Tuan Pengerusi, maka kita dapat menyaksikan beratus² batu jalan raya telah dapat di-adakan di-dalam kawasan² luar bandar dan beratus² buah masjid telah dapat di-dirikan, juga beratus² buah balai raya dan kelinik dan begitu juga beratus² ribu ra'ayat, yang dahulunya buta huruf, pada masa ini telah pandai membacha dan menulis dan juga tidak kurang beribu² ekar tanah telah dapat di-buka untok di-neikmati oleh ra'ayat di-dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, di-sini saya suka mengambil bahagian di-dalam muka 270 ia-itu Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan. Ini yang saya dapat tahu di-masa yang lampau,

Lembaga ini ada-lah hanya memberi latehan² sahaja pada orang² kampung untuk membuat satu² perusahaan dan juga mendirikan Pekan² Sari di-kampung² untuk orang² kampung menjual barang² chuchok tanam di-tempat² mereka. Tetapi nampak-nya di-dalam anggaran ini hanya Token Vote sahaja yang ada. Saya tidak tahu akan . . .

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, bagi menjimatkan masa ini, saya suka menerangkan ini ada-lah hal pentadbiran sa-tiap hari sahaja. Berkenaan dengan pembangunan, ranchangan yang di-jalankan oleh RIDA akan kita binchangkan di-bawah Peruntukan Pembangunan (Development Estimate) yang kita akan binchangkan, kalau tidak salah, pada 24 haribulan ini. Jadi apa yang kita kemukakan berkenaan dengan RIDA pada hari ini ia-lah pentadbiran sa-tiap hari di-pejabat RIDA.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Saya ucapkan terima kaseh, Tuan Pengerusi, oleh kerana perkara ini akan di-binchangkan di-dalam Perancangan Pembangunan nanti, saya tidak ambil bahagian di-dalam perkara ini, saya pindah kepada muka 271 berkenaan dengan Sekolah Dewasa, Butiran (35)—Pegawai Peranchang Urusan Rumah Tangga. Di-sini ada-lah satu ranchangan yang sangat baik, Tuan Pengerusi, tetapi saya berharap kepada pehak Kementerian ini, di-dalam pelajaran Urusan Rumah Tangga ini, kalau dapat, jangan-lah dapat di-gunakan, sa-bagaimana yang telah di-adakan di-dalam masa² yang lampau yang mana alat perkakas di-dalam Urusan Rumah Tangga ini kebanyakan menggunakan alat² yang modern ia-itu menggunakan dapor² elektrik dan sa-bagai-nya yang mana tidak sesuai kepada orang² kampung. Jadi saya harap Kementerian ini akan dapat menyesuaikan-lah kepada Kelas² Urusan Rumah Tangga ini, kepada apa yang boleh di-buat oleh orang kampung untuk di-ajar kepada orang ramai di-kampung².

Tuan Pengerusi, yang kedua-nya saya bawa kepada muka 272—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini,

sungguh pun telah mendapat kejayaan, tetapi maseh banyak lagi yang diperlukan oleh ra'ayat negeri ini. Jadi saya suka-lah mengeshorkan kepada Kementerian ini, kalau dapat, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini dapat di-adakan satu ranchangan raksaksa atau pun ranchangan besar²an di-dalam negeri ini

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, soal ranchangan pembangunan FLDA akan boleh kita binchangkan di-bawah Development Estimates.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, nampak-nya itu juga akan di-bawa dalam ranchangan yang lain. Jadi di-atas perkara ini, Tuan Pengerusi, saya akan bawa kepada Kelas Dewasa, ada-kah saya dapat minta penerangan daripada Menteri yang berkenaan, Kelas Dewasa juga akan di-bawa kepada perkara yang lain?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, ada peruntukan di-sini dalam muka 273 hampir² \$6 juta. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak menyentoh sedikit tentang pentadbiran di-sana, dia boleh sentoh. Berkenaan dengan ranchangan pembangunan FLDA dan RIDA akan kita masukkan dalam Development Estimates.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, oleh kerana semua sa-kali akan di-bawa di-dalam Ranchangan Pembangunan, jadi tidak payah-lah saya hendak binchangkan perkara ini dan saya ucapkan terima kaseh.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini yang dahulu-nya di-sebut Kementerian Pembangunan Luar Bandar sekarang sudah di-ubah dengan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Hanya saya hendak sebutkan, Tuan Pengerusi, dalam muka 273, S. 64 bahagian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Kita mendapat tahu bahawa ranchangan ini berjalan dengan baik, chuma saya hendak menegor sedikit sahaja dalam pentadbiran ini ia-itu telah mendatangkan sungutan

kapada peneroka tanah yang dudok di-tempat itu berhubung dengan dapur rumah pada perangkat yang pertama itu sangat sempit. Jadi dengan sempitnya dapur itu asap-nya masuk ke-rumah. Orang² penghuni rumah itu tidak boleh dudok waktu dia memasak, kena keluar, lain² lagi seperti barang²-nya jadi hangit, baju-nya jadi kuning dengan sebab dapur-nya itu kecil. Saya menarek perhatian Kementerian ini supaya dapat melihat kejadian ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi muka 273—Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan (RIDA). Saya sentoh dalam masaalah ini ada-lah sangat baik dapat sambutan kapada orang ramai. Pada pentadbiran-nya di-masa yang lalu, saya nampak patut di-fikirkan dan di-tingkatkan dan di-ubah berhubung dengan mengadakan bangunan Pekan Sari di-kampong² dan di-pekang². Ini sangat tidak sesuai lagi.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, tadi saya telah menyatakan peruntukan yang kita minta di-bawah Estimate ini ada-lah untuk pentadbiran pejabat FLDA dan RIDA. Jadi soal yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat ini tadi boleh kita bincangkan di-bawah Peranggaran Pembangunan (Development Estimate). Pekan Sari, apa sahaja mengenai pembangunan yang boleh di-jalankan oleh RIDA dan boleh di-jalankan oleh FLDA, boleh-lah kita bincangkan di-bawah Development Estimate. Ini untuk menjimatkan masa kita, kita tidak perlu keluar daripada apa yang kita bincangkan di-depan kita.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya hendak jimatkan masa. Jadi, saya memahamkan boleh jadi dalam Rancangan Pembangunan besok saya tidak dapat hendak berchakap dalam hal ini. Perkara ini sangat mustahak, bangunan Pasar Minggu yang ada sekarang sudah tidak dapat sambutan daripada ra'ayat, merugikan Kerajaan membuat bangunan itu.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, Standing Order 66 (11) berkata bagini: "... debate shall be confined to the policy of the service for which the money is to be provided . . ." Tidak ada tersebut dalam

Estimates ini berkenaan dengan Pekan Sari atau development yang lain².

Mr Chairman: Saya minta tuan chakap benda yang ada sahaja dalam perbahathan ini.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh Pentadbiran RIDA, saya tidak sentoh duit, pentadbiran yang sekarang ini tidak memuaskan hati ra'ayat, jadi bangunan yang sa-macam ini membuang duit Kerajaan. Itu yang saya hendak chakapkan—Tuan Pengerusi, saya tidak chakap berkenaan dengan RIDA, saya akan berchakap dalam Anggaran Pembangunan besok dengan panjang.

Berhubung dengan Kelas Dewasa, Yang Berhormat telah berchakap tadi, sa-lain daripada pelajaran masak-memasak, di-adakan pelajaran agama dalam Kelas Dewasa. Saya nampak dengan perjalanan yang ada sekarang, guru agama ini bertugas dengan sa-penoh-nya dalam Kelas Dewasa. Ada satu perkara yang saya hendak sentoh, Tuan Pengerusi—saya minta Yang Berhormat itu tidak usah tegor saya—perkara ini berjalan dalam Kelas Dewasa, ia-itu guru agama yang berkhidmat sungoh² siang dan malam, mereka tidak dapat sagu hati. Guru² mengajar Kelas Dewasa dapat \$4.00 satu jam, tetapi guru² agama tidak dapat. Saya harap kapada Kementerian ini walau pun agama di-bawah jagaan Kerajaan Negeri, satu masa chuba di-fikirkan guru agama yang telah bertugas dalam Rancangan Luar Bandar dan dalam Kelas Dewasa, tolong beri rezeki kapada mereka itu \$3.00 atau \$4.00 satu jam.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya hendak chakap berkenaan dengan Penyenggaraan Peti Radio di-Pechahan Kepala 29, muka surat 275. Pemberian radio ini sangat baik, saya chuma hendak minta kapada Kementerian ini chuba di-beri talivishen pula, khas-nya kapada kampong² yang dalam Lembaga Kemajuan Tanah. Sa-lain daripada menengok radio, mereka boleh menegok gambar² berhubung dengan keadaan negara kita. Ini bagi peneroka tanah dalam Lembaga Kemajuan Tanah.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pengeluaran Buku Bachaan di-dalam Pechahan Kepala 25, muka surat 275 juga. Pengeluaran buku² bagi Kelas Dewasa ini saya hendak sentoh. Buku ini harga-nya murah, mutu-nya baik dan penjualan-nya laris. Saya hendak memberitahu kepada Kementerian ini bahawa ada ra'ayat dalam negeri ini menchuri perchetakan buku daripada Kelas Dewasa ini, buku ini di-chetak di-luar negeri (Hong Kong), kemudian buku itu di-jual kepada orang ramai dengan harga yang di-jual oleh Kementerian ini. Saya harap Kerajaan mengamati dan menyiasat kedudukan ini, kerana ini ada-lah merugikan Kerajaan. Kalau berlawan dengan perchetakan yang di-churi di-luar negeri itu neschaya buku yang kita keluarkan daripada Kementerian ini tidak dapat sambutan daripada ra'ayat dan tidak dapat di-jual dengan habis. Ini mendatangkan kerugian. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Enche' Ibrahim bin Abdul Rahman (Seberang Tengah): Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang menguchapkan tahniah dan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri, Menteri Muda dan segala pegawai² yang ada dalam Kementerian ini, oleh sebab telah memainkan peranan yang penting sekali dalam pembenaan negara kita yang baharu merdeka ini. Saya rasa hidup-mati dan tinggi-rendah satu² negara itu ada-lah bergantung kepada Kementerian ini.

Saya berchakap berkenaan dengan lain daripada yang di-uchapkan oleh sahabat saya berkenaan dengan banyak ranchangan² telah pun di-buat. Perkara itu tidak ada siapa juga yang boleh menafikan, baik ra'ayat dalam Malaysia ini mahu pun dunia seluroh-nya tentang betapa besar dan lancar-nya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini telah menjalankan kerja²-nya.

Berkenaan dengan Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat di-muka surat 273, saya suka mengshorkan kepada Kementerian ini supaya Kelas² Dewasa ini sa-lain daripada mengajar pelajar² itu membacha dan menulis, pelajaran urusan rumah-tangga, ugama

dan lain² lagi, maka hendak-lah mengadakan kursus tata ra'ayat dan kursus politik. Saya menguchapkan terima kaseh kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri yang mengatakan tidak patut penuntut² universiti itu belajar politik. Akan tetapi, di-Kelas² Dewasa patut sangat Kementerian ini mengambil peranan penting mengajar politik atau tata ra'ayat kepada pelajar² itu; sebab-nya Tuan Pengerusi, hari ini kita tahu banyak, terutama-nya jagoh² daripada P.A.P. dan Socialist Front mengatakan mereka-lah ahli² siasah yang berkalibe (calibre) besar. Saya perchaya Ahli² Perikatan dan juga Menteri²-nya, tidak ada orang² politik. Di-sa-belah sini, kami ada-lah orang² negarawan (statesmen)—not politicians. The difference is that, Mr Chairman, Sir, (*Laughter*) a politician thinks of the next election, but a stateman thinks of the next generation. That is the difference. Maka, sebab itu-lah kami menumpukan tenaga dan daya usaha untuk pembangunan negara dan untuk have and have-nots, sa-bagaimana yang selalu kita dengar daripada pemimpin² P.A.P. dan juga untuk mengadakan masharakat yang terbuka. Ini-lah kerja² yang di-jalankan oleh Perikatan pada hari ini.

Sa-bagaimana yang saya katakan tadi ia-itu patut di-adakan kursus politik dan tata ra'ayat dalam Kelas² Dewasa, kerana hari ini pergolakan siasah yang besar sa-kali yang kita tahu dalam dunia ini ia-lah di-antara demokerasi dengan kominis. Kita tahu lebeh kurang 20 juta orang negeri China yang telah pun terkorban kerana hendak menegakkan negara kominis. Bagitu juga Russia lebeh kurang 15 juta manusia telah terkorban kerana hendak menegakkan negara kominis. Jadi, saya fikir kalau kita tidak mengambil daya usaha menerangkan kepada pelajar² dalam Kelas Dewasa berkenaan dengan bahaya kominis dan betapa baik-nya demokerasi, maka saya takut 5 tahun atau pun masa Pilehan Raya yang akan datang ra'ayat dalam negeri ini akan terkeliru.

Tuan Pengerusi, saya sa-kali lagi mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri Muda supaya mengambil perhatian yang berat untuk mengadakan

kursus² tata ra'ayat dan politik di Kelas² Dewasa. Terima kasih.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak Melaka Utara): Tuan Pengerusi, dua perkara yang saya hendak sebutkan dalam Kementerian ini dengan tidak berchakap hendak memuji atau pun begitu bagini, kerana kita sudah tahu Kementerian ini ada-lah Kementerian yang paling popular sa-kali dalam dunia sekarang bukan dalam Malaysia sahaja. Yang pertama berkenaan dengan pelajaran dewasa, saya suka memuji dan tambah lagi hendak menolong kerja di-dalam pelajaran dewasa ini tidak-lah sa-bagai yang saya dengar wakil daripada Tumpat. Saya hendak beza-kan pandangan daripada pehak kami dengan pehak sahabat saya. Pehak sahabat saya itu nampak-nya dalam keseluruhan-nya dia kalau dapat kelas dewasa ini suroh tutup. Itu tujuan-nya saya nampak

Wan Hassan bin Wan Daud (Tumpat): Saya bukan suroh tutup, tetapi supaya di-susun dengan lebeh baik lagi supaya tidak membazirkan wang—di-susun dengan lebeh baik—di-baikkan lagi.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Orang yang paling popular dalam Tumpat ia-lah wakil Yang Berhormat ini-lah dan orang yang paling boleh membena dalam tempat itu ia-lah Ahli Yang Berhormat itu. Jadi, saya nampak dia berchakap sahaja, dia mengatakan ini tipu, jadi lama² tujuan-nya hendak menutup tidak ada

Wan Hassan bin Wan Daud: (*rises*).

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Saya rasa, nanti sa-kejap saya belum habis lagi, saya hendak terangkan. Jadi sebab-nya maju di-pantai barat yang beliau akui kerana kerjasama dan bimbingan serta dorongan daripada Wakil Ra'ayat. Jadi, beliau ini balek ka-Tumpat; saya rasa kelas dewasa ini baik, memang ini-lah benda yang baik, kerana memasukkan ilmu kepada manusia yang kurang ilmu elok pada pendapat saya dan itu-lah sebab Perikatan tidak berganjak kalau dapat hendak majukan daripada satu masa ka-satu masa untuk memberi pelajaran kepada orang yang ketinggalan ini, dan saya harap-lah kalau nampak-nya

ada kelas yang merosot—pergi sana jangan pergi periksa, melawat, hendak beri note sahaja hendak suroh tutup tetapi ajak-lah satu perkumpulan, ajak guru kelas dewasa ini mengumpulkan manusia yang dekat itu dan menggalakkan mereka supaya tegap, supaya kelas dewasa itu makin semarak bukan makin lama makin lemah. Jadi penipuan yang di-tudoh pada mula-nya itu tidak kena gaya-nya, kerana guru kelas dewasa ini pun sa-tengah²-nya menchari jalan walau pun kadang² daripada 20 tinggal 18 atau tinggal 15 dia hendak menchari jalan lagi tetapi di-Tumpat dia tidak nampak jalan sebab wakil Yang Berhormat itu tidak sama—tidak champor tangan. Saya harap-lah akan datang elok-lah sama² bagi pehak kita ini hendak memajukan benda ini

Wan Hassan bin Wan Daud: Untuk penjelasan, sa-benar-nya bukan kami tidak menyokong, tetapi kami tidak ada kuasa macham mana kita hendak beri kuasa—hendak pergi tiap² kelas dewasa supaya orang ramai, supaya hendak ajar guru. Kita tidak ada kuasa hendak mengajar guru begitu dan bagini, itu terpulang-lah kepada pehak Kementerian yang berkenaan. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu tolong-lah nasehat Menteri yang berkenaan supaya menyusun baik² kelas itu.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Jadi kalau hendak nasehatkan kepada Menteri hanya tidak elok, jadi sa-belah barat baik sa-belah timur baik, tentu-lah ada manek-nya—ada sebab-nya. Jadi, saya ini wakil U.M.N.O. biasa-nya pergi ka-kampung mana tempat yang kurang maju dalam masjid itu-lah tempat kita bersharah, jadi wakil PAS ini tidak pergi-kah ka-masjid suroh kelas dewasa itu maju. Ini dia punya perbezaan di-antara pergerakan kita.

Saya harap saya tidak-lah masok panjang dalam bahagian ini dan saya suka hendak masok sedikit dalam hal Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan—ia-itu, Tuan Pengerusi, kerana ini di-untukkan tadi dalam pentadbiran Ibu Pejabat kita di-Kuala Lumpur dan apa yang saya hendak sekarang ini, hubungan pentadbiran di-antara Negeri dengan Kuala Lumpur

ini saya rasa elok di-baiki lagi. Apa sebab-nya saya hendak mengatakan begitu, dua benda yang saya boleh mengemukakan pada pagi ini, yang pertama biasa-nya apa yang di-siasat oleh Negeri kadang² di-rujukkan dua tiga kali sa-mula, sa-mula, sa-mula. Jadi saya tidak tahu apa-kah maksud daripada Ibu Pejabat yang menyuruh pegawai-nya yang bertanggung-jawab itu membuat dua tiga kali penyata berkenaan dengan satu² pinjaman-kah atau satu² permohonan atau satu² benda yang di-kemukakan kepada itu pejabat. Kalau hendak tolak, tolak terus supaya jangan orang yang mengharap, kerana daripada negeri itu ada pula hubungan-nya kepada kampung—kapada tempat² yang berkenaan. Jadi orang yang mengharap ini sampai tiga, empat bulan kadang² empat, lima bulan harapan itu di-gantungkan-nya juga tetapi benda itu akhir-nya tidak berjaya. Jadi perkara yang sa-macam ini bukan ma'ana-nya untuk hendak memajukan dan hendak menolong menggalakkan orang yang mahu hendak masok dalam bahagian ini dengan kerja² yang berbulak balek atau pun yang songsang kalak yang macham ini.

Kemudian saya hendak menyatakan pemereksaan daripada pegawai² yang datang, umpama-nya menyiasat satu perkara sampai ka-daerah ini saya rasa tidak betul dengan chara sekarang ini. Umpama-nya, saya tunjukkan dia punya chara, umpama kata-lah di-Pekan Masjid Tanah—ini tempat saya dan di-seluruh Melaka barangkali tahu-lah orang Melayu yang banyak sa-kali berniaga di-Masjid Tanah ini, kalau hendak bilang kedai-kah atau pun hendak di-bilang dalam hal ini. Jadi salah satu daripada tiga empat tahun dahulu ranchangan ini di-mulakan bagi pehak Jawatan-kuasa Buku Merah Pembangunan Daerah Alor Gajah telah menentukan satu bazar hendak menggalakkan orang Melayu berniaga, yang pertama sa-kali hendak di-dirikan di-Masjid Tanah—sudah pun datang dia punya ahli² pegawai begitu bagini, kemudian sampai sekarang ini saya tidak tahu; benda ini tidak tahu hujung pangkal, di-tanya pegawai RIDA yang berkenaan di-tempat itu pun tidak tahu ini daripada Kuala Lumpur, Kuala

Lumpur pun agak-nya dia memerhatikan daripada report yang di-hantar atau pun pegawai yang bekerja ini entah macham mana pun saya pun tidak tahu kerana penyata itu saya sendiri pun tidak dapat. Dan yang aneh-nya kalau sekarang ini kalau kita pergi ka-Masjid Tanah ada berpuluh² pintu rumah kedai sudah terdiri. Jadi macham mana-kah siasatan yang dibuat oleh pegawai ini—yang di-terima terus pada hal Wakil Ra'ayat yang berkenaan di-tempat itu telah mengatakan ini-lah dia tempat-nya kalau hendak di-uji atau pun hendak di-ajar atau pun hendak mara dalam hal berniaga. Jadi orang di-sana hendak keluar berniaga, rumah lagi hendak di-dirikan, hendak mengeluarkan modal lagi, satu² perkara tentu-lah bagi pehak orang yang mula hendak berniaga ini susah. Tetapi kalau rumah bazar yang sa-benar² di-Masjid Tanah itu di-dirikan patut boleh di-jalankan atau pun di-galakkan perniagaan ini; tanah sudah di-beli. Saya rasa daripada saya menjadi Wakil Ra'ayat tahun 1959 sampai sekarang ini 6 tahun. Jadi dalam masa 6 tahun dalam masa permulaan ini bukan-kah satu perkara yang tidak dapat saya hendak katakan; saya ini selalu menyokong Kerajaan, tidak dapat saya katakan kepada orang yang mahu sebab apa yang saya katakan tadi ini-lah dia perkara-nya yang patut saya mengadu kepada Kementerian yang berkenaan dalam hal pentadbiran, bagaimana chara-nya sama ada hendak kensel—terus beri tahu kepada orang ramai, pegawai RIDA di-tempat itu beri tahu ini ranchangan tidak patut hendak di-buat, tidak terdaya-lah atau kalau wang tidak ada patut-lah Kementerian ini atau pun RIDA ini terus memohon kepada Menteri Kewangan untuk menambah peruntukan wang yang hendak di-jalankan dalam bahagian ini. Jadi saya harap dapat-lah kita faham memahami dalam masa-lah ini, muga² perkakas yang kita gunakan ini jangan jadi perkakas dapat di-gunakan 50 peratus sahaja, kita harap dalam kemajuan ini 100 peratus dapat kita gunakan dalam sa-panjang masa, terima kaseh.

Tuan Haji Zakaria bin Haji Mohd. Taib (Langat): Tuan Pengerusi, saya

sokong Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Luar Bandar ini, dan kita semua tahu Kementerian ini ia-lah yang menjadi tulang belakang untuk kemajuan² dan pembangunan² di-luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya berchakap pendek sahaja, saya suka berchakap berkenaan dengan kelas dewasa ia-itu Pechahan Kepala 12—Bayaran kepada Penyelia² Daerah Pelajaran Dewasa. Tuan Pengerusi, telah kita nampak dan lihat yang mereka telah menunjukkan bukti mereka, mereka telah bekerja siang dan malam berhujan, berpanas dan berembun untuk memajukan Rancangan Pembangunan Luar Bandar dalam bahagian kelas dewasa ia-itu dalam bahagian mengembangkan bahasa kebangsaan. Oleh itu saya berpendapat patut-lah penyelia² kelas dewasa ini di-beri layanan sa-umpama pegawai² Kerajaan juga dan patut-lah sara hidup mereka itu di-tambah.

Dan juga layanan² di-hospital dan perbelanjaan² perjalanan mereka, sa-saorang Penyelia Kelas Dewasa itu mereka terpaksa melawat beratus² batu dan mereka terpaksa mengawal sahingga sampai 60 atau pun lebeh kelas² dewasa. Jadi, saya memuji dan menguchapkan tahniah di-atas kerja kuat yang telah di-tunjokkan oleh Penyelia² kelas Dewasa yang ada di-tanah ayer kita ini. Jadi, saya harap, kalau dapat, Kerajaan akan memberi layanan sa-bagaimana pegawai² Kerajaan dan menambah sara hidup mereka.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, pada pendapat saya, Penyelia² Kelas Dewasa yang telah banyak menunjukkan bakti kepada tanah ayer ini, patut-lah juga di-beri mereka ini peluang melawat ka-luar negeri, ia-itu Melawat Sambil Belajar, kerana apa, yang saya lihat pada masa yang sudah², orang yang mendapat keutamaan melawat ka-luar negeri sambil belajar ini, ia-lah mereka² dari Jabatan Pertanian dan juga Jabatan² yang lain, dan mereka pun patut juga di-beri peluang itu untuk menambahkan lagi ilmu pelajaran mereka dan untuk menambahkan pengalaman mereka lagi.

Yang ketiga, Dato' Pengerusi, kelas² dewasa ini sangat-lah maju sa-bagai-

mana kata Ahli Yang Berhormat daripada PAS tadi, ia-itu di-sabelah pantai barat ini, terutama sa-kali di-dalam kawasan saya sangat maju, tetapi ada juga yang kurang maju, sebab-nya kurang maju itu, saya nampak, ia-lah kerana sa-tengah daripada-nya kampong² itu tidak ada Balai Raya—tidak tahu tempat hendak belajar. Jadi, dengan sebab itu, peralatan² dan alat² kelas dewasa ini tidak cukup dan ini menyedehkan. Jadi, sa-tengah daripada pelajar² kelas dewasa ini, ma'alum-lah sa-tengah daripada-nya terdiri daripada orang² dewasa, sa-tengah² itu segan hendak menumpang belajar di-bawah rumah orang, atau pun pondok—sudah-lah kelengkapan-nya tidak mencukupi, jadi kalau kena pada tempat yang samacham itu, nampak-nya kelas itu tidak-lah kurang maju daripada tempat yang lain yang ada sedia dengan Balai Raya dan kelengkapan² perkakas² yang lain.

Yang keempat, Dato' Pengerusi, pelajar² kelas dewasa ini sudah tamat dalam kelas rendah, kelas menengah dan kelas tertinggi—sudah tamat belaka; ada tiga kelas, jadi habis kelas tertinggi sudah tiga tahun. Saya fikir, patut-lah Kerajaan memikirkan dengan memberi peluang melawat, melanjutkan pelajaran mereka ka-Maktab² sama ada Maktab Pertanian dan sa-bagai-nya untuk menambahkan lagi pelajaran mereka yang mereka telah tamat di-kelas² tinggi tadi itu.

Dato' Pengerusi, saya suka-lah hendak menyentoh sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat dari PAS tadi yang mengatakan mereka menghabiskan wang di-sabelah negeri Kelantan sana, kata-nya Penyelia-nya ada, guru-nya ada, murid² yang belajar tidak ada. Jadi, itu-lah dia pembangunan luar bandar. Pembangunan Luar Bandar ini, Menteri boleh mengadakan wang dan boleh mengadakan pegawai², dan boleh mengadakan orang. Kemajuan pembangunan luar bandar ini, kalau sa-kira-nya tempat² Ahli Yang Berhormat itu tidak maju dan tidak dapat menekmati rancangan pembangunan luar bandar itu, bukan-lah salah Kementerian, dan jangan-lah di-salahkan Kementerian, kerana apa, Kementerian sudah beri wang—beri wang, beri

pegawai, beri guru—apa lagi yang hendak? Ahli Yang Berhormat itu hendak kuasa, kuasa apa? Jadi, kalau sa-kiranya tempat Yang Berhormat itu tidak maju, apa juga ranchangan pembangunan luar bandar, bukan salah Kementerian Pembangunan Luar Bandar—salah tempat itu, dan salah keadaan penganjor² di-situ. Itu-lah dia, Data' Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya suka mengambil bahagian sedikit di-dalam perbahathan berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Nyata-lah kapada kita betapa penting-nya dan popular-nya Kementerian ini di-negara kita ini sa-hingga nama-nya pun telah bertukar kapada nama yang baharu dan ada Ahli² Yang Berhormat daripada bangku belakang yang saya tidak tahu sama ada di-arah atau pun dengan sendiri-nya berchakap, ia-itu memandang bahawa Kementerian inilah yang menjadi tulang belakang—back-bone—bagi negara kita ini, tetapi alang-kah hairan-nya, Tuan Pengerusi, Menteri-nya tidak ada—ada token-nya sahaja \$10 satu Kementerian yang menjadi tulang belakang bagi negara kita di-pegang oleh Lieutenant Muda. Orang yang memegang, yang betul-nya, token-nya \$10. Jadi, ini menggambarkan bahawa niat itu memang tinggi sangat, tetapi di-dalam perlaksanaan-nya tidak tersusun.

Tuan Pengerusi, saya meski pun daripada pehak Pembangkang, tetapi rasa saya tidak-lah membahayakan sebagaimana P.A.P. kapada Perikatan, tetapi orang ini salah faham, dan selalu bertanya P.M.I.P.—saya apabila berchakap yang penghabisan saya hentam, dan saya rasa hentam ini akan menimbulkan perasaan yang kami pun tidak dapat duduk diam di-dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Butiran (1) berkenaan dengan gaji Menteri ini. Beberapa hari yang lalu, saya telah membuktikan kejujoran saya, sa-kurang²-nya saya sendiri telah mengemukakan supaya Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan di-pilih menjadi Menteri di-dalam Cabinet bagi Kemen-

terian Pelajaran, kerana memandangkan yang education ini-lah yang menjadi jiwa bagi kehidupan sa-suatu negara. Sekarang, Tuan Pengerusi, memandangkan, kalau ta' salah saya, Timbalan Perdana Menteri kita yang menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar ini dan dia juga memegang Kementerian Pertahanan, apa salah-nya, Tuan Pengerusi, kalau sudah bagini penting Kementerian ini di-lantek Menteri Muda itu menjadi Menteri yang penoh dan saya menuntut Cabinet ini supaya melantek agar kita nampak tenaga² baharu—emerging forces—yang ada di-dalam itu, di-dalam Cabinet itu, dan saya perchaya, yang Ahli Yang Berhormat itu ada ability untuk menjadi Menteri Muda. Saya harap

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: On a point of clarification. Boleh, kita hendak kena lantek dia jadi Perdana Menteri dahulu!

Mr Chairman: Saya suka mengingatkan—itu perkara tidak ada di-dalam perkara ini. Jadi, perkara itu ta' usah-lah panjangkan kalau hendak sentoh sambil lalu—boleh, tetapi jalankan kapada perkara yang kita hadapkan ini; masa ini berharga.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya hendak sentoh sedikit ia-itu saya hendakkan Menteri ini di-penohkan.

Mr Chairman: Itu tidak ada di-sini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, Tuan Pengerusi, sudah sambil lalu saya masuk pula kapada muka 270 Butiran (23)—Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan. Jadi, Tuan Pengerusi, saya juga bersetuju dengan Ahli² yang lain ia-itu tidak ada-lah satu perkara yang di-buat oleh Kerajaan itu langsung tidak ada faedah-nya, tetapi masalah yang kita fikir sekarang ini ia-lah masalah rugi-kah banyak, untong-kah banyak. Jadi dalam masalah RIDA ini, Tuan Pengerusi, sa-kurang²-nya nyata kapada kita dari segi apa yang dibentangkan sa-bagai peruntokan yang merupakan Token Vote belaka. Ini, Tuan Pengerusi, menggambarkan kapada kita bahawa RIDA ini tidak mempunyai programme-nya yang tepat.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, atas tertib meshuarat,

saya suka menerangkan berkenaan dengan rancangan RIDA, kita boleh binchangkan dalam Estimate Pembangunan, Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di-dalam Majlis ini. Jadi elok-lah untuk pengetahuan dia, berkenaan dengan programme, rancangan RIDA boleh-lah di-binchangkan di-bawah Estimate Pembangunan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, terima kaseh. Jadi itu-lah Tuan Pengerusi, saya kata sudah layak jadi Menteri itu, sebab dia memang pandai sa-kurang²-nya dia pandai menjawab. Jadi, Tuan Pengerusi, yang saya hendak timbulkan di-dalam RIDA ini ia-lah perkara² yang saya minta dapat perhatian yang lebeh berat lagi, sebab saya pun sudah memandang dia layak, ia-itu berkenaan dengan perusahaan² yang di-jalankan oleh RIDA, mithal-nya, perusahaan kichap di-Kuala Lumpur. Saya per-chaya Menteri Muda kita ini tidak tahu hal itu

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, fasal kichap itu di-dalam Development Estimate, bukan di-dalam Anggaran ini. Jadi kalau di-dalam Development Estimate kita bahathkan, panjang-lah meshuarat ini.

Mr Chairman: Sudah berkali² saya beritahu, oleh kerana kita hendak menjimatkan masa, kita jaga-lah sedikit perkara ini, sebab sudah hari yang ke-23 atau ke-24, masing² sudah ingatkan chuti-nya.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, tidak apa-lah, berkenaan dengan RIDA ini, kalau ada, berkenaan dengan Development nanti, saya akan berchakap. Jadi saya pun naik juga semangat sedikit sebab saya baharu balek dari Kelantan baharu ini, jadi saya chuti tidak berapa panjang sangat.

Jadi, Tuan Pengerusi, ada lagi satu perkara dengan izin tuan, ia-itu berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ia-itu F.L.D.A. Berkenaan dengan F.L.D.A., Token Vote juga nampak-nya, tetapi Menteri kita ini akan menjawab bahawa dia akan datang ka-Rumah ini boleh minta sa-berapa banyak yang boleh. Chuma

saya minta satu, Tuan Pengerusi, di-dalam F.L.D.A. ini sudah ada persetujuan yang tertentu dengan pihak Kerajaan Negeri Kelantan ia-itu dengan niat supaya sa-suatu yang baik boleh di-buat, tetapi nampak-nya pihak² sahabat² saya ini memutar belitkan perkara itu mengatakan bahawa P.M.I.P. sudah surrender. Jadi ini, Tuan Pengerusi, saya rasa

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, P.M.I.P. surrender dalam Item mana?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Untuk penjelasan saya tidak beri, point of order, saya boleh. Kami pun anak jantan juga.

Mr Chairman: Perkara anak jantan ada-kah termasuk dalam perkara ini? (*Ketawa*).

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Jadi itu-lah, Tuan Pengerusi, saya rasa berkenaan dengan F.L.D.A. ini apabila sudah ada satu persetujuan, saya harap-lah perkara itu dapat berjalan dengan baik dan menjadi satu chontoh kerja-sama di-dalam negara kita ini.

Berkenaan dengan Pelajaran Kelas Dewasa—ini-lah yang terkemudian sekali dan yang lain pun saya tidak ada hendak berchakap, 5 minit pun tidak sampai, Tuan Pengerusi. Bagitu-lah juga saya di-dalam tiap² satu dasar itu, saya perchaya, pada niat sa-suatu Kerajaan itu tentu-lah hendak buat baik, tetapi chara dia menjalankannya, mithal-nya, di-dalam Kelas Dewasa ini guru-nya dan bagitu juga buku² yang di-gunakan itu, saya rasa pada pendapatan saya, kalau tidak betul Menteri Pelajaran pun boleh betulkan, ia-itu saya rasa buku² itu bukan buku² mengajar orang² dewasa, dia sa-mata buku biasa, buku² sekolah sahaja. Mithal-nya satu buku itu, Tuan Pengerusi, mengajar ABC dan di-dapati orang yang belajar itu ada orang China, Melayu dan India. Dia hendak belajar B itu dia tulis B dia buat perut orang bunchit—jadi B itu bunyi bunchit—bounch bunchit. Jadi bagi yang Melayu itu B bounch, bunchit itu, termasuk otak tetapi kapada orang China bounch itu dia sudah berlain dia punya phonetic dia itu, tidak dapat. Jadi kalau-lah buku² itu dapat di-susun

menchari benda yang sama, mithal-nya A Melayu kata abang, China kata akui—A bunyi Ah. Jadi huruf² itu phonetic-nya dapat-lah di-samakan dengan orang² yang hendak belajar itu. Ini satu kelemahan di-dalam chara² menyusun buku² yang berkenaan.

Ada dua cherita, Tuan Pengerusi, yang saya hendak tutup ucapan saya ini ia-itu bukan kesemua tempat, ter-jadi di-Perak, tempat Tuan Pengerusi juga. Tuan Pengerusi, tempat saya sendiri, ia-itu apabila hendak di-adakan satu pertandingan kechergasan hendak memajukan kelas dewasa ini, saya mengikuti juga, sebab saya sa-bagai sa-orang guru pada masa itu, saya mengikuti dari segi education ini sampai kepada Adult Education. Jadi kelas satu guru itu dia sa-mata² dia baharu mengajar 2 bulan, dia hendak masok bertanding yang murid² dia pandai dan dia buat statement bahawa murid² dia itu boleh bacha *Utusan Melayu*—huruf Jawi bersambong² itu. Jadi mengikut cherita-nya, Tuan Pengerusi, apabila Guru Penyelia itu pergi melawat rupa-nya dia sudah ber-janji dengan budak² ini apabila di-tulis itu tengok pada aku dan ikut isharat, kamu jawab. Jadi bila guru ini hendak di-beri hadiah dia tulis di-situ min-alif-ta=mata. Dua bulan, Tuan Pengerusi, A B C pun tidak boleh tetapi dia boleh bacha huruf Melayu itu ia-itu guru-nya tunjok bagini, kenyit² mata, budak², orang² tua yang belajar itu angkat tangan, “Mata Che’gu.” Lama² dia tulis telinga, lagi memusing, lagi compact, dia tepis² telinga bagini, jadi budak² itu jawab, “Itu telinga Che’gu.” Lama² dia tulis gelang tangan. Macham mana hendak tunjukkan, Tuan Pengerusi, jadi Che’gu itu pergi jauh dia tunjukkan, dia pegang bagini (*Ketawa*).

Dato’ Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, nampak-nya kalau di-biarkan buang masa sahaja. Jadi saya rasa Ahli Yang Berhormat boleh buat cherita itu bila rehat nanti di-luar.

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sa-ekor katak itu apabila di-buat penyelidekan menimbulkan satu faedah dalam science. Jadi kejadian Kelas Dewasa ini

Mr Chairman: Ini kita sudah ter-gelinchong ka-katak pula. Jadi habis-kan cherita itu lekas sedikit.

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah: Jadi apabila dia tunjukkan bagini, bila di-tanya, sa-orang pun tidak mahu jawab, dia kata, “Saya malu Che’gu”. Dia malu hendak cherita. Lama² dia kata tidak apa-lah kalau tidak tahu yang itu dia tuliskan chinchin. Jadi macham mana dia hendak tunjukkan chinchin, Tuan Pengerusi, pada orang ini, dia tunjukkan bagitu (*Ketawa*). Jadi bukan main hodoh-nya cherita² ini ia-lah dengan sa-mata²

Mr Chairman: Tidak usah-lah che-ritta² macham itu, cherita lain, simpan sahaja untok di-kedai kopi atau pun di-luar². Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu kalau menghormati

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta ma’af, Tuan Pengerusi, tetapi saya rasa benda yang berlaku itu saya hendak sampaikan.

Mr Chairman: Ia-lah, cherita itu sudah-lah.

Enche’ Abu Bakar bin Hamzah: Jadi yang kedua, Tuan Pengerusi, dari segi politik, apa yang di-katakan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat kita tadi ini supaya di-masokkan pelajaran politik di-dalam Pelajaran Dewasa ini. Pada satu segi saya bersetuju juga tetapi pada satu segi saya tidak ber-setuju, kerana mengajar politik kepada orang² yang hendak mempelajari A B C itu dia sa-mata² akan menimbulkan sentiment lebeh banyak daripada benda yang kita harapkan baik. Jadi erti-nya bukan politik itu tidak boleh di-jalankan di-situ, jangan pula saudara saya itu salah faham, tetapi dalam falsafah itu, saya rasa, merugikan kita. Ini, Tuan Pengerusi, sudah-lah menjadi satu perkara di-dalam mengajar Kelas Dewasa ini dalam pelajaran ugama-nya ia-itu ada orang² yang mengambil kesempatan, saya perchaya Menteri kita tidak menyuroh bagitu, mengambil kesempatan bahawa

Mr Chairman: Saya terpaksa-lah, saya ada kuasa kepada saya merentikan Ahli Yang Berhormat ini ber-chakap kerana berulang² balek. Jadi

jangan-lah berulang balek, tepat atas perkara perbelanjaan ini sahaja. Tidak usah bagi lecture macham itu, sebab masa ini pendek. Sekarang apabila sudah sampai terburu² orang hendak berchakap. Jadi dengan ini ada longgar sedikit, jimatkan sedikit masa.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Dua minit sahaja, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Baik-lah.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Ia-itu, mithal-nya dapat di-pengarohi bahawa dalam mengajar wudzu ia-itu di-tanya ayer daripada langit, kemudian ayer laut, kemudian ayer sungai, kemudian ayer telaga termasuk-lah ayer panchor. Bila sampai ayer panchor ini di-tanya siapa buat panchor—Ranchangan Luar Bandar. Siapa buat? Kerajaan Perikatan. Jadi, dalam mengajar ugama itu di-kait²kan dengan politik. Jadi, kalau PAS pula mithal-nya memerintah dan mengajar ugama itu akan timbul-lah pula banyak sentimen². Itu-lah sebab-nya saya kurang bersetuju—bukan saya tidak bersetuju langsung, tetapi dalam keadaan negara kita yang sa-macham ini saya tidak bersetuju. Sa-kian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit di-dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini dan sementara saya memberi sokongan yang penuh kepada permohonan daripada Yang Berhormat Menteri, saya juga berasa ia-itu patut-lah saya chakapkan sedikit berkenaan dengan Kelas² Dewasa yang telah didirikan di-seluruh negara kita, kerana ia-itu tujuan-nya dan dasar-nya ia-lah membasmi buta huruf di-antara orang² yang telah lepas peluang pergi sekolah pada masa muda-nya. Jadi, sa-telah saya mendengar perkataan² yang di-hamborkan di-dalam Dewan yang ber-bahagia pagi ini, terang-lah kepada saya ia-itu ada kawasan² di-mana Ranchangan Kelas² Dewasa ini berjalan dengan baik dan maju, tetapi sa-balek-nya ada juga kawasan² yang ranchangan itu tidak begitu baik dan tidak begitu maju. Jadi, tentang sini-lah saya hendak mengemukakan ia-itu kebijaksanaan sa-saorang atau pun sa-

sabuah negeri itu ada-lah memperkenalkan kekurangan kepada diri-nya sendiri. Jangan-lah kita sangka yang kita ini, macham saya mengatakan saya yang pandai, walhal saya mesti tahu ada yang lebeh pandai, kalau saya kata saya bodoh, saya mesti juga mengetahui ada orang yang lebeh bodoh. Ini ugama kita sendiri mengaku begitu.

Jadi, dengan itu saya kemukakan-lah dua tiga perkara dalam kekurangan menjalankan Kelas² Dewasa yang telah dapat kepada saya dalam pemerhatian saya ia-itu kawasan² dalam negeri Perak yang saya mengetahui yang pertama-nya sa-bagaimana yang saya katakan tujuan Kelas² Dewasa itu ia-lah satu daripada segi kita hendak membangunkan negara, meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata, lebeh²-nya daripada kawasan yang di-luar bandar, membasmi buta huruf dan memberi peluang kepada orang² yang lepas daripada masa bersekolah. Kalau anak kita berumur 7-15 tahun tidak payah pergi masuk Kelas Dewasa. Ini ia-lah kepada orang yang tua² yang tidak ada pergi sekolah dahulu. Jadi, itu-lah macham kata Ahli dari Bachok hendak mengatakan ini kena beri isharat dan hendak mengatakan itu kena beri isharat, kerana mereka itu apabila lepas daripada umur yang boleh masuk pelajaran dengan senang, susah hendak masuk pelajaran itu.

Jadi, pertama-nya ada di-dalam beberapa kawasan dalam negeri saya di-Perak ia-itu rumah yang di-adakan Kelas² Dewasa itu tidak bersesuaian, ada tempat yang lebeh kurang macham kandang kambing, bangku di-situ dan buboh satu dua meja walau pun atas-nya rintis di-situ yang di-namakan Kelas Dewasa, dengan sebab apa? Dengan sebab kekurangan Balai Raya. Jadi, berkaitan-lah di-sini dengan Kementerian ini berkehendakkan mendirikan Balai Raya di-tiap² kawasan sa-hingga tiap² kampong pun patut-nya di-adakan satu.

Yang kedua-nya, guru² yang mengajar di-dalam Kelas Dewasa ini pada pendapat saya ia-lah guru yang sudah tidak laku mengajar di-sekolah. Orang yang hendak di-buat apa pun ta' ada guna lagi. Saya bukan-lah mengatakan

semua, saya telah mengatakan tadi, ada kawasan² yang lebeh baik, tetapi ada kawasan² yang lebeh burok, jadi guru² yang bukan-nya patut menjadi guru sa-tengah daripada mereka itu. Kalau sa-kira-nya kita sendiri jadi pemeriksa-nya saya perchaya 50 peratus daripada mereka itu tidak layak jadi guru, kerana pengalaman-nya sa-bagai guru tidak cukup. Demikian juga kepada penyelia²-nya ia-itu taraf-nya tinggi sadikit daripada guru² supaya melihat kerja guru² itu di-Sekolah² Dewasa. Jadi, pendek-nya, pekerjaan dalam Kelas² Dewasa ini, sa-bagaimana kata orang Perak bolehlah di-katakan ambil "sambil lewa" bukan-nya bertugas dengan sa-benar²-nya. Dan di-antara guru² itu pula dan penyelia-nya tidak ada bertanggung-jawab. Sa-tengah² daripada mereka itu saya tahu—saya cheritakan—apabila di-terima wang gaji hendak di-beri kepada guru² Kelas Dewasa yang bertabor dalam kampung² itu, dia buboh dalam satu bek, buboh dalam motokar, simpan kunchi buboh dalam poket, dia masok kedai kopi, tengok² motokar sudah jalan, dia sudah berkaki dengan orang lain ambil duit. Sudah berlaku di-Perak, Tuan Pengerusi. Jadi, perkara kurang tanggung-jawab ini akan merugikan Kerajaan dan patutlah di-halusi oleh Kementerian ini.

Yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengatakan ia-itu mata² pelajaran yang di-ajar dalam Kelas² Dewasa ini ia-lah membacha, menulis dan membuat kira². Dan saya mengerti ia-itu kalau sa-kira-nya kita pergi melihat pertunjukan sandiwara-kah, Kelas Dewasa ini sudah jadi permainan kepada orang, kerana di-tunjukkan-nya orang tua² yang bergobek makan sireh: hendak pergi ka-mana Ma' Chik-kah atau Ma' Ngah-kah, dia kata aku hendak pergi ka-Kelas Dewasa. Kenapa? Che'gu suroh minggu sudah, hari ini ada Kelas Dewasa, sa-minggu sa-kali. Jadi, dia hendak tanya apa pun tidak tahu-lah, dia kata huruf "H" itu kata-nya, kalau sa-kira-nya ada reban ayam, tangga ayam yang satu di-tengah, "H"-lah nama-nya. Kalau hendak mengenal huruf "H" ingatkan tangga reban ayam yang satu di-tengah itu.

Jadi, pada fikiran saya tujuan yang asal itu ia-lah hendak membasmi buta huruf, tetapi lebeh baik lagi di-antara itu kita panjangkan, kita luaskan mata-pelajaran itu dengan mengadakan kursus² urusan rumah-tangga yang boleh menjadi satu bekalan kepada pelajar² yang menuntut di-Kelas² Dewasa itu. Tetapi malang-nya ada pula satu atau dua kelas urusan rumah-tangga ini, sa-bagaimana kata sahabat saya di-sabelah sini tadi ada yang menggunakan electric stove dan ada yang menggunakan dapur minyak, yang tidak berupaya-lah orang kampung hendak mengadakan, tempat kelas itu dia boleh-lah gunakan, dengan aluminium kualiti-lah dan dengan periok yang chantek-lah, tetapi boleh di-katakan tidak "realistic", wal hal-nya orang kampung itu ta' tahu menengok dapur karan (current) ta' usahkan hendak membeli, menengok pun barangkali tidak tahu apa benda barang itu. Demikian juga dapur minyak, barangkali ini banyak-lah orang tahu.

Satu daripada mata pelajaran yang telah di-kemukakan oleh Ahli² Yang Berhormat ia-lah mengajar politik. Saya sendiri berasa ini tidak bersesuaian kerana kalau sa-kira-nya kita mengajar politik di-dalam kelas dewasa itu berm'ana-lah kita mengumpun undi. Jadi saya fikir boleh-lah kita katakan tujuan kita sudah tawar—diluted—tujuan yang asal apa dia, tujuan sekarang apa dia.

Jadi dengan itu saya harap-lah ia-itu hendak mengelokkan perjalanan kelas² dewasa ini segala perkara yang di-sebutkan di-dalam Rumah yang ber-bahagia ini di-ambil ingatan dan di-ambil tindakan oleh Kementerian supaya dapat benda yang tidak elok itu kita berus sadikit biar dia chantek sadikit, kalau tidak begitu tidak boleh-lah kerana ini tujuan-nya sudah elok sa-kadarkan itu perjalanan tidak berapa elok. Dengan itu saya menerima kaseh kepada Tuan Pengerusi.

Tunku Abdullah Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman (Rawang): Tuan Pengerusi, saya hendak menyen-toh dua tiga perkara dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tetapi saya harap Yang Berhormat

Menteri Muda Kementerian tersebut jangan-lah menegor saya, kerana pada fikiran saya sendiri Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ialah bertanggung-jawab dan bertugas untuk pembangunan segala segi dalam negara kita. Jadi ma'ana-lah boleh kita sa-bagai bahathkan dasar Kementerian ini, boleh-lah kita menyentoh apa² perkara sahaja yang bersangkutan dengan Kementerian ini.

Perkara yang pertama, Tuan Pengerusi, yang saya hendak sentoh di-sini ia-lah keadaan sa-buah kampung di-kawasan saya di-jajahan atau di-daerah Kuala Selangor ia-itu satu kampung yang keadaan-nya sangat-lah menyedehkan hati; nama kampung itu ia-lah Kampung Jaya Setia. Kampung Jaya Setia, Tuan Pengerusi, telah di-bena pada tahun 1954 di-khaskan bagi bekas mata² khas. Tetapi tanah tempat yang di-pilih oleh Kerajaan penjajah dahulu ia-lah bukan-lah tanah yang baik—yang sempurna untuk di-tanam apa² jua pun. Di-sana, Tuan Pengerusi, ada 1,600 ekar telah di-peruntukkan untuk 257 kelamin ia-itu 4 ekar sa-orang bagi kebun, dua suku ekar bagi tanah bagi satu² kelamin, dan bantuan yang telah di-beri ia-lah lebeh kurang \$1,260 untuk rumah dan chuma \$240 untuk menanam apa² juga tanaman yang hendak di-perbuat oleh mereka. Maka pada tahun 1957 mereka telah menanam kopi di-sana dengan nasehat Kementerian Pertanian tetapi tidak berapa lama lagi tanaman² kopi telah terus di-serangi oleh ayer bah dan lebeh kurang 200 lot daripada 257 itu telah di-hapuskan dan terus mati. Sedangkan mereka dengan kebolehan dan kemahuan

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, kalau perkara itu pendek sahaja di-sebutkan tidak akan di-object tetapi kalau panjang saya suka-lah menyatakan perkara itu dapat-lah kita binchangkan di-bawah Development Estimates mengenai soalan pembangunan macham tanah ini. Apa yang kita binchangkan pada masa ini ia-lah peruntukan untuk Ibu Pejabat dalam Kementerian—gaji Menteri, gaji pegawai², gaji pekerja² RIDA, pentadbiran dalam office RIDA dan FLDA. Berkenaan dengan pembangunan tanah

dan ranchangan² yang lain itu kita ada Development Estimates dan wang peruntukan itu akan keluar daripada wang Development.

Tunku Abdullah Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, Standing Orders 66 (10) perbahathan hendak-lah di-hadkan kapada dasar perkhidmatan yang hendak di-untokkan wang itu. Yang saya kajikan sedikit di-sini ia-lah gaji² Menteri, gaji² Menteri Muda dan pegawai² yang lain yang patut berkhidmat dan bertugas untuk membangunkan negara dan luar bandar. Jadi saya rasa tidak ada-lah halangan untuk saya berchakap sedikit dalam perkara hal ini. Dan lagi perkara bekas mata² khas atau tanah yang telah di-beri ini tidak bersangkutan dengan Kementerian

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: The Honourable Member is still dwelling on that point. It is Standing Order 66 (11), not (10), which says, "The debate shall be confined to the policy of the service for which the money is to be provided", as disclosed in the estimates.

Mr Chairman: Confined to the policy of the service?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: The services for which the money is to be provided as disclosed in the estimates. We have got two Estimates for discussion, one is the Ordinary Estimates which deals with salaries, expenditures—annual and recurrent; the other one is the Development Estimates which deals with matters specifically, as raised by the Honourable Member.

Mr Chairman: I am afraid that one can talk widely on the policy of the service for which the money is to be provided.

Tunku Abdullah Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Jadi saya katakan tadi dengan kebolehan mereka, dengan kemahuan mereka di-tanam lagi sakali dengan kopi, maka tidak berapa lama lagi terus mati juga dengan sebab ayer bah. Kemudian pula pada tahun 1959 lebeh kurang di-benarkan pula mereka menanam getah. Sa-telah di-tanam dengan tidak ada apa² bantuan

daripada Kerajaan pada tahun 1959 itu lebih kurang 75 peratus daripada tanaman itu telah terbakar pula dengan sebab tiga empat bulan keadaan panas tidak ada hujan. Jadi, Tuan Pengerusi, tiap² tahun nampak-nya ayer bah ada, kebakaran ada dan apabila masa ayer bah macham tahun lepas, kampung itu macham pulau, Tuan Pengerusi, dikelilingi semua-nya penoh dengan ayer. Perkara ini beberapa kali telah di-kaji oleh Kerajaan Selangor dan juga barangkali oleh Menteri Muda Pertanian pada masa itu nampak-nya satu tindakan pun tidak di-ambil. Maka sekarang ada lebih kurang 20 kelamin telah lari daripada tempat itu, ada 24 kelamin lagi telah keluar dan menchari kerja di-tempat lain dan orang² sana—tuan rumah, isteri-nya dan anak-nya pun nampak-nya hari² keluar bekerja di-tempat² lain dan chuba juga-lah menyelenggarakan tanah-nya sendiri.

Jadi perkara ini, Tuan Pengerusi, saya harap sangat-lah bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini akan melantek sa-buah Jawatan-kuasa Khas untuk menyiasat perkara ini dan berunding dengan penduduk² di-sana dengan tujuan barangkali untuk di-pindahkan-kah mereka kapada kawasan FLDA atau pun macham mana gaya-nya boleh memperbaiki lagi keadaan kehidupan mereka di-sana. Dengar khabar pula Kerajaan Negeri Selangor hendak beli pam yang besar dengan harga dekat \$1 juta supaya hendak mengeluarkan ayer daripada tempat itu tetapi saya rasa, Tuan Pengerusi, perkara ini tidak akan dapat di-laksanakan—di-jayakan dengan chara demikian barangkali lebih baik, dan ketua² kampung pun nampak-nya di-sana telah bersetuju dengan saya, barangkali lebih baik di-untokkan tanah yang lain langsung biar-lah mereka pindah dengan tanah yang baik yang di-uruskan oleh FLDA.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, ia-lah perkara yang saya hendak sebutkan dalam Kementerian Perdagangan dan Perusahaan pun tidak kena tempat-nya, kalau hendak di-sebut dalam Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pun tidak kena tempat-nya ia-lah berkenaan dengan lampu letrik

untuk kampung² dan New Village² ia-itu lampu letrik di-tengah jalan. Sekarang, Tuan Pengerusi, letrik telah sampai-lah ka-new village atau kampung² baharu tetapi tidak ada peruntokan di-mana² pun kerana mereka bukan-nya-lah dalam kawasan Lembaga Bandaran dan lain²-nya, tidak ada-lah peruntokan mana² pun untuk memberi bekalan letrik di-jalan² kampung dan di-new village.

Jadi, kalau dapat sa-kira-nya Kementerian ini mengambil tindakan supaya berunding dengan Kementerian lain, atau pun berunding dengan Kerajaan² Negeri supaya di-sediakan, di-bena letrik bagi jalan² kampung di-mana sekarang perkhidmatan letrik sudah sampai.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan perkara yang saya sudah kemukakan sa-masa dasar perbelanjaan di-bahathkan—saya ulangi sa-kali lagi perkara tindakan yang patut di-ambil oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar berkenaan dengan perkara dan tugas dan perkhidmatan untuk meninggikan taraf hidup orang² kita Melayu. Saya harap-lah perkara ini akan di-segerakan, ia-itu di-sediakan, barangkali satu Bilek Tindakan—Bilek Tindakan yang bertugas untuk sentiasa memikirkan perkara ini dan membuat ranchangan serta membuat tindakan supaya dalam segala segi orang² Melayu kita boleh mengambil bahagian supaya dapat bersama dengan bangsa² lain untuk meninggikan semua penduduk² negeri ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja ucapan saya ini, saya harap tidak-lah menjadi marah bagi Menteri Muda ini kapada saya. Ini-lah sahaja, saya ucapkan ribuan terima kaseh.

Enche' Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, sa-bagaimana petua Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita dalam usaha hendak melaksanakan pembangunan dengan segera dan chepat, ia-itu pegawai² ini hendak-lah memberi kerjasama dengan merupakan satu team, tetapi dalam hal ini saya berasa dukachita, kerana dalam daerah saya sendiri, ia-itu petua²

itu tidak dapat di-amalkan oleh sa-tengah² pegawai, terutama sa-kali pe-gawai tanah yang selalu melambat²kan, atau tegas-nya merupakan tidak mahu masuk diri-nya dalam team yang di-kehendaki itu. Maka selalu kedapatan projek² yang hendak di-laksanakan segera telah terlewat, tidak dapat di-sempurnakan, dan saya tidak hendak memberi banyak contoh dalam Dewan ini, tetapi apa yang saya mengharap-kan kepada Kementerian ini supaya meng-ambil perhatian yang berat di-atas perkara ini.

Satu perkara sahaja yang saya suka hendak berchakap berkenaan dengan muka 272 ia-itu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya menguchap-kan banyak terima kaseh atas usaha Kerajaan sekarang ini dari sa-hari ka-sahari sa-hingga beberapa banyak tanah telah di-buka dalam hal ini. Apa yang saya mahu, ia-itu memilih manager, atau penolong manager di-sa-sabuah ranchangan itu. Dalam negara kita ini, rasa saya, tidak kurang anak bumiputra kita sendiri yang ada ke-bolehan untuk menjadi pegawai, atau pun manager di-dalam ranchangan² ini dan baharu² ini, beberapa banyak orang² Melayu kita, khas-nya yang telah di-tempatkan menjadi manager dalam Ranchangan² Tanah ini, yang telah menunjukkan bukti kerja-nya dengan penoh mendapat kejayaan. Apa yang saya mahu, Tuan Pengerusi, waktu kebelakangan ini, pemilihan manager bagi ranchangan ini hendak-lah di-pilih daripada orang² bumiputera kita sendiri yang mana di-samping mereka itu berkebolehan di-dalam kerja²-nya, juga mereka itu boleh dapat menyesuaikan diri-nya dengan orang² yang masuk di-dalam ranchangan itu. Apa yang saya dapat tahu, Tuan Pengerusi, ada beberapa ranchangan tanah yang telah di-isi dengan manager²-nya orang kulit puteh, dan pada pendapat saya untuk hendak menyesuaikan dengan keadaan negara kita ini untuk menuju kepada semangat kemerdekaan, semangat me-merintah dengan sendiri, maka sudah sa-patut-nya-lah dari sekarang kita mengikis dasar penjajah yang telah mengkongkong ra'ayat negeri kita ini berat² tahun lama-nya. Jadi, saya berharap, Kementerian ini dapat mem-

beri jaminan bahawa semua kerja dalam ranchangan² tanah kita pada masa akan datang akan di-isi dengan anak² bangsa kita sendiri.

Enche' Chen Wing Sum (Damansara):

Mr Chairman, Sir, I would like to express my gratitude to the Ministry of National and Rural Development on behalf of the people of my constituency who have been benefited under the various schemes—in particular, I wish to mention the new roads that have been built and water supply that has been extended to the various villages along Puchong Road.

Mr Chairman, as regards Adult Education, I realise what the Honour-able Assistant Minister has said just now regarding the shortage of teaching staff. May I suggest that the Ministry makes an appeal for voluntary services from the public? In certain countries, I understand, they make use of the personnel of the military service to serve this purpose. Perhaps, at this moment in our country, because of the confrontation, we cannot afford to do that. However, regular teachers or University undergraduates may be able to help during their vacation to conduct these classes. Sir, I have had occasions to visit these Adult Education classes and I have often observed that the participants or the pupils in those classes are mainly Malays. I am very sad to say that, and it is unfortunate that the others do not seem to be interested and do not seem to take full advantage of such good facilities. I quite understand why Members of the P.M.I.P. from Kelantan would say that in certain classes there are not enough pupils. In certain places, the people might think that these classes are con-ducted by the Alliance Government and that, therefore, if they attend those classes, they might be influenced by the Alliance party or by the Alliance politics. That idea is wrong. These classes are meant for all those people who need education for their own good.

May I take this opportunity to say this: for those who need education? I certainly think that it is worthwhile for them to spend their time in these classes rather than to play Mahjong or gossiping in the coffee shops.

Enche' Hamzah bin Alang (Kapar): Tuan Pengerusi, saya hanya mengambil satu perkara sahaja tentang perbelanjaan² kaki-tangan pelajaran dewasa, Pechahan Kepala 12 dan 13, muka 273. Saya mengagak bahawa pelajaran dewasa ini yang telah di-jalankan oleh Kerajaan ada-lah satu usaha yang paling meluas dan banyak mempunyai bukti² yang dapat kita perhatikan di-segenap tanah ayer kita ini dengan usaha Penyelia² dan Guru² Kelas Dewasa ini, tetapi saya mendengar tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar mengatakan pelajaran dewasa ini ta' memberi bekas kepada ra'ayat.

Saya rasa sangat-lah salah sa-kali, pada pendapat saya, kerana di-dalam perkara ini saya yang berapat dengan Guru² Dewasa dan Penyelia² ini dan dia orang bekerja sa-kurang²-nya di-dalam sa-buah kampung dapat mengadakan satu masyarakat yang damai walau pun orang² tua yang dahulu-nya tidak pernah dapat belajar atau pun tidak ada peluang belajar tetapi sekarang mereka itu sudah boleh membaca dan sudah boleh menulis. Ini yang kita amalkan sekarang ini, kita hendak mengajar ra'ayat yang telah merdeka mengerti dan faham segala sa-suatu yang di-buat oleh Kerajaan. Jadi saya rasa berhubung dengan Pelajaran Dewasa ini, kalau dapat, kita tambah lagi peruntukan-nya atau Kelas Dewasa itu di-buka lebeh meluaskan lagi. Kalau mengikut keadaan sekarang ini, umpama-nya di-dalam kawasan saya sa-belah Kelang 30-60 buah kelas sahaja, bererti 60 guru atau pun lebeh dengan satu Penyelia. Penyelia ini bekerja di-fikirkan macham lipas kudong melawat daripada sa-buah sekolah ka-sabua sekolah tetapi apa yang di-dapat-nya dengan gaji sa-bulan \$300, kalau saya tidak silap, di-bandingkan dengan pekerjaan-nya tidak-lah menasabah dengan pendapatan-nya. Bagitu juga Guru² Dewasa ini mengajar satu jam \$4.00 kadang² dia berpeluang mengajar dua kelas atau pun tiga kelas dapat-lah dia sa-bulan elaun \$80 atau \$90. Jadi kalau kita hendak meluaskan soal bahasa kita ini dan untuk meluaskan lagi tentang pelajaran dewasa kita ini, maka berhubung dengan pembayaran ini, saya rasa, tidak-lah boleh

kita chuaikan malahan Kerajaan harus mengambil perhatian, kalau dapat, menambah tentang bayaran ini kerana itu jadi pengharapan kepada orang² kampung yang lepas sekolah Darjah VI atau Darjah V Sekolah Melayu. Kalau mereka di-temu-duga berpeluang menjadi guru Sekolah Dewasa ini, ada-lah satu mata pencharian kepada orang² Melayu di-kampung². Maka saya rasa kalau ada orang mengatakan bahawa sekolah dewasa ini atau pun pelajaran dewasa ini tidak ada memberi menafa'at kepada Kerajaan, saya suka-lah menyatakan kepada orang itu barangkali orang itu tidak berchampur dengan keadaan² masyarakat kampung-nya sendiri.

Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak mengambil dua tiga perkara sahaja, Tuan Pengerusi. Yang pertama masalaah RIDA. RIDA ini yang saya tahu di-tubuhkan kerana hendak menolong orang² Melayu di-kampung² supaya boleh hidup dengan baik, tetapi mengikut Estimate yang ada ini hanya sa-banyak \$3.5 juta yang di-sediakan untuk RIDA. Tuan Pengerusi, saya perchaya dan dapat-lah saya mengatakan bahawa chita² hendak menolong orang² Melayu melalui RIDA dengan wang sa-banyak \$3.5 juta itu

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan, wang sa-banyak \$3.5 juta itu ia-lah untuk pentadbiran pejabat RIDA. Wang untuk bantuan akan keluar di-bawah Estimate Pembangunan.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Saya setuju, Tuan Pengerusi, tetapi tidak chukup.

Mr Chairman: Tidak chukup apa?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tidak chukup \$3.5 juta untuk perbelanjaan pejabat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, FLDA. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Muar Utara, kalau tidak salah saya, berkenaan dengan Manager² yang ada di-dalam ranchangan² tanah FLDA ini terdiri daripada bekas² penjajah. Saya hanya mahu

bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Muda ini, apa-kah orang Melayu tidak layak menjadi Manager itu maka di-ambil orang² puteh? Sudah banyak kali bila perbahathan kemiskinan dan kemelaratan orang Melayu ini timbul dalam Dewan ini, maka Yang Berhormat² Menteri ini akan mengatakan bahawa kelemahan itu di-tinggalkan oleh penjajah. Mengapa kalau kita sudah tahu bangsa penjajah pernah menipu orang Melayu, meninggalkan orang Melayu ini jauh kebelakang dalam segala bidang dan mengapa dalam pembukaan tanah sekarang ini, orang puteh mesti kita dewa²kan dengan di-beri gaji. Saya dapat mengatakan bahawa orang puteh keluar dari pintu depan maka masuk ikut pintu belakang. Ini masalah orang Melayu yang layak, orang Malaysia ada yang layak, mengapa kita mesti dewakan orang puteh? Ranchangan² tanah di-Chalok, Trengganu, menimbulkan berbagai² masalah bahawa orang puteh menjalankan satu system menganak tirikan orang Melayu, bagitu juga baharu² ini dalam surat khabar bagaimana sa-orang Manager orang puteh ini menganak tirikan orang Melayu. Ini kejadian di-Perak. Saya menchabar Kementerian ini kalau betul² mahu menolong ra'ayat ini mengambil orang² Malaysia sendiri menjadi Manager dan halau keluar orang puteh ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, Pelajaran Dewasa. Sa-masa mula² Pelajaran Dewasa di-adakan dan di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat, PAS menyokong pada dasar-nya, kerana kita tahu tujuan mengadakan Pelajaran Dewasa ini ia-lah mahu menolong orang² tua, orang² kampong, khas-nya orang² Melayu supaya kenal A dan B. Tuan Pengerusi, dalam masalah ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar, tujuan mengadakan Kelas Dewasa ini sudah di-larikan jauh, sudah di-alehkan ka-lain dan sudah di-peralatkan oleh sa-suatu pehak. Saya tidak menyalahkan Kementerian ini tetapi orang²-nya. Saya menchadangkan, Tuan Pengerusi, kerana Pelajaran Dewasa ini masalah pelajaran, maka perbelanjaan dan hal-chwal Adult Education ini di-pindahkan kepada Kementerian Pela-

jaran, semua-nya sa-kali di-pindahkan kepada Kementerian Pelajaran dan pengambilan pegawai²-nya, guru²-nya, Penyelia²-nya hendak-lah melalui Public Services Commission, tidak dengan hanya di-angkat oleh orang² yang tidak tahu dan boleh jadi kalau saya mengatakan ada di-Kelantan ada-nya tidak ada murid, tetapi sekolah-nya berjalan dan elaun dapat akan bangun-lah saudara² orang UMNO dan akan menghentam segala PAS yang mengeluarkan benda itu. Tetapi saya sanggup membawa Yang Berhormat Menteri Muda ini menunjokkan di-mana kelas² itu yang hanya ada dua orang murid tetapi dia dapat elaun yang chukup pada tiap² bulan. Ini satu penipuan kepada wang ra'ayat. Saya tidak menyalahkan Yang Berhormat, tetapi orang yang menjalankan kerja² ini, Tuan Pengerusi, yang mengabaikan tanggung-jawab-nya. Ini saya harap tidak berlaku, mahu tidak mahu kejadian ini berlaku ia-lah dengan memin-dahkan Pelajaran Dewasa ini kepada Kementerian Pelajaran dan pengambilan guru²-nya hendak-lah melalui PSC—Public Services Commission. Baharu kita tahu orang itu betul layak menjadi guru atau pun tidak. Kita tidak mahu chalun² yang kalah itu, “Engkau menjadi Penyelia, engkau jadi itu, engkau jadi ini.” Tidak mahu macham itu, Tuan Pengerusi, kita mahu ini wang ra'ayat, wang ra'ayat yang di-gunakan oleh ra'ayat mesti dengan betul, tidak mahu kerana menimbangkan pada sa-suatu orang, di-gunakan wang ra'ayat ini. Ini pengkhianatan erti-nya, Tuan Pengerusi.

Terima kaseh.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, boleh-kah mendapat penjelasan. Di-mana-kah kelas yang chuma ada dua orang murid sahaja dan guru itu mendapat gaji yang penoh supaya dapat saya mengambil tindakan?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Di-daerah Pasir Mas Hulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di-dalam perbahathan mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Terlebeh dahulu saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai²-nya dan juga menguchapkan terima kaseh oleh kerana melaksanakan beberapa ranchangan dalam kawasan saya dan mendapat sambutan yang baik daripada ra'ayat jelata.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian mengenai dasar Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Sa-tahu saya ada-lah dasar-nya untuk hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata dengan mengadakan beberapa ranchangan dengan bekerjasama dengan Kementerian² yang lain. Sa-takat ini ra'ayat jelata telah pun menikmati beberapa kemudahan, ia-itu jalan raya, bekalan ayer, membuat bendang dua kali sa-tahun, bekalan letrik, masjid, dewan orang ramai dan lain². Pada pendapat saya, taraf hidup ra'ayat jelata itu belum lagi sa-benar²-nya naik sa-bagaimana yang di-jangka oleh kerana beberapa kesulitan.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat Menteri mengkaji dengan halus-nya di-atas dasar hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat, kerana kita dapati sa-kira-nya taraf hidup ra'ayat naik, ada satu gulongan taraf hidup ra'ayat naik 10 peratus dan ada taraf hidup sa-gulongan ra'ayat yang lain naik sa-hingga 20 peratus. Jadi, kita sa-hingga bila² masa juga akan menghambat hendak meninggikan taraf hidup supaya sa-imbang tetapi tidak upaya hendak menyamakan taraf hidup itu. Oleh yang demikian, saya mengshorkan supaya di-kaji beberapa factor yang dapat kita jadikan ra'ayat jelata ia-itu sa-bahagian besar daripada ra'ayat jelata kapada gulongan orang yang taraf hidup-nya pertengahan (middle class), dengan chara meninggikan taraf hidup orang yang bawah dan menyekat orang yang taraf hidup-nya terlampau tinggi supaya dengan satu had atau chara jangka panjang dapatlah orang bawah naik, samakan dengan taraf hidup orang yang hartawan atau jutawan, orang yang mempunyai perniagaan yang besar² yang menjadi wakil perniagaan yang besar², yang menjadi konterektor dan lain² dengan chara milek bersama. Sa-lagi tidak

dapat kita mengadakan satu had, sa-lama itu-lah tidak dapat orang bawah ini naik, menyamakan taraf hidup ra'ayat jelata, sa-hingga sa-gulongan yang besar sa-kurang²-nya 80 peratus daripada ra'ayat dudok dalam gulongan orang pertengahan, 10 peratus orang kaya² dan jutawan, 10 peratus orang kelas tingkat tiga, 80 peratus dudok di-tingkat tengah baharu-lah sa-benar²-nya kita dapat berhasil di-atas chita² kita hendak meninggikan taraf hidup ra'ayat jelata. Saya berharap dapat-lah Kementerian ini mengkaji sa-halus²-nya bagaimana chara hendak menghasilkan chita² yang saya sebutkan tadi.

Ada beberapa banyak kesulitan yang kita dapat di-kampong², khas-nya orang-tengah. Ini ada-lah satu kesulitan yang besar yang tidak dapat kita hapuskan. Kita beri kemudahan kapada orang menanam padi dua kali sa-tahun, padinya itu di-jual melalui orang-tengah, bagitu juga sayoran², buah²-an, ikan dan lain². Ini ada-lah satu masaalah yang penting.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, on a point of order. Peratoran 36 mengatakan "Sa-saorang ahli hendaklah menghadkan perchakapan-nya kapada perkara yang di-binchangkan sahaja". Saudara saya itu berchakap mengenai dasar, dasar tidak boleh, ini dalam committee, yang kita bahathkan sekarang ini ia-lah butiran².

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tolong bacha S.O. 66 (11)

Mr Chairman: Saya suka kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memendekkan sedikit uchapan-nya dan tepatkan kapada perbelanjaan yang ada ini. Perkara² yang lain itu tanggohkan-lah dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Terima kaseh. Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya telah mendengar uchapan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai Ranchangan Kemajuan Tanah dalam bandar. Ini ada-lah satu ranchangan yang saya sambut baik dan saya harap ranchangan ini dapat di-laksanakan, kerana dalam bandar ada tanah² orang Melayu yang tidak dapat di-usahakan

dan tidak dapat di-majukan oleh kerana beberapa kesulitan. Kalau sa-kira-nya, ranchangan ini atau dasar ini dapat di-laksanakan baharu-lah boleh orang Melayu yang mempunyai tanah yang kechil dalam bandar itu di-usahakan dengan sa-penoh-nya.

Tuan Pengerusi, saya tertarek hati dengan satu shor yang mengatakan dalam Kelas² Dewasa itu patut di-adakan pelajaran mengenai ilmu siasah. Banyak Ahli² barangkali salah faham atas maksud-nya. Pelajaran, ilmu atau pengetahuan siasah tidak bersangkut dengan parti. Apa yang di-maksudkan pengetahuan siasah yang patut di-ajar kepada warga-negara kita ia-lah mengenai Perlembagaan negara Malaysia, mengenai Perlembagaan Kerajaan Negeri masing², mengenai demokerasi dan chara memerintah negara. Ini-lah yang saya shorkan dan saya harap dapat di-masokkan sa-bagai satu mata-pelajaran supaya tiap² warga-negara kita tahu dengan sa-penoh-nya pemerentahan negara kita chara demokerasi. Bagaimana-kah demokerasi itu di-laksanakan, bagaimana-kah susunan Kerajaan kita mengikut Perlembagaan, susunan Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Negeri dan pentadbiran dan pemerentahan Majlis² Tempatan. Dengan ada-nya pengetahuan yang samacham itu dapat-lah orang² kita di-kampong² khas-nya tahu sa-benar²-nya keadaan, kedudukan dan chara pemerentahan negara ini dan dengan itu tidak dengan mudah-nya di-pengaroh oleh parti politik menarek mereka itu ka-haluan yang lain daripada yang elok.

Saya dengar wakil dari Chalok tadi nampak-nya perasaan dia itu terhadap orang puteh chukup marah. Apa orang puteh buat saya pun tidak tahu, saya bukan-lah pro-orang puteh sangat, tetapi kalau tidak ada orang puteh beri pelajaran kepada saya pada masa dahulu, hari ini pengetahuan

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, siapa wakil Chalok dalam Dewan ini?

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Saya pun tidak tahu, wakil yang berchakap itu wakil dari mana?—(An Honourable Member: Pasir Mas Hulu.)—Pasir

Mas Hulu—saya lupa ada kawan saya kata Chalok. Jadi, kalau tidak tahu, orang beri nasihat kepada kita bagaimana hendak jalankan tugas Kerajaan untuk kebaikan dan membangunkan negara kita daripada orang² yang ada pengalaman, kalau tidak sa-lama²nya kita akan jadi mundur. Kalau tidak mahu itu, tidak payah kita terima penasihat daripada Bangsa² Bersatu mithal-nya, daripada orang puteh, daripada orang² lain, penasihat daripada Colombo Plan dan penasihat daripada orang lain. Tidak guna langsung-kah ini? Orang puteh pun sebab ada pengalaman dan berguna kepada negara, dia makan gaji kepada kita, kita bayar gaji di-atas perkhidmatan-nya, dan dia tidak boleh buat apa yang dia suka dan mahu, melainkan dengan perintah dan peratoran kita. Kalau dia chuba hendak menghalang kemajuan kita dan chuba hendak membuat apa² di'ayah yang berlawanan dengan kehendak kita, kita akan keluarkan dia. Kita kena-lah hormat sa-saorang. Banyak orang puteh ini sudah menjadi warga-negara dan kita benarkan dia berkhidmat kepada kita. Sa-bagai warga-negara dia mempunyai hak sama dengan kita. Saya harap perkara ini wakil dari Pasir Mas Hulu timbang dengan halus, jangan-lah dengan sewenang²-nya mengkecham dan mengutok satu² gulongan yang telah membuat jasa kepada kita.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas S. 64, Butiran (53) dan (54). Di-sini saya nampak, Tuan Pengerusi, satu usaha dari Kerajaan yang betul² memandang berat terhadap Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah ini. Jadi dengan ada-nya dua jabatan ini saya perchaya-lah segala pentadbiran dalam urusan ini—dalam Lembaga Kemajuan Tanah ini—dapat memuaskan hati segala pehak. Sebab, pada masa yang lampau, pentadbir² ini saya perhatikan baik daripada peringkat tinggi, kebanyakan orang² yang telah bersara yang saya perchaya-lah yang bersara itu dia tidak menumpukan 100 peratus di-atas kerja dia dan juga pentadbir² dalam ranchangan² yang di-katakan Lembah Bilut saperti kampong tempat saya, Kampong Awah, ia-lah daripada orang²

yang bukan ada pengalaman yang tinggi dalam chara pentadbiran, dengan sebab itu-lah kita dapat segala persekesehan dan sa-bagai-nya dalam segala ranchangan² ini. Jadi usaha ini saya memandang berat ia-itu satu usaha yang sangat saya puji kerana pandangan yang berat yang telah di-timbulkan oleh Kerajaan mengadakan dua pegawai yang mengetahui dan yang pakar dalam chara mentadbirkan Lembaga Kemajuan Tanah ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, muka 273—Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan. Wang di-adakan sabanyak \$3,560,000 untuk mentadbirkan pejabat ini. Jadi saya hendak minta sedikit Kementerian ini supaya dapat di-selidek dengan halus bagaimana-kah yang pegawai² itu boleh berkhidmat dengan segala penoh hati dan dapat keperchayaan penoh daripada orang ramai. Sebab pada masa ini kalau di-ambil satu chontoh di-tempat saya, sa-orang pegawai di-Ibu Pejabat ini sa-orang sahaja, office-nya ada, peon-nya tidak ada, siapa pun tidak ada, dia-lah pagi sapu office, dia-lah keluar ka-kampong², jadi rasa saya tentu-lah satu usaha yang besar daripada pejabat ini untuk memberi faedah yang ramai tentu-lah saya rasa tidak puas hati. Jadi saya harap dapat di-selidek supaya perkhidmatan² bagi pegawai² ini chukup boleh memuaskan hati kita semua. Saya tengok macham di-tempat saya itu kalau dia keluar pergi menyiasat di-kampong², maka office itu ditutup. Jadi ini, saya rasa, kalau kita siasat satu tempat kalau perkhidmatan itu betul²-lah menerima sambutan yang baik daripada orang ramai daripada statistics—daripada penyata yang kita terima, patut-lah kita tambah pegawai² di-tempat ini. Jikalau di-tempat yang sa-umpama itu, tempat yang tidak berkehendakkan pertolongan, kita tengok dia punya penyata tiap² tahun kita tahu-lah satu² tempat itu tidak berkehendakkan lebeh, ta' payah-lah.

Jadi ini-lah saya rasa, sebab apa, saya tahu pejabat ini satu pejabat yang di-pandang tinggi oleh orang² Melayu, hendak minta pertolongan dan sa-bagai-nya. Jadi, kalau sa-kira-nya pegawai-nya itu tidak chukup kaki-tangan, tidak chukup masa, tidak pernah ada

di-office kerana ada urusan-nya, bukan kerana dia tidak ada lagi, tidak ada di-office, tetapi tidak chukup kaki-tangan. Jadi saya rasa minta-lah perhatian berat supaya di-selideki perkara² yang sa-macham ini. Saya hendak mengatakan tempat lain, saya tidak tahu, tetapi di-tempat saya tentu-lah tidak chukup pegawai sa-macham itu. Jadi, rasa saya, perkara sekarang tentu-lah pejabat ini menghadapi perkara yang banyak sekarang, ia-itu pelaksanaan bagaimana orang Melayu hendak mengambil bahagian chergas dalam perniagaan² dan juga bagi orang² yang hendak memajukan perusahaan² sendiri. Jadi semua-nya ini pegawai ini-lah yang akan menguruskan.

Saya bagi satu chontoh, saya sa-malam ada talipon ka-pejabat negeri Pahang kepada pegawai ini. Saya telah di-beritahu yang Enche' ini satu minggu chuti jadi tidak ada ganti-nya. Jadi macham ini-lah, Tuan Pengerusi, kesulitan² yang di-alami. Saya sendiri pada hari sa-malam talipon ka-pejabat ini dia kata hari Ithnin besok-lah pegawai itu dapat jumpa. Jadi segala urusan di-pejabat itu tidak ada siapa yang boleh bertanggung-jawab. Jadi ini saya rasa sa-bagai Pegawai Negeri, kalau tidak ada penolong-nya bagitu-lah keadaan-nya.

Lagi satu muka surat 274, Pechahan-kepala 23, Bantuan kepada Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji Malaya—Grants to Malayan Muslim Pilgrims Corporation. Saya ingat tentu-lah sa-bagai ucapan Menteri Muda itu ia-itu wang ini untuk mentadbirkan pejabat itu. Jadi ini satu usaha yang sangat baik, Tuan Pengerusi, ia-itu usaha hendak mengikat hati orang Islam di-tanah ayer ini untuk menunai-kan rukun Islam yang kelima. Jadi usaha ini, apa yang telah di-buat pada masa yang lampau, saya tengok ia-lah pejabat ini ada menghantarkan siaran² kepada orang² yang ternama, kepada Pejabat Daerah—Penghulu². Tetapi saya rasa elok-lah kalau sa-kira-nya dapat pegawai² pejabat ini menghantar pegawai² penerangan bersama² Pejabat Penerangan menerangkan keadaan apakah sebab tujuan² Kerajaan mengadakan perbadanan haji ini. Jadi sa-lama ini rasa saya belum lagi dapat menarek

hati sebab maseh lagi ragu² tidak dapat hendak di-terangkan apa-kah maksudnya supaya dapat orang ini mengerti dan faham boleh masok dalam perbadanan ini. Jadi, saya rasa usaha pejabat ini hendak-lah lebehkan lagi supaya dapat tiap² daerah di-adakan orang sama² Pejabat Penerangan masuk kampong², kata-lah enam bulan sa-kali. Jadi saya rasa usaha ini usaha yang baik dan ramai lagi orang boleh masok dalam perbadanan haji ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu muka 275, Pechahan-kepala 25—Penge-luaran Buku Bachaan bagi kelas² pelajaran dewasa. Pelajaran dewasa ini saya bersetuju-lah sa-bagaimana wakil² yang berchakap tadi ia-itu satu usaha yang sangat baik dan dapat sambutan daripada orang di-kawasan saya boleh di-katakan orang yang tidak pandai membacha dahulu boleh membacha sekarang ini. Jadi dengan ini saya harap kalau dapat di-tambah lagi dalam pelajaran² sa-lain daripada membacha, urusan rumah tangga, ia-itu kesihatan yang perlu kepada daerah², kampong² kerana apa, yang saya tahu kelas dewasa ini yang banyak sa-kali pelajar-nya ia-lah terdiri daripada kaum ibu. Jadi saya rasa biar-lah buku² ini bahan² yang sa-lain daripada yang dia sudah mengerti membacha dan menulis tadi masokkan-lah pelajaran masharakat rumah tangga atau pun masak memasak dan juga kesihatan, sebab kesihatan ini mustahak sangat kepada kaum ibu yang mendidek anak². Jadi saya rasa text-books ini sekarang ini belum banyak lagi, saya tengok, di-sebarkan. Saya harap pada masa hadapan text-books ini mengandongi pelajaran yang boleh di-bacha jangan-lah di-tulis text-books terlalu advanced—terlampau tinggi, tetapi memadai-lah dengan pelajaran yang mereka terima boleh di-bacha bukan-lah kita beri terlampau tinggi dia tidak mengerti. Jadi kita tidak boleh buat begitu, kerana apa, perkataan² sekarang banyak perkataan yang tinggi² yang tidak pernah di-dengar oleh orang² kampong, jadi biar-lah perkataan itu sesuai dengan orang kampong yang boleh mengerti. Jadi saya ingat ini-lah satu usaha yang di-buat oleh Kementerian ini—satu usaha yang sangat besar, yang telah memberi peluang

kapada orang² yang dahulu-nya tidak ada peluang belajar membacha dan menulis dan sekarang sudah pandai membacha dan menulis. Jadi saya tidak bersetuju-lah kalau ada Ahli² Yang Berhormat mengatakan tidak memberi faedah—saya tidak bersetuju—sebab di-tempat saya terang-lah mendapat sambutan, sunggoh pun begitu kalau hendak katakan 100 peratus saya tidak jamin, tetapi kalau pukul rata bilangan yang besar 80 peratus lebeh mendapat faedah yang besar daripada pelajaran dewasa dan juga melalui buku² text. Itu-lah saya berharap tiga empat pandangan saya itu mendapat perhatian Kementerian ini, terima kaseh.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya berdiri di-sini ia-lah untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bagi perbelanjaan tahun 1965 yang berjumlah lebeh \$13 million. Saya berharap apa² usaha dan ranchangan² yang di-buat oleh Kementerian ini hendak-lah berjalan terus-menerus untuk kebajikan negara dan juga ra'ayat negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentoh sedikit pada muka surat 273—Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat. Kita semua ma'alum, pelajaran dewasa yang telah di-bentok oleh Kerajaan beberapa tahun yang sudah ini sa-hingga ka-hari ini, boleh di-katakan berjalan dengan lancar, kalau saya tidak katakan, beratus² ribu, barangkali berpuluh² ribu daripada penduduk² negara kita ini, ia-itu daripada orang² Melayu khususnya, orang² China dan orang² India yang dahulu-nya ta' tahu membacha, apa lagi hendak menulis, tetapi dengan ada-nya ranchangan pelajaran dewasa yang di-bentok oleh Kerajaan pada hari ini, berpuluh² ribu yang telah boleh menulis dan membacha, dan saya berharap Kementerian ini tidak akan berputus² sampai bila² untuk menjalankan tugas-nya bersangkut dengan kelas dewasa ini untuk memberi pelajaran kepada ra'ayat di-negara kita yang tidak tahu menulis dan membacha, mudah²an dalam masa 10 atau 15 tahun yang akan datang semua

ra'ayat dalam Persekutuan Malaysia ini akan tahu membaca dan menulis.

Tuan Pengerusi, mengikut Anggaran Perbelanjaan yang ada di-untokkan bagi pelajaran dewasa dan pembangunan masyarakat, saya nampak banyak perbelanjaan² yang telah di-anggarkan, kerana perkara yang bersangkutan, kalau kita buka pada muka 273, Kepala 64, Pechahan 14—Bayaran Lampu bagi Kelas² Dewasa pun ada, tetapi yang menyedehkan sedikit, Tuan Pengerusi, ia-lah tempat penuntut² kelas dewasa ini hendak menuntut, hendak belajar, boleh saya katakan, barangkali 20% daripada penuntut² kelas² dewasa ini yang dapat belajar di-tempat yang sempurna, seperti di-Balai² Raya dan juga di-tempat² lain dan sa-lain daripada itu, sangat-lah menyedehkan, Tuan Pengerusi, boleh di-katakan kebanyakan-nya menumpang di-bawah rumah² orang, di-serambi rumah orang, di-madrasah² dan di-bawah madrasah². Jadi, dengan keadaan bagini, tentu-lah menyusahkan penuntut² itu, kerana apa, penuntut² ini bukan-lah hendak menuntut sa-takat 6 bulan sahaja umpama-nya, barangkali harus sampai 3 tahun, atau pun lebih, dan dengan itu

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, masa sekarang sangat berharga. Jadi, tolong-lah tepatkan kepada perkara yang ada di-hadapan kita ini, ia-itu kepada dasar perkhidmatan, tidak mengenai butir² perbelanjaan yang begitu bagini mengikut buku yang ada ini. Jadi, ta' usah-lah kita buat panjang² macham itu, panjang² itu, masa-nya tersangat suntok, jadi susah. Banyak lagi Ahli² Yang Berhormat yang lain boleh berchakap dan boleh di-pertutorkan—chuba fikir, kita sudah lebih hari-nya mengikut perbahathan ini, bila sudah habis hari itu, saya tengok Ahli² Yang Berhormat tidak ada semua-nya pula di-sini. Kalau semua ada di-sini, bagaimana pula perbahathan kita, barangkali harus-lah kurang sedikit—ini bila ta' ada di-sini, bila balek ka-kampong, ka-mana, sa-lepas balek itu, lepas itu berchakap dengan tidak ada bersekat²; itu saya minta untuk menyelamatkan perbahathan ini.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Baik, terima kaseh. Tuan Pengerusi, untuk menchecepatkan ucapan saya, saya berharap kepada Kementerian ini, jikalau tidak ada peruntukan ini di-dalam anggaran ini sa-kali pun, buat-lah peruntukan di-bawah Miscellaneous, atau macham mana chara²-nya untuk di-beri, di-buat rumah pondok yang berharga di-antara \$200 atau \$300 untuk penuntut² itu supaya senang penuntut² itu belajar dengan tidak mengganggu rumah tangga orang, atau pun di-madrasah². Ini sahaja yang saya katakan ini, sunggoh pun tidak ada dalam perbelanjaan ini, tetapi saya mengharapkan kepada Kementerian ini, barangkali di-bawah Miscellaneous-kah, atau pun perbelanjaan yang lain, untokkan-lah rumah² kelas² dewasa ini di-antara \$200 atau \$300 supaya senang penuntut² itu tidak mengganggu rumah tangga orang.

Sa-lain daripada itu, saya suka berchakap, muka 275, Kepala 64, Pechahan-kepala 30—Peraduan bagi Pelajar Dewasa. Saya tidak faham, Tuan Pengerusi, peraduan² bagi Pelajar Dewasa ini, ada-kah peraduan ini hanya sa-mata² di-buat sa-tahun sa-kali, macham mana yang di-buat tahun sudah², di-Stadium Negara-kah, atau pun di-tempat² lain—itu saya tidak faham.

Jadi, saya fikir sa-baik²-nya peraduan bagi pelajar dewasa ini, kita adakan pada tiap² Negeri supaya di-adakan peraduan pelajar dewasa ini. Jadi, tiap² jajahan boleh menghantar wakil²-nya ka-Negeri² untuk bertanding. Jadi, inilah yang saya tidak faham, macham mana chara²-nya perkara ini, jadi saya berharap supaya Menteri ini boleh memberikan penerangan sedikit, apakala memberi ucapan-nya kelak. Sekian-lah, terima kaseh.

Enche' Senawi bin Ismail (Seberang Selatan): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil peluang menguchapkan ribuan terima kaseh di-atas usaha² Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengambil bahagian di-atas hal Lembaga Kemajuan Kampong yang mana saya dapat tahu di-dalam kawasan saya, lembaga ini-lah yang sangat² bekerja kuat untuk kemajuan ra'ayat² jelata di-kampong. Jadi, selalu

yang saya dapat tahu, permintaan² daripada orang² kampung terhadap lembaga ini, ia-itu kita dapati sangat-lah sukar, kerana yang saya tahu di-dalam District bagi kawasan saya, Nibong Tebal, Bukit Mertajam dan Butterworth, chuma di-adakan sa-orang sahaja, ia-itu Pegawai RIDA. Jadi, bagini-lah, Tuan Pengerusi, pegawai RIDA itu pun datang ka-pejabat itu dengan tidak tentu masa. Jadi, kalau sa-kira-nya orang² kampung berkehendakkan bantuan², hendak berjumpa umpama-nya, mereka itu menjadi kesusahan. Jadi, saya harap-lah, saya mengeshorkan kepada Kerajaan, mintalah pegawai itu, saya perchaya, barangkali beliau itu bukan kata sahaja sabagai leka, tetapi ia-lah dengan sebab kerja²-nya banyak—sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Temerloh itu berkata tadi, saya shorkan kepada Kerajaan untuk meminta tiap² satu District itu, di-letakkan sa-orang pegawai RIDA, kerana pejabat ini-lah yang kita perchaya selalu mendapat permintaan bantuan daripada ra'ayat² di-kampung.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka berchakap berkenaan dengan pelajaran dewasa. Saya perchaya pelajaran dewasa ini, pada pagi ini banyak kita telah dengar, banyak ahli telah memberikan fikiran-nya, tetapi saya berasa bimbang pula, Tuan Pengerusi, barangkali ada tegoran yang jadi membena, ada pula tegoran yang boleh menjadi rosak, tetapi pada pendapat saya, pelajaran dewasa ini-lah di-kampung² yang mana telah bekerja untuk faedah ra'ayat khas-nya bagi penduduk² kampung yang berkehendakkan pelajaran. Jadi, saya membandingkan di-tempat saya, Tuan Pengerusi, pada masa dahulu di-adakan pilehan raya tahun 1959. Pada masa itu saya telah menjadi sa-orang pegawai di-dalam jawatan Kerajaan, di-lantek menjadi pengira surat undi. Jadi, masa mengundi, masa itu boleh di-katakan penduduk² di-kampung belum lagi, umpama kata, berkehendakkan pelajaran dewasa, tetapi di-dalam surat² undi itu, Tuan Pengerusi, boleh di-katakan mereka menchuntingkan saperti mana kata orang, suroh mengundi kapal layar, dia pilih surat undi, dia buat gambar kapal

layar, jadi ada berbagai² lagi yang saya dapat tahu.

Jadi dengan ada-nya pada hari ini, di-letakkan di-tiap² kampung di-adakan Pelajaran Dewasa, saya sampai sekarang saya tidak biasa lagi dengar yang sa-macham itu dan juga saya biasa dengar yang sa-macham itu dan juga saya biasa dengar saperti ibu² semua pun dapat juga menengok dengan sa-chara rendah bagi anak² mereka itu. Jadi saya harap kepada Kerajaan terutama sa-kali bagi kawasan saya yang saya anggapkan sa-bagai tiga sahaja Penyelia dan saya shorkan kepada Kerajaan sa-kurang²-nya lima Penyelia ia-itu bagi kawasan Selatan Seberang Prai, kerana kawasan itu kawasan padi boleh-lah di-katakan kerja² mereka itu sangat-lah sukar hendak pergi dari satu kampung kasatu kampung. Jadi habiskan masa begitu sahaja, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap-lah minta Kerajaan menambah lagi sa-berapa yang patut bagi Penyelia Dewasa.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Sulaiman bin Ali (Dungun):

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit dalam perkara muka surat 273 berkenaan dengan hal Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan. Dalam muka 270 di-bawah Butiran (23) saya dapati ada satu jawatan—Pegawai Penyelidek Ekonomi, tetapi nampak-nya dalam buku Anggaran Belanjawan, pegawai ini dalam tahun 1965 tidak ada lagi. Jadi boleh jadi barangkali pehak Kementerian telah menganggapkan bahawa sa-nya penyelidekan berkenaan ekonomi dalam lapangan RIDA ini atau ekonomi orang² kampung itu telah siap, telah sempurna, tidak perlu lagi di-selideki. Maka saya rasa, saya sendiri, tidak bersetuju-lah dengan pendapat ini. Sebab kedudukan orang² kampung kita dengan mereka itu tidak mempunyai pelajaran dan pengetahuan, ada-lah sentiasa berubah dari satu masa ka-satu masa dan dengan sebab itu ekonomi dan kedudukan taraf hidup mereka itu mustahak-lah di-selideki dari satu masa ka-satu masa dan dengan demikian pegawai ini mustahak saya rasa.

Yang kedua, saya juga suka-lah hendak bertanya kepada pehak Menteri Yang Berhormat, dengan sebab kita tahu pehak RIDA ini di-tubuhkan semenjak beberapa tahun dan kita boleh nampak kemajuan²-nya yang telah di-jalankan, maka saya rasa elok-lah kalau pehak RIDA ini boleh dilanjutkan sampai ka-negeri² dalam Malaysia ini, ka-Sarawak dan Sabah.

Kemudian saya juga suka sedikit menyentoh berkenaan dengan hal Pelajaran Dewasa di-muka surat 273 Pechahan-kepala 13—Bayaran untuk Guru² Pelajaran Dewasa. Tahun 1964 dan 1965 sama banyak. Jadi ini bererti dalam 1965 ini pehak Kerajaan tidak berchadag hendak menambahkan lagi guru² dewasa. Yang sa-benar-nya saya rasa mustahak guru² dewasa di-tambah dalam negeri² manakala kita telek kapada perkembangan, kapada kemahuan, kapada permintaan orang² kampung supaya kelas² dewasa di-adakan lagi di-kampung².

Tuan Pengerusi, saya sendiri sedar dan faham bahawa sa-nya tujuan di-adakan pelajaran dewasa bukan hanya kerana memberi atau membasmiakan buta huruf di-kalangan orang² kampung, tetapi ia-lah juga kerana memberi kesedaran dan keinsafan di-atas ketinggalan mereka oleh masa yang lampau², walau pun ada di-antara Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang telah mengatakan bahawa sa-nya pelajaran dewasa ini satu perkara yang boleh membazirkan wang Kerajaan dengan sebab sa-tengah² kelas itu tidak ada murid-nya yang belajar, tetapi yang saya tahu kalau di-negeri saya di-Trengganu, orang² kampung ada-lah sentiasa berebut² berkehendakkan pelajaran dewasa dan dengan sebab itu-lah saya kata mustahak-lah kelas dewasa itu di-tambah dan guru² di-tambah lagi.

Ahli Yang Berhormat daripada Tumpat dan juga dari Pasir Mas Hulu, ini memang-lah telah mengatakan bahawa sa-nya PAS telah menyokong pelajaran dewasa ini pada dasar-nya tetapi dengan sebab di-pandang bahawa sa-nya dasar ini telah di-pesongkan, jadi pehak dia menentang-lah

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, saya tidak kata saya tidak bersetuju.

Enche' Sulaiman bin Ali: Dalam tahun 1963, Tuan Pengerusi, saya pernah bekerja dua tiga tahun di-Kelantan, tetapi bukan sa-bagai Guru Dewasa, bukan sa-bagai Penyelia. Di-kawasan Yang Berhormat daripada Tumpat saya pernah melawat, Pasir Mas Hulu saya pernah melawat, jadi kesulitan Pelajaran Dewasa di-Kelantan dengan sebab di-sana ada satu tentangan, tentangan bukan dengan sebab pelajaran, bukan dengan sebab tidak mahu kapada pelajaran, tetapi dengan satu sebab tentangan yang berupa tentangan politik. Orang² PAS sendiri tidak membenarkan orang kampung pergi belajar di-kelas² dewasa sa-hingga mereka mengatakan kalau masuk belajar di-kelas dewasa bererti awak akan menjadi orang UMNO atau sa-bagainya.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, boleh beri saya jalan sedikit?

Enche' Sulaiman bin Ali: Boleh.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, perkara menudoh sa-siapa ini senang. Saya juga boleh menudoh Perikatan ini mempermaikan Sekolah Dewasa tetapi tidak ada bukti, tidak baik. Membuat sesuatu tuduhan dan saudara daripada Dungun ini kalau hendak menudoh PAS menentang, saya chabar dia ulang dekat luar ini dan membuktikan dalam Mahkamah bahawa orang PAS mana, dan nama apa yang menentang Sekolah Dewasa ini. Tidak boleh mengatakan orang PAS ini orang PAS itu, tetapi umum. Saya juga boleh buat tuduhan macham itu, Tuan Pengerusi, merugikan masa Dewan ini.

AN HONOURABLE MEMBER: Ya, ya, betul.

Enche' Sulaiman bin Ali: Tuan Pengerusi, soal chabar-menchabar ini tidak payah. Apa yang saya cheritakan ia-lah pengalaman saya dua tiga tahun dalam negeri Kelantan sa-bagai Pegawai Penerangan. Itu, yang saya bawa ka-dalam Dewan ini. Itu, yang saya kata bahawa sa-nya telah cukup masa-nya. Itu, Tuan Pengerusi, yang saya menerangkan kapada Dewan ini kesulitan² yang di-hadapi oleh perkembangan Pelajaran Dewasa dalam negeri

Kelantan berbanding dengan negeri² lain dalam seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Mr Chairman: Sa-benar-nya dalam Rumah ini jika sa-saorang Ahli itu berchakap, kita mesti sifatkan dia berchakap itu dengan benar, tidak boleh kata dia tidak betul. Itu dia. Kita mesti sifatkan benar. Kalau ada alasan kita, kita beri alasan menunjukkan chakap dia itu berlainan, tetapi tidak boleh kata dia tadi chakap tidak benar.

Enche' Sulaiman bin Ali: Tuan Pengerusi, ini-lah soal Pelajaran Dewasa, Tuan Pengerusi, yang telah saya terangkan, yang telah saya cheritakan kesulitan² yang di-hadapi oleh perkembangan Pelajaran Dewasa. Walau macham mana pun banyak faedah²-nya yang telah di-ketahui umum, di-akui umum bahawa sa-nya Pelajaran Dewasa telah memainkan peranan yang penting dalam memberi pelajaran, kesedaran, keinsafan dan membasmiakan buta huruf di-kalangan ra'ayat kita, yang kita tahu barangkali, tidak kurang daripada 3 juta ra'ayat² kita yang maseh buta huruf.

Satu perkara yang saya suka ulang sa-kali lagi ia-itu di-mana² yang kekurangan guru² Kelas Dewasa ini, saya minta pehak Kementerian dengan sa-bberapa daya-upaya supaya dapat ditambah lagi bilangan guru² Pelajaran Dewasa ini dalam tahun hadapan ini. Sa-kian-lah sahaja.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya akan mengambil masa yang pendek sahaja dalam perbahathan Kementerian ini, sebab kita tahu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini ia-lah satu Kementerian dalam Kerajaan Perikatan yang memperkenalkan negara ini ka-dunia luar. Jadi, dengan sebab ada-nya susunan yang tertentu dan terator, maka dunia luar lebeh daripada 73 negara mengakui pembangunan Persekutuan Tanah Melayu dahulu-nya dan pada masa ini Malaysia. Ini satu kejayaan yang di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan. Kita patut memberi tahniah bukan sahaja kepada Menteri yang berkenaan tetapi juga kakitangan yang mengendalikan patut di-beri pujian. Jadi, dengan alasan ini,

Tuan Pengerusi, saya berchadang tidak hendak berchakap panjang.

Saya hanya chuba hendak tahu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, dalam bab RIDA di-muka surat 270. Saya nampak tahun 1964 ada token vote, tahun 1965 token juga. Mengapa tidak ditentukan tahun 1964 itu dengan butiran yang tertentu. Kerana hendak mengelakkan dan memberi tegoran yang membena, saya harap tahun yang akan datang token itu boleh di-butirkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan tahun yang akan datang.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya chuma hendak menyentoh sedikit Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji. Saya hendak sentoh ia-lah pegawai yang menerangkan tabong haji ini pada hemat saya hendak-lah di-beri perhatian sedikit dalam masa menjelajah ka-seluruh tanah ayer kita untuk menarek ra'ayat memasokkan wang dalam tabong haji ini, kerana kadang² mengangsikan kita mendingar-nya. Chontoh-nya, Tuan Pengerusi, kata-nya: Orang Melayu akan habis. Ekonomi kita akan habis. Dengan sebab itu tuan² mesti-lah masokkan wang dalam tabong haji ini. Tuan Pengerusi, dengan sendiri-nya di-semaikan tidak perchaya kepada Kerajaan, sedang tabong haji itu ia-lah buah-nya di-semaikan oleh Kerajaan. Chuba chari lain alasan yang boleh menarek orang ramai supaya boleh menyimpan wang dalam tabong haji ini.

Saya perchaya, Tuan Pengerusi, dengan chara tidak di-sedari pegawai² tabong haji itu berchakap dan beruchap di-luar² bandar dengan emosi yang penoh kebangsaan, tetapi dia menarek dalam ucapan itu sedikit sa-banyak tidak memperchaya² dasar Kerajaan Perikatan yang kokoh. Jika ini di-baiki saya perchaya lebeh baik lagi dan perkara ini bukan payah chuma di-beri ingatan sahaja.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentoh sedikit berkenaan dengan Sekolah Dewasa. Ada sa-tengah Ahli Yang Berhormat menu-doh Guru² dan Penyelia Kelas Dewasa ini tidak chekap, lari daripada bertugas dan tidak bertanggung-jawab. Saya

tidak nafikan itu. Itu hak dia. Tetapi saya sa-orang yang pernah berkechimpong dalam Kelas Dewasa ini. Alasan yang di-kemukakan itu tidak adil, dan menyebabkan saya hadir dan dudok dalam Dewan ini ia-lah asal terbit hubungan saya dengan Kelas Dewasa, ia-itu semangat kebangsaan terpupok daripada pengalaman saya dalam Kelas Dewasa. Tetapi kalau ada berlaku kehilangan itu ada-lah perkara terjadi kemalangan. Kemalangan itu tidak boleh kita nafikan, Tuan Pengerusi, kadang² berlaku dengan tidak di-sedari.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, hendak-lah kita menyedari hakikat Kelas Dewasa ini di-wujudkan ia-lah dengan tujuan hendak memberi peluang kepada warga-negara yang bukan Melayu mempelajari bahasa kebangsaan, di-samping itu kita mengizinkan golongan orang Melayu yang tidak berpengetahuan mempelajari bahasa kebangsaan melalui Kelas Dewasa. Itu-lah tujuan yang mu'tamad. Jadi, peranan yang di-jalankan oleh Kelas Dewasa ini ada-lah satu peranan yang sangat penting dalam usaha meng-usahakan perkembangan bahasa kebangsaan menuju matlamat menjadikan bahasa rasmi yang tunggal. Jadi, sekarang ini ada tuduhan yang saya fikir tidak patut kita terima, tetapi boleh jadi ada, itu soal lain. Tetapi pada hakikat-nya yang demikian saya berseru dan merayu kepada Kementerian ini supaya dapat menimbangkan tingkatan nama² pelajaran dewasa itu di-baiki. Saya rasa tidak sesuai kelas ini di-namakan kelas rendah, kelas menengah dan kelas meninggi. Apa yang saya chadangkan kalau sa-kiranya di-persetujui kita mengubah kepada tingkat: Tingkat 1, 2, 3, 4 dan 5. Jadi, hari ini kalau di-tanya sa-lepas meninggi apa kita hendak belajar—saya dengar daripada sahabat saya suroh hantar ka-kolej atau ka-maktab, sedang kita tahu langkah yang pertama ia-lah memberantas buta huruf. Jadi, ada lebeh baik kalau di-ubah Tingkat: 1, 2, 3, 4 dan 5. Kita takut, Tuan Pengerusi, pandangan umum dengan sebab kita menamakan rendah, tengah ini akan di-salahfahamkan oleh orang ramai. Jadi, apa yang saya chadangkan ini boleh di-timbangkan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya chuma minta Kerajaan menimbangkan sadikit berkenaan dengan Kursus, Latehan Guru dan Kakitangan di-muka surat 275, Pechahan-kepala 26. Di-dalam Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat, peruntukan tahun yang akan datang di-kurangkan banyak sangat; tahun ini \$276,320 berbanding dengan \$323,600 pada tahun 1964. Kita tahu gerakan kita makin sa-hari makin besar tentu-lah peruntukan latehan ini patut di-besarkan juga.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, kerana saya sudah berjanji saya tidak akan berchakap banyak dan saya berjanji saya hendak berchakap banyak lagi di-dalam membahathkan Estimates pembangunan yang akan datang, terima kasih.

Enche' Mohamed Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Tuan Pengerusi, dalam membahathkan peruntukan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, saya suka hendak menyenotoh satu dua perkara sahaja. Tuan Pengerusi, yang pertama muka 269 ia-itu berkenaan dengan pegawai². Baharu² ini tadi telah ramai Ahli² Yang Berhormat beruchap menyampaikan pujian dan ucapan tahniah-nya bahawa kemajuan yang telah di-chapai dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini bukan sahaja terletak di-atas kebijaksanaan Menteri-nya tetapi ada-lah juga daripada pegawai²-nya. Saya ada-lah menyokong pendapat² yang tersebut tetapi bagaimana pun, Tuan Pengerusi, berkaitan pada keselurohan-nya di-dalam negara ini tentu-lah ada dengan pegawai² di-peringkat Negeri dan Daerah. Kalau saya menyebutkan peringkat Negeri, mungkin saya di-tegor bahawa itu ada-lah masaalah Negeri, tetapi oleh sebab perkaitan-nya saya katakan tadi, maka tentu-lah ada dengan peringkat Negeri dan Daerah.

Jadi bagaimana pun dan juga telah di-uchapkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh tadi, maseh lagi peringkat Negeri dan Daerah berkehendakkan tambahan² pegawai di-dalam Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini. Kalau pun saya

ulangi lagi perkara ini—masaalah Negeri—saya berharap Menteri yang berkenaan akan menggunakan jasa baik-nya supaya memandang jauh kepada peringkat yang tersebut. Mithal-nya di-peringkat Daerah kadang² pegawai² di-Daerah itu dalam masa hendak mengusahakan ranchangan² luar bandar ini ada yang terpaksa sa-olah² menjadi pengurus ladang² ia-itu ladang² getah yang baharu di-tanam atau pun sa-bagai-nya dan di-dapati banyak kerja² yang mustahak di-pejabat² itu terbengkalai kerana urusan yang di-tujukan-nya kepada Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jadi saya berharap-lah kepada Kementerian yang berkenaan kerana peringkat Negeri dan Daerah telah berkali² menyuarakan harapan untuk di-tambah pegawai itu akan dapat sa-banyak sedikit-nya di-laksanakan pada tahun 1965 kelak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-itu satu peruntukan pada muka 275 berkenaan dengan kursus latehan guru² dan kaki-tangan. Dalam perkara ini, pada pendapat saya kursus² yang di-berikan kepada guru² bagi sekolah² dewasa ini sa-lebeh²-nya kadang² beberapa hari atau lebeh²-nya sa-minggu sahaja, saya berharap supaya dapat di-lanjutkan kerana satu daripada sebab-nya yang saya fahamkan merosot-nya pada sa-tengah² tempat gerakan sekolah dewasa ini ia-lah di-sebabkan kurang-nya terlatah guru² yang ada di-sekolah² itu, ia-itu chara² guru itu hendak memasukkan pelajaran itu kepada orang² dewasa kita yang sa-tengah daripada sa-tengah-nya ada yang telah berumur 50 tahun sa-hingga 60 tahun. Jadi bukan kursus sa-lepas daripada menghadiri atau pun tamat dalam satu² peperiksaan sahaja, tetapi patut-lah ada berbagai² kursus lagi, chara² menarik orang² kita itu supaya dia rapat dan suka mempelajari pelajaran yang di-beri di-sekolah² dewasa itu. Jadi saya berharap-lah supaya kursus itu di-lanjutkan sa-kurang²-nya satu² kursus itu di-adakan, mithal-nya, di-dalam sa-bulan supaya dapat-lah segala perkara yang patut di-sampaikan kepada murid² itu dapat di-alami oleh guru² di-sekolah² dewasa itu.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, dalam perkara sekolah dewasa ini juga, walau pun pada keseluruhan-nya saya ber-setuju Kerajaan telah mendapat kema-juan yang barangkali tidak di-sangka², ia-itu berkenaan dengan pentadbiran dan chara² penyelia² mentadbirkan kelas² atau darjah² sekolah dewasa ini. Saya maseh lagi ragu² ada-kah sa-benar²-nya pegawai² ini menjalankan tugas-nya yang sa-benar atau pun sa-balek-nya, kerana saya perchaya sebab yang menyebabkan kalau ada beberapa buah tempat yang di-tutup kerana kurang dapat sambutan itu, saya perchaya tentu-lah kurang chekap dan kurang kebijaksanaan pentadbir² atau lebeh tegas lagi penyelia² di-dalam sa-sabua² kawasan itu. Jadi saya berharap supaya Kementerian akan mengambil perhatian berat walau pun di-dalam peringkat Negeri pun ada juga penyelia² negeri-nya atau pun sa-bagai-nya.

Yang ketiga dan yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya chuma hendak bawa kepada bab pentadbiran atau pun chara² tadbir dan mungkin barangkali ini di-katakan polisi, tetapi polisi itu boleh juga di-sangkutan dengan chara mentadbirkan polisi itu. Sa-panjang yang saya ketahui, peserta² di-dalam tanah yang di-buka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini adal-ah di-bayar habuan bekerja-nya tiap² hari ia-itu sa-lama tiga tahun sahaja, dan sa-lepas daripada tiga tahun itu maka peserta itu chuma di-bayar habuan bekerja-nya sa-lama 14 hari sahaja di-dalam satu bulan dan yang 14 hari itu mengikut arahan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Perse- kutuan ini maka boleh-lah peserta² itu menchari tambahan habuan-nya di-ladang² getah yang bersekeliling atau yang berhampiran dengan satu² ran- changan itu.

Barangkali dasar ini ada-lah satu dasar yang di-katakan baik untuk menggunakan wang itu kepada ran- changan² lain, tetapi patut-lah Lembaga ini mengkaji pula atau pun menye- lideki kedudukan tiap² sa-buah kawasan itu, kerana apa yang saya katakan demikian, Tuan Pengerusi, di-dalam kawasan saya ada sa-buah ranchangan

ia-itu Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah ini bernama Sungai Luis yang kalau sa-orang melawat tempat itu dan mengikut keadaan peserta² yang dudok di-situ, maka tidak ada satu atau pun sa-bidang ladang pun di-keiling ranchangan itu yang boleh peserta² tadi bekerja untuk menambah mata pencharian-nya, dan dalam masa di-buka tanah ini maka tugas yang pertama yang di-jalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah ini ia-lah mengusahakan tanaman getah sahaja dan tidak di-beri masa untuk mengusahakan tanah² kampung-nya atau tanah² dusun-nya melainkan sa-lepas tiga tahun. Jadi sa-lepas tiga tahun pendapatan-nya di-potong baharu hendak mengusahakan tanah kampung hendak bertanam jagong, padi huma dan sa-bagai-nya walhal tidak ada pula di-sekeliling itu ladang² getah untuk mereka itu hendak menyangko² rumput-kah, jadi tentu-lah keadaan dan kedudukan peserta² itu yang telah membawa pindah-randah anak isteri-nya akan merasa lebeh susah lagi daripada yang telah sudah².

Jadi saya berharap-lah, Tuan Pengerusi, kapada pehak yang berkenaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini menimbangkan sa-mula atas chara tadbir dan dasar yang diadakan pada masa yang chuma membayar dalam masa tiga tahun sahaja, sekian-lah, terima kaseh.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Dato' Pengerusi, saya suka mengambil perhatian satu dua perkara sahaja. Yang pertama sa-kali muka 271 berhubung dengan Pentadbiran Kelas² Dewasa. Saya suka menarek perhatian berhubung dengan pentadbiran kelas dewasa dalam negeri Perlis. Pentadbiran kelas dewasa negeri Perlis ada-lah di-bawah kelolaan negeri Kedah yang di-namakan pentadbiran kelas dewasa Perlis dan Kedah yang Ibu Pejabat-nya di-Alor Star. Dan diantara dua buah negeri itu hanya ada sa-orang sahaja pegawai-nya yang tinggal di-Alor Star dan sa-bagai wakil pengelola-nya hanya ada sa-orang sahaja yang di-sebutkan Penolong Penyelia Kanan bagi negeri Perlis. Dan di-dalam negeri Perlis ada 4 orang Penyelia ia-itu Kulim Utara, Selatan, Timor dan Barat yang di-bawah kelo-

laan sa-orang Penolong Penyelia Kanan. Sa-panjang lawatan saya ka-pejabat memerhatikan keadaan pejabat Penolong Penyelia Kanan itu amat-lah menyedehkan sa-kali kerana tidak chukup kelengkapan² pejabat termasuk talipon dan alat² perhubungan yang lain. Jadi, saya berseru-lah kapada pehak yang berkenaan supaya memberitahu hal ini dan menyusun pejabat² itu bukan sahaja pejabat Penolong Penyelia Kanan tetapi sa-hingga pejabat² Penyelia sa-kali pun tidak ada dalam negeri Perlis. Jadi, untuk menjalankan pentadbiran dengan lebeh rapi lagi kelas dewasa pada masa hadapan, maka saya suka-lah mengeshorkan kapada pehak yang berkenaan, yang pertama sa-kali melengkapkan pejabat kelas dewasa itu dengan sempurna termasuk pejabat Penolong Penyelia Kanan dan pejabat² kelas dewasa pada satu tempat dengan alat kelengkapan yang sempurna.

Yang kedua, melantek sa-orang Penolong Pengelola, walau pun tidak dapat di-lantek, atau pun di-asingkan pentadbiran kelas dewasa itu—Perlis berasingan dengan Kedah, tetapi mustahak sa-kali sa-orang Penolong Pengelola di-tempatkan di-Perlis dan di-lantek lagi Pengelola² Kanan yang bertugas khas di-negeri Perlis supaya perjalanan kelas² dewasa itu akan di-jalankan dengan lebeh rapi dan sempurna lagi, kerana negeri Perlis sekarang ini sedang maju di-dalam bidang kelas² dewasa di-sana sini.

Perkara yang ketiga, saya suka mengeshorkan, oleh sebab penuntut², atau pelajar² kelas dewasa itu banyak terdiri dari kaum² wanita, atau pun kaum ibu, maka saya suka mengeshorkan, sa-orang kaum wanita itu di-lantek menjadi Penyelia dalam hal ehwal kelas dewasa ini dan juga akan bertugas menguruskan hal ehwal urusan rumah tangga, menguruskan perhubungan dengan hal ehwal kaum ibu. Saya rasa dengan lantekan ini, tidak-lah akan mensia-siakan dan akan lebeh sempurna dan akan maju lagi pada masa² hadapan.

Perkara yang keempat, saya suka hendak mengeshorkan berhubung dengan kelas² dewasa ini. Sa-panjang

lawatan saya ka-kelas² dewasa di-sana sini dalam negeri Perlis, penuntut² dalam tahun tiga, tingkatan tiga, yang terpaksa berpisah dengan kelas dewasa ini, merasa tidak puas hati lagi, kerana tiga tahun sahaja belajar di-dalam kelas² dewasa dan banyak lagi yang perlu di-ajar, terutama sa-kali urusan rumah tangga, pekerjaan tangan, ugama dan lain² lagi, mengikut ranchangan² yang di-ranchangkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini. Maka atas shor mereka itu, saya menyuarakan di-sini supaya penuntut² dalam kelas tahun tiga, atau tingkatan tiga pada masa sekarang ini, sa-boleh²-nya di-lanjutkan sa-tahun lagi supaya dapat memberi peluang kepada pelajar² itu mengikuti dan memikirkan semua mata pelajaran yang di-ranchangkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Perkara yang kelima, suka saya menyentuh dalam bahagian RIDA, muka surat 270. Saya minta ma'af kepada Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, ia-itu saya akan sentuhkan sedikit tentang soal berhubung dengan Pasar Minggu. Saya mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada pegawai RIDA yang berkenaan di-negeri Perlis, kerana telah meranchangkan beberapa tempat untuk mendirikan Pasar Minggu dalam negeri Perlis pada tahun hadapan, tetapi yang saya suka hendak menyebutkan di-sini ia-lah tentang soal Pasar Minggu yang akan di-dirikan di-Padang Besar, ia-itu sa-buah pekan di-utara sa-kali—di-utara Malaysia yang berperenggan dengan negeri Thai, kerana pekan itu boleh di-katakan sekarang ini sentiasa menarek perhatian pelanchong² dan pelawat². Kalau kita lawati di-situ pada tiap² hari Ahad sekarang ini tidak kurang daripada 70 buah bas, bas yang terdiri daripada 42 orang pada tiap² sa-buah bas yang melanchong ka-Padang Besar, kerana melawat Pekan Padang Besar khas-nya merantau, atau pun pergi melawat Pasar Minggu yang sekarang sedang di-buka pada hari Ahad. Jadi, berduyun² orang datang di-situ untuk membeli-belah, dan juga melihat keadaan² tempat itu. Jadi, dengan keadaan itu, tentu-lah sa-kali kita faham bahawa beberapa banyak

wang kita daripada penduduk² kita, daripada Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang dan lain² lagi yang menumpu di-situ, yang hanya melawat di-tempat itu sahaja dan membeli sedikit² barang² keperluan yang tidak ada dalam tanah ayer kita ini, tetapi kalau sa-kira-nya pihak Kementerian ini memikirkan, ada satu chara supaya sama² kita mendapat untong di-situ dengan mendirikan sa-buah pasar yang lebeh lengkap, yang lebeh sempurna, yang lebeh besar dan chukup segala keperluan² di-dalam-nya, orang² daripada tanah ayer kita daripada Malaysia ini akan pergi di-situ melanchong ka-situ, tetapi banyak juga pelawat² kita daripada Siam menumpu di-situ yang sa-olah²-nya mendirikan pekan antarabangsa di-situ.

Jadi, saya mengeshorkan, kalau sa-kira-nya di-ranchangkan satu susunan, atau plan yang lebeh sempurna, saya rasa tempat itu akan mendapat satu faedah yang paling besar, bukan sahaja bagi keuntongan kita, tetapi menjunkan muka hadapan Malaysia yang merdeka dan ma'amor ini kepada negeri yang berhampiran, yang juga satu keluarga dengan kita yang di-katakan keluarga ASA, dan kalau sa-kira pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak dapat meranchangkan soal² ini dan tidak chukup mengadakan estimate bagi membena pekan Padang Besar ini dengan lebeh sempurna, maka saya shorkan pula supaya pihak Kementerian Pembangunan Luar ini menyerahkan pentadbiran Pekan Pasar Minggu itu kepada pihak Kerajaan Tempatan—Kementerian Kerajaan Tempatan supaya memberi pembenaan dengan berbagai² chara yang lebeh sempurna dan lebeh terator lagi, kerana bukan sahaja Pekan Padang Besar, bahkan Pasar Minggu itu akan menarek perhatian pelawat² dan pelanchong² di-dalam negeri, tetapi berbagai² tempat lagi di-dalam kawasan pekan itu, termasuk kolam ayer, tempat² pemandangan yang chantek² dan bangunan² yang endah, perlu di-dirikan di-situ, kerana di-situ-lah satu tempat yang boleh menarek perhatian pelanchong² sa-bagaimana yang saya katakan tadi.

Sa-lain daripada itu, sukachita saya hendak membangkitkan soal berkenaan dengan pentadbiran RIDA, ia-itu berhubung dengan pinjaman². Saya telah menerima sungutan² daripada orang² yang berniaga

Mr Chairman: Masa sudah dekat pukul satu, sa-lepas pukul satu, bila kita bersidang balek pada pukul 4.30, saya tidak lagi membenarkan sa-siapa berchakap, melainkan Menteri.

Enche' Othman bin Abdullah: Sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: (*To Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub*) Do you wish to take one whole hour to reply?

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: About half-an-hour to three-quarter of an hour.

Mr Chairman: We can have about fifteen minutes for the Member from Sarawak to speak before you reply.

Persidangan ini di-tempohkan sahingga pukul 4.30 petang ini.

Sitting suspended at 1 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(*Mr Speaker in the Chair*)

THE SUPPLY BILL, 1965

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

Head S. 64—

Mr Chairman: I propose to call the Honourable Minister to reply at quarter to five o'clock. So there are 15 minutes more for anybody to wind up.

Dato' Ling Beng Siew (Sarawak): Mr Chairman, Sir, talking about rural development in Sarawak, we in the Sarawak Alliance have no doubt that the Five-Year Plan announced by the Government will substantially improve the living standards of our rural people and will, in turn, bring hope for economic progress not only for Sarawak but for the whole of Malaysia. With the experience gained in Malaya and with the remarkable results achieved so far, the rural people in Sarawak have placed high hopes in

rural development in Sarawak. To the kampong people, particularly those in the rural areas, Malaysia means, amongst other things, rural development in Sarawak. This, however, has increased the responsibility of the Party in power to the people in the State of Sarawak, who have been very enthusiastically giving their support to Malaysia. We, therefore, feel that we are duty-bound to help them, and help them very quickly. We are confident that the Alliance Government is able and will carry out development projects in Sarawak.

Now, the question is how soon we can implement the development programmes. As this honest and simple rural people in Sarawak have placed such high hopes with us, we should not make them wait months after months and years after years until they have become frustrated. I, therefore, appeal to the Honourable Minister concerned to find ways and means to accelerate the implementation of our Five-Year Development Plan. If possible, we would like to hear what the Government programme for 1965 is. Even preparatory work, such as surveys, planning and drafting of schemes, will be good news to the people of Sarawak. I appreciate the difficulties in implementing such a big scheme, especially at the initial stage, but I would like the people to be told what progress has been made, even if it is only preparatory and survey work. It is often said that in democracy it is not enough just to practise democracy, but it must also be made known that democracy is being practised. So here I say, Sir, that it is not enough just to plan for rural development, but that it must also be made known to the public that rural development projects are being planned and worked on. I would like to suggest to the Honourable Minister concerned that some kind of public relations centres should be set up in Sarawak to keep the people informed of the progress the Government has been making regarding the rural development projects in Sarawak. Thank you.

Enche' Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to

speak very briefly on Head S. 64, page 273, Adult Education. Education in a person's life commences at home at the age of 4 up to the age of 6 or 7, when he or she will be sent to a primary school up to the age of 12 or 13. After the primary school stage, he or she might proceed to a secondary school and then to a university if the circumstances permit. But it is only a lucky few who have the chance of receiving a university education. The great majority of them will either stop at the primary educational stage or do not have a chance of going to school at all. This is so with the bulk of the Sarawak population living in the rural areas where only about 30 per cent of the children of school going age are in school. Under these circumstances, adult education can play a very important role, particularly in the rural areas in Sarawak.

Mr Chairman, Sir, generally speaking, adult education in Sarawak has done a good job under the circumstances, but its activities are only confined to the urban areas. Therefore, I would suggest for the serious consideration of the Honourable Minister concerned that adult education should be extended to the rural areas in Sarawak. Thank you, Sir.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Mr Chairman, Sir, I wish to thank both the Honourable Members from Sarawak, the Honourable Dato' Ling Beng Siew and the Honourable T. Y. Tan, for the observations they have made on this estimate. It is certainly the intention of the Federal Government to expedite rural development projects, the implementation thereof, in the Borneo territories. To this end we have, therefore, taken steps to see that no undue delay is caused, and we have already sent one State Development Officer from here, Malaya, to help in the Sarawak development, and another one to Sabah.

I am indeed very glad to hear the Honourable Members taking great interest in development projects in Sarawak, especially the observation made by the Honourable Dato' Ling Beng Siew, when he says that it is not

enough merely to carry out the development projects but that the Government must also take steps to inform the people of what projects are being carried out in Sarawak. This is indeed the right attitude, and I can say here that I welcome that suggestion very much, and also the suggestion that the Government should set up public relations centres in Sarawak—indeed the Borneo States will be given due consideration.

As regards the observation made by the Honourable Enche' T. Y. Tan concerning adult education in Sarawak, I know personally that the Sarawak Council for Adult Education has done very good work and, as he said, this Council has been concentrating its work in the urban areas. In fact, adult education as carried out by the Council differs from adult education as carried out by the Ministry of National and Rural Development—adult education as done in Sarawak is what we call here "further education"; adult education here is meant to eliminate illiteracy and thereby we hope to be able to improve the standard of living of the rural people especially. It is indeed the intention of the Central Government to extend adult education as understood in Malaya here to Sarawak. I have already mentioned in my speech earlier on that the Ministry has already communicated with the Sarawak Government on this matter and we are still awaiting a final reply from the Sarawak Government. I do hope that the Honourable Enche' T. Y. Tan will do his best to persuade our friends in Sarawak to give their fullest co-operation and support to this adult education.

Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian yang begitu berat ka-atas Kementerian ini dan memberi tegoran² yang berguna untuk panduan Kementerian ini dalam menjalankan tugas² di-masa hadapan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada menyentuh soalan Kelas Dewasa dan telah berkata, antara lain², bahawa sunggoh pun Kelas Dewasa itu ada

di-jalankan di-Kelantan, tetapi ada pada nama sahaja, tidak ada pada hakikat-nya. Apabila di-tanya kenapa pula begitu, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu dan Ahli PAS yang lain di-Kelantan memberi bantuan untuk menjayakan Kelas Dewasa di-sana. Ahli Yang Berhormat itu telah berkata mereka tidak berkuasa. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan dengan jelas-nya ia-itu di-seluruh negeri dalam Tanah Melayu ini Kelas² Dewasa telah berjalan dengan chukup memberi puas hati. Bukan-lah saya berkata 100 peratus berjaya, tidak. Dan Kelas Dewasa yang telah di-jalankan di-Kelantan itu tidak-lah kurang baik jalan-nya daripada negeri² lain, dan akan lebeh berjaya lagi kalau sokongan yang penoh di-beri oleh Kerajaan Negeri Kelantan daripada Ahli² Yang Berhormat dari Kelantan. Saya chukup yakin bahawa Kelantan ada-lah satu negeri di-mana Kelas Dewasa ini akan boleh dapat berjaya betul. Saya akan membuktikan kata saya ini.

Dalam sa-belas negeri dalam Tanah Melayu ini, Tuan Pengerusi, Kelantan ada-lah negeri yang nombor dua sa-kali yang mempunyai murid yang banyak. Pertama ia-lah di-Perak. Di-Perak dalam bulan September jumlah murid-nya 58,251, Kelas Dewasa-nya 2,121. Di-Kelantan jumlah murid dalam bulan September 54,137, Kelas Dewasa-nya 1,766. Dalam bulan Ogos di-Kelantan bilangan murid yang ada 55,012 orang, dalam bulan Julai pula 55,483, dalam bulan Jun 55,871 dan dalam bulan Mei 56,353. Jadi daripada angka² dan repot² yang kita terima di-Kementerian pada tiap² bulan ada-lah menunjukkan bahawa perjalanan Kelas Dewasa itu boleh di-katakan maju dalam negeri Kelantan, tetapi tidak-lah saya berkata tidak ada lagi peluang kita untuk memperbaiki dalam semua negeri di-Tanah Melayu ini. Memang ada beberapa perkara yang mengenai Kelas Dewasa ini yang patut kita perbaiki lagi.

Satu daripada chara-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah kami pohon kepada sakalian Ahli² Yang Berhormat supaya menggalakkan mereka yang buta huruf dan mereka yang patut belajar dalam Kelas Dewasa ini pergi-lah masok

champur belajar ilmu sedikit dalam Kelas² Dewasa. Tidak perlu kita ada kuasa baharu kita hendak menggalakkan orang. Kita boleh memberi nasihat seperti yang di-jalankan oleh beberapa Ahli² Yang Berhormat daripada Ahli Parti Perikatan dalam negeri² yang lain.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, boleh-kah saya memberi sedikit penerangan

Mr Chairman: Hendak beri penerangan atau hendak bertanya?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Penjelasan kepada Menteri bersangkut-paut dengan—terima kaseh, Yang sa-betul-nya, Tuan Pengerusi, bukan sahaja Wakil² Ra'ayat dari negeri Kelantan atau pun daripada Parti Islam Sa-Tanah Melayu bahkan Kerajaan Kelantan sendiri suka hendak memberi kerjasama di-dalam perkara Kelas Dewasa. Akan tetapi oleh kerana ada-lah perjalanan Kelas Dewasa di-negeri Kelantan, yang di-jalankan sa-bagai satu alat propaganda untuk mengembangkan Parti Perikatan, jadi, perkara ini Kerajaan Negeri dan juga Ahli² Dewan Ra'ayat telah menegor mereka yang bersangkut-paut dalam perkara ini bahawa ada-lah tujuan Kerajaan Pusat untuk menjalankan Kelas Dewasa ini bukan-lah sa-bagai satu alat propaganda, bahkan untuk hendak membasmikan buta huruf. Kalau sa-kira-nya polisi yang asal itu di-jalankan di-negeri Kelantan, maka kami bersedia akan memberi kerjasama. Itu-lah sebab-nya sekarang ini sa-telah Kerajaan Kelantan dapat akuan daripada Kerajaan Pusat bahawa perkara itu tidak berbangkit lagi, maka Kerajaan Kelantan sekarang sedang bekerja bersama² dengan Kerajaan Pusat dalam urusan ini.

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, alhamdulillah-lah Ahli² Yang Berhormat dari Kelantan itu telah nampak mata hari naik. Jadi, Tuan Pengerusi, memang sa-benar-nya kelas² dewasa ini daripada awal lagi tidak pernah di-gunakan untuk alat perkakas parti Perikatan mengembangkan parti-nya, tetapi satu perkara yang harus telah menimbulkan

salah faham ya'ani che'gu² dalam kelas dewasa ini bukan-nya kaki-tangan Kerajaan. Kalau mereka itu hendak berpolitik di-luar daripada mengajar kelas dewasa, kita tidak boleh tahan dan ada juga yang menjadi che'gu² dalam kelas dewasa itu menjadi ahli PAS.

Satu perkara lagi yang telah dibangkitkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada parti PAS dalam perkara guru², supaya pemilehan guru² kelas dewasa ini di-selenggarakan oleh Public Services Commission supaya kelas dewasa ini di-pindahkan kepada Kementerian Pelajaran. Saya suka menerangkan dengan tegas di-sini bahawa kaki-tangan guru² dalam kelas dewasa ini bukan kaki-tangan Kerajaan—bukan Government Servant, dengan hal yang demikian Public Services Commission tidak ada kena-mengena dengan pemilehan ini.

Berhubung dengan kelas dewasa ini di-pindahkan penyelenggaraan-nya di-bawah Kementerian Pelajaran, ini telah di-persetujui oleh Kerajaan sendiri ialah kerana satu daripada tujuan-nya yang besar sa-kali kita mengadakan kelas dewasa ini ialah dengan mem-basmi buta huruf, kita menchuba membaiki taraf hidup ra'ayat di-luar bandar. Maka Kerajaan berfikir Kementerian yang habis sesuai sa-kali menjalankan rancangan ini ialah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, beberapa chadangan telah di-kemukakan mengenai guru², penyelia² dan lain² itu tidak-lah di-kehendaki saya menjawab-nya. Tetapi satu perkara yang saya mesti jelaskan kepada sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Kangsar, kalau saya tidak salah; Ahli Yang Berhormat itu telah menerangkan bahawa banyak daripada guru² kelas dewasa dan begitu juga penyelia² dalam kelas dewasa tidak layak memegang jawatan mereka dan mereka itu tidak mempunyai tanggung-jawab. Di-sini saya suka hendak menerangkan dengan jelas-nya, sa-belum guru² kelas dewasa itu di-terima oleh pihak yang berkenaan—yang berkuasa—sa-bagai guru untuk mengajar dalam kelas dewasa, mereka itu di-temu-duga oleh pegawai Pengelola kelas dewasa ini dan

ada ujian di-berikan untuk mengetahui sama ada mereka itu layak atau mempunyai kebolehan atau tidak untuk menjadi guru dalam kelas dewasa.

Bagitu juga soal penyelia-nya, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah berkata tidak ada sa-orang pun daripada, sama ada guru²-nya atau penyelia²-nya, yang telah tidak bertanggung-jawab—ada. Dan di-dalam perkara yang demikian, Kementerian dan pegawai yang berkenaan telah mengambil tindakan dengan sa-wajar-nya. Berkenaan dengan sa-orang penyelia yang telah di-katakan chuai dalam tanggung-jawab-nya menjaga wang yang telah di-beri untuk di-simpan-nya, perkara itu berbangkit, kalau saya tidak salah dalam tahun 1963; keputusan-nya bukan Penyelia itu sendiri—orang lain yang menchuri wang itu dia telah pun di-bawa ka-Mahkamah dan telah di-penjara, dan penyelia itu sendiri telah tidak di-benarkan lagi tinggal sa-bagai penyelia.

Soalan buku² untuk kelas dewasa ini, kita sedang mengkaji dengan active-nya soalan buku² ini daripada satu masa ka-satu masa, bukan-lah kita berkata bahawa kandungan dalam buku² ini yang sesuai sa-kali untuk masa ka-hadapan, tidak begitu. Kita mengaku rancangan ini ada-lah rancangan yang baharu sangat kita buat di-Malaya ini, dan dari satu masa ka-satu masa kita dapat pengalaman memandang di-mana tempat yang patut kita memperbaiki dan kita ada jawatan kuasa di-bawah Kementerian ini berkenaan dengan hal buku² kelas dewasa ini. Soal mata pelajaran, ada yang menchadangkan supaya kursus tata ra'ayat itu di-adakan. Ini elok-lah, tetapi saya suka-lah menyatakan di-sini bahawa Kementerian Penerangan pun ada menjalankan kursus tata ra'ayat itu. Jadi kalau kita pandang dalam kelas dewasa daripada buku²-nya serba sedikit ada kandungan dalam buku² kelas dewasa itu pengajaran² yang boleh kita anggap sa-bagai satu pelajaran termasuk di-bawah subject tata ra'ayat.

Chadangan untuk mengadakan kursus politik dalam kelas dewasa ini, Tuan Pengerusi, bunyi memang elok—tujuan-nya memang elok supaya orang

kita mengetahui berkenaan dengan pentadbiran dalam negeri dan sa-terus-nya, tetapi kita hendak-lah ingat tujuan asal-nya di-adakan pelajaran dewasa ini ia-lah membasmi buta huruf dengan chara demikian mereka dapat-lah berdiri di-atas kaki mereka sendiri—mengubah taraf kehidupan mereka. Kalau kita beri banyak sangat mata pelajaran kepada mereka ini sedangkan kebanyakan daripada mereka ini sebok, ada nelayan, ada penanam padi, ada yang bekerja dalam lombong dan sa-terus-nya, maka harus mereka itu berasa tidak ada masa hendak belajar subject² yang banyak ini. Jadi saya rasa dalam keadaan yang ada pada masa ini mata pelajaran yang ada itu memada-lah untuk tingkatan yang ada ini, apa yang kita kehendaki lagi ya'ani supaya sokongan yang banyak—yang kuat lagi boleh di-beri untuk menjayakan kelas² dewasa ini.

Sa-orang Ahli Yang Berhormat telah berkata, dia telah dapat tahu ia-itu dalam negeri ini ada orang telah men-churi penchetakan buku² kelas dewasa itu. Ini saya tidak-lah ketahui, Tuan Pengerusi, bagaimana pun perkara itu akan di-siasat. Ahli Yang Berhormat itu juga telah berkata bahawa guru² dalam negeri Johor yang mengajar ugama dalam kelas dewasa itu tidak mendapat elaun atau pun sugu hati sama sa-kali. Di-sini saya suka-lah menerangkan, guru² ugama dalam negeri² yang lain dalam Malaya ini sa-lain daripada Johor ada mendapat elaun seperti juga guru² biasa kelas dewasa ini ia-itu \$4 satu jam. Berkenaan dengan negeri Johor saya telah di-beri tahu, semua guru² yang mengajar ugama ini dalam kelas dewasa ini ada-lah pegawai Kerajaan negeri Johor. Oleh hal yang demikian mereka semua dapat gaji tiap² bulan daripada negeri Johor. Dan bayaran \$4 yang telah saya sebutkan tadi kepada guru² ugama di-negeri² yang lain ada-lah di-beri bukan oleh Kerajaan Pusat tetapi oleh Kerajaan Negeri masing². Peranan Kerajaan Pusat dalam perkara ini ia-lah menyelenggarakan kursus itu daripada mengadakan kelas² orang belajar di-sana dan menentukan masa bagi mata pelajaran yang patut di-ajarkan di-dalam kelas² tersebut.

Nasib mereka yang telah habis tiga tahun belajar dalam kelas dewasa, ini satu perkara yang di-ambil perhatian oleh Kementerian ini. Pada masa ini Kementerian ini sedang berunding dengan Kementerian² yang berkenaan seperti Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Jadi kita akan dapat tahu-lah agak tidak berapa lama lagi sama ada kita dapat mengadakan kelas² lanjutan untuk membantu mereka yang telah lulus tiga tahun dalam kelas dewasa ini. Jadi bererti Kerajaan memang ada-lah menimbangkan perkara ini pada masa ini.

Tuan Pengerusi, satu tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu mengatakan ada di-Pasir Mas Hulu dalam kawasan-nya berlaku dalam kelas dewasa ini, chuma dua orang murid sahaja, tetapi kelas itu terus berjalan dan guru itu mendapat gaji. Di-sini saya suka terangkan, saya telah mengarahkan kepada pegawai yang berkenaan dalam Kementerian saya supaya berhubung dengan sa-chara rasmi-nya dengan Ahli Yang Berhormat itu untuk mendapat penjelasan² yang lebeh lagi tentang perkara ini, kerana jikalau perkara yang sa-benar-nya itu berlaku demikian, maka itu ada-lah salah daripada segi chara kita menjalankan kelas dewasa. Ini kita menghendaki biasa-nya murid² dalam satu kelas itu daripada 20 sa-hingga 40 orang. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan memberi kerjasama-nya apabila beliau menerima surat rasmi nanti daripada Kementerian saya.

The Honourable Member for Damansara has suggested that we should appeal for voluntary services, because we are short of teachers to teach in the Adult Education classes and that we should get the University undergraduates. Mr Chairman, Sir, this is a very good suggestion. However, it is indeed very difficult to get the University under-graduates to travel miles and miles away to teach the rural people in the Adult Education classes. In any case, what we must bear in mind is that there must be continuity of teaching. I think it will not be conducive to those people who go to Adult Education classes if they have one teacher for

three months, the other teacher for the next three months and another teacher, again, for the next three months. We are trying our best to avoid that situation.

As regards his observation that the students are mostly Malays, it is partly true in the sense that those who go to the *Kelas Bahasa Rumi* are almost, 99.9%, Malays—they are illiterates. But the Adult Education classes also run *Kelas Bahasa Kebangsaan*, where the National language is being taught. There, not the Malays, but the non-Malays attend the classes. I have been to many of these, and I am very happy to state in this House that *Kelas Bahasa Kebangsaan* classes are very successful. I am glad to see that non-Malays take such a great interest in learning the National language by using this *Kelas Bahasa Kebangsaan* facility. I need only to give one example here. In Johore, as at 30th September, 1964, there were 382 *Kelas Bahasa Kebangsaan*, the students of which are all non-Malays. That is all, Mr Chairman, Sir, I need to say with regard to *Kelas Dewasa*.

As regards RIDA, most of the observations that I need to answer (properly under the Rural Development Estimates) have been made by one Honourable Member from Masjid Tanah, I think.

Ahli Yang Berhormat itu telah berkata kepentingan-nya melichinkan lagi, memperbaiki lagi perhubungan diantara Ibu Pejabat RIDA ini dengan Daerah²—ini kerap kali berlaku, Tuan Pengerusi. Penyiasatan² yang di-jalankan di-daerah itu tidak menchukupi. Bila itu berlaku, maka penting-lah bagi Ibu Pejabat RIDA ini untuk mengetahui dengan jelas-nya apa yang di-kehendaki dan yang lain² mengulang balek, mengetahui dengan lebih jelas lagi. Dengan chara yang demikian terpaksa-lah menghantar surat kepada pegawai yang berkenaan itu dalam daerah itu untuk mendapatkan penjelasan yang lebih lagi. Bagaimana pun tegoran itu akan saya sampaikan kepada Pengerusi RIDA supaya dia dapat, kalau ada perjalanan yang ta' elok, memperbaiki lagi perjalanan itu supaya dapat menyenangkan ra'ayat semua.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis menyentoh berkenaan dengan Pekan Sa-hari di-Padang Besar. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan ia-itu dengan kehendak Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar di-Negeri Perlis, RIDA telah pun menguntokkan wang sa-banyak \$10,000 pada bulan November, 1964 untuk membena Pekan Sa-hari di-Padang Besar Perlis. Langkah untuk membena perkara ini sedang berjalan pada masa ini.

Bangunan Pekan Sa-hari itu ia-lah dari jenis key plan, di-buat bangunan dari besi paip yang boleh di-pindahkan dari satu tempat ka-satu tempat. Bangunan jenis ini ia-lah menurut keputusan yang telah di-ambil oleh RIDA. Pertama bagi tempat² yang belum ada Pekan Sa-hari, maka bangunan yang hendak di-dirikan, hendak-lah dari jenis key plan ini tadi. Bagaimana pun, sa-kira-nya tempat ini maju kelak, maka boleh-lah di-beri peruntokan yang lebih besar bagi membena bangunan menurut yang di-kehendaki di-ketika itu kelak.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada meminta supaya sa-orang Pegawai Pengelola bagi kelas dewasa di-adakan di-Perlis. Beliau tentu akan bersukacita mendengar ia-itu kita ada mengadakan peruntokan dalam tahun 1965 atau tahun hadapan, dia akan ada sa-orang Pengelola di-negeri itu.

Tegoran² yang lain, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan RIDA ini, saya akan ambil ingatan dan akan di-timbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Mengenai soal F.L.D.A., satu perkara yang besar, saya suka hendak sentoh di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah tuduhan² bahawa kita pada masa ini mendewa²kan orang puteh, tidak memandang tinggi kepada anak negeri kita sendiri. Kita menggunakan dalam Rancangan F.L.D.A. ini untuk manager² dan yang lain² pula orang puteh, orang puteh sahaja. Di-sini saya akan mengambil masa panjang sedikit untuk memberi penerangan yang jelas supaya seluroh ra'ayat, sekalian Ahli² Yang Berhormat, mengetahui akan pendirian yang sa-benar-nya berkenaan dengan perkara ini.

F.L.D.A. ini, Tuan Pengerusi, mempunyai kewajipan kepada penyerta² dalam scheme²—ranchangan² F.L.D.A. kepada negeri Malaysia ini ia-itu supaya ranchangan² F.L.D.A. ini berjaya, kerana kalau ranchangan ini ta' berjaya, penyerta² akan di-kehendaki membayar belanja-nya balek kepada F.L.D.A. kelak sa-bahagian daripada belanja-nya—akan menerima apa kemudian hari kelak, siapa yang akan di-salahkan? Ini perkara yang kita mesti fikirkan. Jadi, untuk menjayakan ranchangan ini, nyata-lah kita mesti menggunakan pegawai² yang di-anggap oleh F.L.D.A., oleh pehak yang berkenaan, yang boleh menjamin dalam menjalankan tugas mereka itu bahawa kejayaan ini akan di-dapati, bagaimana pun, Tuan Pengerusi, dengan tujuan ini tadi, memang-lah menjadi tujuan F.L.D.A. ini mementingkan supaya anak negeri dalam Malaysia ini sendiri di-ambil bekerja sa-bagai *manager*, *assistant manager* dan yang lain² lagi untuk memajukan ranchangan ini.

Di-sini saya suka menerangkan, di-dalam F.L.D.A. ada beberapa tingkatan pegawai². Saya mengambil masa sedikit. Kita ada sa-orang Planting Director. Planting Director ini ia-lah sa-orang yang bukan berasal daripada Malaysia, sa-orang puteh, tetapi dia Federal Citizen—berumur lebih daripada 60 tahun, mempunyai pengalaman lebih daripada 40 tahun dalam soal getah ini—sa-orang sahaja. Kemudian pula kita ada Visiting Manager sa-banyak 5 orang, 4 daripada 5 orang ini ada-lah daripada orang Malaysia ini sendiri; satu orang bukan keturunan Malaysia—orang puteh.

Manager Grade I ada dua—satu orang Malaysia, satu bukan keturunan Malaysia. *Manager Grade II* ada lapan—tiga orang Malaysia, lima bukan keturunan Malaysia. *Manager Grade III* ada sepuluh—tujuh keturunan Malaysia, tiga bukan keturunan Malaysia. *Junior Manager* ada sembilan—tujuh keturunan Malaysia, dua orang Eropah. *Deputy Manager* ada lima—empat orang Malaysia; satu orang Eropah. *Assistant Manager* dua puluh tujuh—dua puluh enam orang Malaysia; orang bukan Malaysia, orang puteh, satu sahaja.

Assistant² 28 orang, semua-nya Malaysia. Cadet Assistant 21 orang semua-nya orang Malaysia. Senior Supervisor 64 orang semua-nya orang Malaysia. Field Assistant 244 orang semua-nya orang Malaysia. Jumlah Pegawai² yang kita pakai untuk menjalankan atau mentadbirkan ranchangan F.L.D.A. ini 424 orang dan daripada itu 15 orang sahaja orang yang bukan berketurunan Malaysia. 10 daripada yang 15 orang yang bukan berketurunan Malaysia ini tadi telah pun menjadi warganegara Malaysia, dan 2 lagi yang bukan berketurunan Malaysia dan belum lagi menjadi warganegara Malaysia telah memelok ugama Islam dan khabar-nya tidak-lah lagi akan meminta permohonan supaya dapat menjadi warganegara Malaysia. Jadi, bererti bilangan mereka yang bukan warganegara Malaysia yang di-ambil oleh F.L.D.A. dalam ranchangan² ini sangat kechil sa-kali, dan di-antara mereka yang bukan berketurunan Malaysia ya'ani orang puteh, tetapi warganegara Malaysia menurut Perlembagaan, kita tidak-lah boleh membezakan sa-lain daripada yang di-benarkan oleh Perlembagaan kita.

Bagaimana pun semua mereka itu—orang Eropah ini mendapat gaji Scale yang sama dengan Scale yang di-beri kepada mereka yang berketurunan Malaysia. Mereka tidak mempunyai expatriation allowance satu sen pun tidak, apa yang di-buat oleh F.L.D.A. dalam tahun 1963, 1964 saya telah di-beritahu 3 daripada manager² yang bukan berketurunan Malaysia ini telah pun di-buang kerana di-dapati mereka itu tidak menjalankan tugas yang elok. Sampai bagini perbuatan F.L.D.A., tidak memandang apa kulit dan sa-bagai-nya dan apa yang kita mahu ia-lah orang yang mempunyai kebolehan untuk menjayakan tujuan kita tadi ya'ani supaya mereka yang masok F.L.D.A. itu dapat menjadi sempurna pada kemudian hari kelak. Dan sa-orang daripada Visiting Manager ia-itu orang puteh, apabila dia meminta gaji yang lebih lagi dan syarat²-nya bekerja yang lebih lagi daripada mereka yang lain, F.L.D.A. tidak beri maka dia telah berhenti dan pergi ka-tempat lain.

Daripada angka² ini, Tuan Pengerusi, nyata-lah kepada kita bahawa F.L.D.A. ini dengan tujuan yang telah saya sebutkan tadi, memang-lah menjalankan tugas-nya dengan baik. Dalam soalan mementingkan orang Malaysia dan programme² F.L.D.A. melatehkan anak² Malaysia untuk menjawat jawatan² yang tinggi dalam F.L.D.A. ini telah pun berjalan dan tidak lama lagi dalam masa tiga empat tahun harus segala jawatan² yang saya sebutkan tadi akan di-pegang semua oleh anak² Malaysia.

Di-sini saya suka-lah menerangkan kesusahan yang di-hadapi oleh pihak F.L.D.A. dalam soalan ini, kekurangan kaki-tangan F.L.D.A. pada masa ini mempunyai 60 ranchangan tanah. Bererti di-kehendaki 60 Manager, 60 Assistant Manager, jumlah-nya 120 orang, tetapi apa yang kita dapat menurut angka yang telah saya berikan ia-lah kita ada chuma 20 Manager yang mempunyai kelayakan penuh, 14 Junior Manager dan Deputy Manager, 27 Assistant Manager, jumlah-nya 61 orang. Ini lebeh kurang $\frac{1}{2}$ sahaja daripada bilangan yang kita kehendaki. Apabila ada tempat² yang kosong bagini F.L.D.A. ada mengishtiharkan dalam surat² khabar, banyak permohonan² akan di-terima, ada pula yang baharu mempunyai pengalaman sa-tahun dua tahun dalam Kementerian Sharikat Kerjasama hendak meminta jadi Manager atas, pada hal mereka itu dapat gaji biasa-nya barangkali \$200 atau \$300 jadi hendak meminta gaji sampai \$1,000. Perkara yang bagini tidak boleh-lah kita beri, kerana kita ada mempunyai kewajipan kepada negeri dan kepada peserta² yang menjayakan tanah itu.

Jadi, bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya harap sa-telah Ahli² Yang Berhormat sakalian mendengar penerangan ini tidak akan bersalah faham lagi dalam soal pegawai² yang bukan berketurunan Malaysia bekerja dalam F.L.D.A. ini. Kita memang-lah, seperti yang saya katakan tadi, akan mementingkan orang Malaysia, tetapi pula sentiment itu jangan-lah melampau sangat, kalau orang bukan Malaysia, Federal Citizen atau pun tidak Federal Citizen, menjalankan tugas dia dengan

betul kerana orang kita sendiri tidak ada, tidak-lah boleh kita hendak kata kita tidak terima dia, kalau tidak kita terima mereka itu scheme kita itu akan hanchor, tetapi perkara yang penting saya suka hendak ulang F.L.D.A. ada membuat scheme melateh anak negeri ini sendiri seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Demikian-lah penerangan ringkas yang telah saya terangkan dalam soal ini. Sa-belum saya duduk satu perkara lagi saya hendak jelaskan—soal kelas urusan rumah tangga. Beberapa orang daripada Ahli Yang Berhormat telah berkata tadi kelas urusan rumah tangga menggunakan eletrik, menggunakan perkakas yang mahal². Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah berkali² menerangkan kepada pihak yang berkenaan menjalankan urusan rumah tangga, polisi Kerajaan, kelas urusan rumah tangga itu kita mahu di-buat di-luar bandar untuk memperbaiki apa yang ada dan apa yang boleh di-tanggung oleh mereka di-luar bandar. Dan saya berani-lah berkata di-sini tidak satu pun kelas urusan rumah tangga yang di-selenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang menggunakan dapor² letrik. Harus juga ada salah faham kerana Wowen Institute ada juga mengadakan urusan rumah tangga ini. Dan saya mendapat tahu Women Institute ini menggunakan eletrik, kita baca dalam surat khabar dahulu ada sa-orang daripada ahli Women Institute berkata dia mahu almari besar² dan mahu dapor eletrik, mahu itu mahal dan mahu ini mahal. Jadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata tujuan kita hendak tolong kepada orang² luar bandar, orang² itu tidak mampu hendak membeli dapor eletrik, hendak beli barang² yang mahal. Gunakan-lah apa yang ada, gunakan kayu, gunakan dapor arang, kalau hendak minyak gas boleh-lah di-beri apa yang kita ada. Ini-lah yang di-buat oleh Kementerian kita. Dan Kelas Urusan Rumah Tangga itu kenyataan-nya sangat popular, chuma kita ada tiga sahaja Taman Asohan, kita dapat mengeluarkan tiap² tahun chuma 450 orang

Daripada angka² ini, Tuan Pengerusi, nyata-lah kepada kita bahawa F.L.D.A. ini dengan tujuan yang telah saya sebutkan tadi, memang-lah menjalankan tugas-nya dengan baik. Dalam soalan mementingkan orang Malaysia dan programme² F.L.D.A. melatehkan anak² Malaysia untuk menjawat jawatan² yang tinggi dalam F.L.D.A. ini telah pun berjalan dan tidak lama lagi dalam masa tiga empat tahun harus segala jawatan² yang saya sebutkan tadi akan di-pegang semua oleh anak² Malaysia.

Di-sini saya suka-lah menerangkan kesusahan yang di-hadapi oleh pehak F.L.D.A. dalam soalan ini, kekurangan kaki-tangan F.L.D.A. pada masa ini mempunyai 60 ranchangan tanah. Bererti di-kehendaki 60 Manager, 60 Assistant Manager, jumlah-nya 120 orang, tetapi apa yang kita dapat menurut angka yang telah saya berikan ia-lah kita ada chuma 20 Manager yang mempunyai kelayakan penoh. 14 Junior Manager dan Deputy Manager, 27 Assistant Manager, jumlah-nya 61 orang. Ini lebih kurang $\frac{1}{2}$ sahaja daripada bilangan yang kita kehendaki. Apabila ada tempat² yang kosong bagini F.L.D.A. ada mengishtiharkan dalam surat² khabar, banyak permohonan² akan di-terima, ada pula yang baharu mempunyai pengalaman sa-tahun dua tahun dalam Kementerian Sharikat Kerjasama hendak meminta jadi Manager atas, pada hal mereka itu dapat gaji biasa-nya barangkali \$200 atau \$300 jadi hendak meminta gaji sampai \$1,000. Perkara yang bagini tidak boleh-lah kita beri, kerana kita ada mempunyai kewajipan kepada negeri dan kepada peserta² yang menjayakan tanah itu.

Jadi, bagaimana pun, Tuan Pengerusi, saya harap sa-telah Ahli² Yang Berhormat sakalian mendengar penerangan ini tidak akan bersalah faham lagi dalam soal pegawai² yang bukan berketurunan Malaysia bekerja dalam F.L.D.A. ini. Kita memang-lah, saperti yang saya katakan tadi, akan mementingkan orang Malaysia, tetapi pula sentiment itu jangan-lah melampau sangat, kalau orang bukan Malaysia, Federal Citizen atau pun tidak Federal Citizen, menjalankan tugas dia dengan

betul kerana orang kita sendiri tidak ada, tidak-lah boleh kita hendak kata kita tidak terima dia, kalau tidak kita terima mereka itu scheme kita itu akan hanchor, tetapi perkara yang penting saya suka hendak ulang F.L.D.A. ada membuat scheme melateh anak negeri ini sendiri saperti yang telah saya sebutkan tadi.

Demikian-lah penerangan ringkas yang telah saya terangkan dalam soal ini. Sa-belum saya dudok satu perkara lagi saya hendak jelaskan—soal kelas urusan rumah tangga. Beberapa orang daripada Ahli Yang Berhormat telah berkata tadi kelas urusan rumah tangga menggunakan eletrik, menggunakan perkakas yang mahal². Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telah berkali² menerangkan kepada pehak yang berkenaan menjalankan urusan rumah tangga, polisi Kerajaan, kelas urusan rumah tangga itu kita mahu di-buat di-luar bandar untuk memperbaiki apa yang ada dan apa yang boleh di-tanggung oleh mereka di-luar bandar. Dan saya berani-lah berkata di-sini tidak satu pun kelas urusan rumah tangga yang di-selenggarakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang menggunakan dapur² letrik. Harus juga ada salah faham kerana Woven Institute ada juga mengadakan urusan rumah tangga ini. Dan saya mendapat tahu Women Institute ini menggunakan eletrik, kita bacha dalam surat khabar dahulu ada sa-orang daripada ahli Women Institute berkata dia mahu almari besar² dan mahu dapur eletrik, mahu itu mahal dan mahu ini mahal. Jadi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata tujuan kita hendak tolong kepada orang² luar bandar, orang² itu tidak mampu hendak membeli dapur eletrik, hendak beli barang² yang mahal. Gunakanlah apa yang ada, gunakan kayu, gunakan dapur arang, kalau hendak minyak gas boleh-lah di-beri apa yang kita ada. Ini-lah yang di-buat oleh Kementerian kita. Dan Kelas Urusan Rumah Tangga itu kenyataan-nya sangat popular, chuma kita ada tiga sahaja Taman Asohan, kita dapat mengeluarkan tiap² tahun chuma 450 orang

lebih sahaja. Jadi dengan kerana itu tidak-lah dapat kita mengadakan kelas yang sama banyak-nya dengan kelas² dewasa. Tetapi walau bagaimana pun ada-lah menjadi tujuan Kerajaan supaya kelas itu daripada sa-hari ka-sahari akan dapat di-banyakkan lagi.

Demikian-lah sahaja, Tuan Pengerusi. Bagi pertanyaan² yang tidak saya jawab saya akan ambil tahu semuanya ada saya tulis dan apa tindakan yang patut kita akan ambil, terima kasih.

Question put, and agreed to.

The sum of \$13,175,957 for Head S. 64 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 65 to S. 71—

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Tahun 1965 bagi Kementerian saya termasuk-lah Jabatan² Persekutuan di-Malaya, Singapura, Sabah dan Sarawak yang di-bawah Kementerian ini yang terkandung di-dalam Kepala² seperti berikut:—

S. 65—Ibu Pejabat Kementerian dan Marine Surveys, States of Malaya ...	\$ 352,476
S. 66—Civil Aviation, States of Malaya and Singapore ...	7,443,750
S. 67—Civil Aviation and Meteorological Services Borneo States ...	3,109,865
S. 68—Malayan Meteorological Services ...	1,678,230
S. 69—Marine—Malaya ...	2,509,923
S. 70—Marine, Borneo States	4,241,153
S. 71—Road Transport—Malaya and Singapore ...	3,618,756

Dengan izin, Tuan Pengerusi, saya akan membincangkan kesemua-nya sa-kali kerana ini di-bawah Kementerian saya.

Meski pun bagitu, sa-belum saya menerangkan peruntukan² di-bawah tiap² Kepala tersebut dan dengan izin, Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengambil peluang untuk memberitahu dengan ringkas-nya kepada Ahli² Yang Berhormat akan dasar² atau

policies yang di-jalankan oleh Kementerian saya.

Dalam Hal Ehwal Penerbangan Awam, memang telah menjadi dasar Kementerian saya bagi menentukan perkhidmatan² udara yang chepat lagi achap untuk menghubungkan bandar² besar di-negara Malaysia ini. Umpamanya, bandar² Kuching dan Jesselton sekarang telah menjadi dekat dengan Kuala Lumpur dan Singapura. Sabagaimana Ahli² Yang Berhormat ketahu² bahawa jalan² raya di-Sabah dan Sarawak itu maseh lagi kekurangan, maka perhatian yang besar ada-lah sedang di-tujukan kepada perkembangan perkhidmatan udara di-daerah² luar bandar.

Sharat² utama bagi perkhidmatan² udara ini ia-lah mesti ada lapangan² terbang, alat² perhubungan dan alat² radio pembantu penerbangan yang chukup dan sesuai. Semenjak tertubohnya Malaysia, lapangan² terbang di-Kuching, Jesselton dan Pulau Pinang telah di-perbesarkan dan pada hari ini kapal terbang Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad boleh turun di-lima buah lapangan terbang di-Malaysia, ia-itu Kuala Lumpur, Singapura, Pulau Pinang, Kuching dan Jesselton. Bagi memperkemas dan melichinkan lagi perkhidmatan udara ini, maka ranchangan² sedang di-kaji bagi menyatukan Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad dan Sharikat Penerbangan Borneo Berhad supaya menjadi satu. Dengan penyatuan kedua² sharikat ini dalam permodalan dan pengetahuan teknik dan juga berkaitan dengan ranchangan memperbesarkan lapangan terbang di-Sabah dan Sarawak, maka tidak shak lagi yang sa-genap tempat di-Malaysia akan dapat menikmati perkhidmatan² udara yang chukup bagi kehendak penompang² awam.

Memandang dari sudut dunia seluroh-nya, lapangan terbang baharu antara-bangsa Kuala Lumpur, yang di-jangka siap pada pertengahan tahun 1965 ini dan lapangan terbang Singapura, ada-lah berupa dua buah pintu masok yang utama ka-negara Malaysia kita ini. Sunggoh pun bagitu, Pulau Pinang, di-barat laut dan Jesselton di-tenggara Malaysia akan menjadi pula pusat negeri² jiran yang berhampiran.

Sa-lain daripada menemui keadaan mengenai perkhidmatan udara dari segi Kerajaan dan perniagaan, maka perkhidmatan² ini sangat²-lah perlu juga dari segi perusahaan pelan-chongan yang sentiasa beredar dan mengikuti di-sekitar perjalanan udara di-dunia ini. Yang demikian dengan ada-nya dua buah lapangan terbang yang besar dan dua buah lagi yang kecil di-Malaysia ini, maka besar-lah kemungkinan bagi negara kita untuk mendapat sa-bahagian besar per-untukan pelan-chongan dari seluruh dunia jika di-bandingkan dengan apa yang kita dapat pada hari ini. Perkara ini telah ternyata semenjak penubuhan Malaysia yang mana sa-makin banyak pelan-chong² telah menyatakan hasrat-nya ingin mengunjongi Kuala Lumpur dan melihat sendiri betapa kedudukan Ibu Kota Malaysia ini. Dalam hal ini, maka sudah tepat-lah yang kita di-Kuala Lumpur ini patut mempunyai sa-buah lapangan terbang antara-bangsa yang moden yang terpanjang sa-kali di-sekitar wilayah ini dan memang sesuai dengan peri penting Ibu Kota Malaysia. Saya merasa bangga menyatakan di-sini ia-itu manakala lapangan terbang ini siap, maka segala jenis kapal terbang tam-bang termasuk jenis supersonics, insha' Allah akan dapat turun di-sini. Sa-balek-nya kalau-lah tidak ada lapangan terbang yang terbesar, maka sudah tentu kita tidak dapat bahagian yang wajar di-lapangan perusahaan dan lalu-lintas udara.

Saya suka juga memberitahu Ahli² Yang Berhormat sakalian ia-itu Kera-jaan Malaysia kita sa-takat ini telah mencapai persetujuan² mengenai per-khidmatan udara dengan negara² yang berikut:—

- (1) Australia;
- (2) France;
- (3) United Kingdom;
- (4) Netherlands;
- (5) Japan;
- (6) Germany;
- (7) Vietnam;
- (8) Italy;
- (9) New Zealand;
- (10) Scandinavia;
- (11) Switzerland.

Dengan hal yang demikian sekarang kita dapat bertukar² hak dan keisti-mewaan bagi sharikat² penerbangan yang di-akuī daripada negara² itu untuk datang ka-wilayah ini dan begitu-lah sa-balek-nya sharikat pener-bangan kita yang di-akuī ia-itu Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad dapat pula mengunjongi negara² tersebut itu bila penerbangan itu tidak akan merugikan pada masa hadapan kelak.

Mengenai hal laut dan pelabohan, maka memang-lah menjadi tujuan Kementerian saya terus-menerus meng-adakan kemudahan² yang chukup sesuai dan cekap. Empat buah der-maga (wharf) di-Selat Klang Utara telah mula di-gunakan dalam bulan Disember tahun 1963 dan enam buah lagi untuk kapal yang besar² sedang di-bena di-Butterworth oleh Surohan-jaya Pelabohan Pulau Pinang yang mana di-jangka siap pada tahun 1971. Sa-lain daripada membaiki kemu-dahan² dan beberapa pelabohan di-negeri² Malaysia dan Borneo sedang di-jalankan bagi membesar dan mem-bena pelabohan² baharu sesuai bagi perkapalan² yang kian bertambah² di-sana. Untuk melichinkan urusan² pelabohan di-seluruh Malaysia, maka satu Chawangan Penyamaan Pelabohan telah di-wujudkan di-Kementerian saya yang di-ketuaī oleh sa-orang pakar untuk menasihatkan saya dalam segala urusan dan perjalanan pelabohan dan berbagai lagi yang bersangkutan dengan hal pelabohan. Berkenaan dengan pemereksaan kapal², Kerajaan akan terus-menerus menjalankan dasar-nya yang berkaitan dengan kese-lamatan nyawa di-laut mengikut chara² yang di-'itiraf oleh pertubohan sa-dunia.

Ada-lah dasar Kerajaan juga untuk menggantikan Pegawai² Dagang dengan anak² tempatan sa-berapa yang boleh dan saya bangga menyatakan ia-itu sekarang ini ada sa-orang Pegawai Melayu yang berkelayakan penoh sedang berkhidmat dengan Jabatan Laut, Malaya, buat pertama kali-nya sa-bagai Pegawai Laut Kanan. Sa-ngat-lah di-harap mudahan² ada banyak lagi pegawai² tempatan dapat berkhidmat di-lapangan ini sa-telah

mereka mendapat kelulusan dan kelayakan yang di-perlukan.

Di-dalam lapangan Kajichuacha pula, Kementerian saya akan terus-menerus mengadakan perkhidmatan²-nya yang sekarang dengan kehendak² sa-dunia untuk keselamatan penerbangan dan perkapalan di-wilayah ini.

Mengenai hal pengangkutan jalan raya pula, memang-lah menjadi dasar Kerajaan untuk mengadakan chara² pengangkutan darat yang chepat, chekap dan murah kepada sakalian orang 'awam. Dalam hal ini Kementerian saya sentiasa memerhatikan supaya perkhidmatan² yang di-jalankan oleh berbagai² sharikat pengangkutan itu mengenakan tambang² yang murah, perkhidmatan² yang chekap dan tempat dudok yang baik. Saya suka menegaskan di-sini ia-itu ada-lah dasar Kerajaan kita juga untuk menggalakkan orang Melayu mengambil bahagian dalam perusahaan pengangkutan jalan raya, bukan sahaja dalam sharikat² bas bahkan dalam perkhidmatan lori dan kereta sewa juga.

Di-dalam hal perkhidmatan keretapi, memang menjadi dasar Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk menjalankan ranchangan-nya sa-bagai mengadakan keretapi² diesel dan membaiki chara² perkhidmatan dan kemudahan untuk faedah penumpang. Ranchangan mengadakan keretapi diesel ini sekarang telah sampai ka-peringkat yang kedua matalamat-nya ia-lah menambahkan perimbangan engine-miles keretapi diesel daripada 55 peratus dalam tahun 1960 sa-hingga 75 peratus dalam tahun 1965 ini.

Sa-lain daripada membeli keretapi diesel ini dan railcars, jenis² keretapi juga sedang di-baiki sa-bagai satu bahagian daripada ranchangan pembangunan-nya. Sekarang Keretapi Tanah Melayu ada mempunyai 26 locomotives diesel electric untuk mainline yang mana perkhidmatan-nya adalah chekap, laju dan tidak-lah merugikan perbelanjaan. Sa-lain daripada itu ada lagi 41 buah locomotives shunting diesel dan 11 buah railcars daripada diesel. Pentadbiran keretapi ini berchadang hendak membeli 10 hingga 15

buah lagi railcars mengikut Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua untuk menggantikan gerabak² yang lama. 15 buah locomotives diesel hydraulic untuk mainline telah dipesankan daripada negeri Jepun dan di-jangka akan sampai ka-negeri ini dalam bulan March atau April tahun 1965. Mungkin sa-orang pakar akan dilantek kelak menyelidek chara² urusan di-pejabat keretapi dengan tujuan baiki-membaiki lagi chara² perkhidmatan keretapi.

Tuan Pengerusi, sekarang izinkan-lah saya menerangkan peruntukan² perbelanjaan bagi tiap² Jabatan dibawah Kementerian saya dengan sa-chara sa-berapa yang ringkas.

Head 65—Ministry Headquarters and Marine Surveys States of Malaya—\$352,476

Head 65 is the provision sought for the Ministry Headquarters and Marine Surveys States of Malaya. My Ministry was re-organised with a view to becoming an integrated Ministry with the establishment of Malaysia and in order to prepare for this re-organisation the post of the Secretary was upgraded from Superscale "F" to Superscale "D" and additional posts of Principal Assistant Secretary, Assistant Secretary, Office Assistant and Stenographer were created in March 1964 as per Establishment Warrant No. 74/1964. For the same reason an additional post of typist is created for 1965, hence the increase in provisions under items (2), (4), (5), (8), (9) and (12) apart from the normal increment and corresponding increase in various allowances under Personal Emoluments.

Under Other Charges, Annually Recurrent, a sum of \$7,650 under Sub-head 5 is required for the annual contribution which becomes Federal responsibility under Malaysia to the Inter-Governmental Maritime Consultative Organisation. This provision was previously included under the Marine Departments of Sabah and Sarawak. Under Special Expenditure, an increase in provision from \$16,450 to \$21,100 is required under sub-head 11 for the publicity of Road Safety mainly for

the printing of Road Safety Handbook, making of cinema slides and Road Safety Campaign in various States of Malaysia.

Head 66—Civil Aviation Malaya and Singapore—\$7,443,750

First, I would like to deal with the Expenditure Estimates of Civil Aviation Malaya. In the Estimates for personal emoluments and annually recurrent charges an increase of \$680,967 over the 1964 Estimates is required mainly to provide for the operation of the New Kuala Lumpur International Airport which is expected to be completed by the middle of 1965. In this connection a regrading of Air Traffic Control Officers Grade II and Grade III is necessary thus creating 2 additional posts under item 4 (ii) and 8 posts under item 6. Other staff required for the new Airport are as follows:

- 1 Traffic Clerk
- 1 Storekeeper
- 1 G.C.S. Clerk
- 3 Typists, Grade II
- 1 Telephone Operator
- 2 Traffic Hand Overseers
- 3 Traffic Hand Overseers

and 1 Office Boy

Therefore additional provisions under these items are accordingly required. A new grade of Receptionists will be required to provide an information service and to operate the public address system. In order to provide this service on 24 hours basis, 13 receptionists are required under item (14) for which a sum of \$16,224 is sought.

The Aerodrome Fire and Rescue Service will be expanded and therefore 8 additional leading Firemen and 34 Firemen under items (19) and (20) will be required to man new appliances at the New Airport at which this Service will be a full civil unit, hence additional provisions under these items are required.

Under item (30) a sum of \$1,080 is required for non-pensionable allowance personal to the present holder of the

post of Director of Civil Aviation as a temporary measure pending a decision on a future Malaysian Headquarters for Civil Aviation.

Under the Other Charges, Annually Recurrent Sub-head 2—Administration

The estimate shows an increase of \$208,197 over the 1964 Estimates. The increase comprises \$700 for miscellaneous expenses, \$188,000 for power light and water, \$200 for maps, and \$19,297 for uniforms of new staff. Again this increase in provision is required for the New Kuala Lumpur International Airport. For the same reason, additional provisions under Sub-head 5 Consumable Stores, Sub-head 7—Maintenance of Building and Grounds, and Sub-head 9—Printing and Stationery are required.

The Fire and Rescue Service at all aerodromes in Malaya has been expanded and thus a sum of \$49,000 under Sub-head 8 is required for the maintenance of its vehicles. Under Sub-head 12, an increase from \$320,000 to \$416,000 is required to meet the maintenance and operation costs of new radio navigation facilities, which are being provided throughout Malaya and additional equipment at the New Airport. The increase in the provision under Sub-head 13—Transport and Travelling of \$35,000 is required to provide for staff travelling to and from Kuala Lumpur to attend courses. However, the provision under Sub-head 15—Subsidy for Flying Training by Malaysians—is reduced by \$5,000 as fewer Malaysians have come forward for training than had been expected.

Under Other Charges, Special Expenditure

The provision of \$6,300 under Sub-head 31 is required as more furniture and equipment will be in use. Under Sub-head 33 an increased provision of \$21,500 is sought for renewals of fire fighting equipment for the expanding aerodrome Fire and Rescue Services. Three vehicles are required one each at Penang, Ipoh and Malacca to replace vehicles which have been condemned by the Board of Survey and

for this purpose a sum of \$27,000 under Sub-head 34 is required.

Now I wish to deal with the Civil Aviation Estimates for Singapore. Besides the normal increase in salaries and allowances, there are increases in provision under Sub-head 1, Personal Emoluments, due to the creation of additional posts in the Department in order to cope with the expanding services for Civil Aviation.

In the Technical Services Branch of the Department, one post each of Higher A.T.C.O. (Training) and Messenger are created under items (53) and (55) for which provisions of \$8,280 and \$1,300 are required respectively. The Higher A.T.C.O. will be required to conduct various Air Traffic Control Courses, which in the past were run by two Colombo Plan instructors assisted by Local Officers. Besides, the introduction of RADAR makes the services of a substantive instructor more expedient because continued RADAR training will have to be provided for the whole of Malaysia. The messenger will be attached to the Training School to carry out his duties.

In the Airport Information Section two additional posts each of Airport Hostesses and Messengers are created under items (77) and (78) for which increased provisions of \$25,920 and \$4,040 are required respectively. The two additional hostesses and messengers are required to cope with the increased volume of work handled by the Information Bureau as a result of the spreading out of Airport functions over a larger area, the provisions of additional facilities and the taking over of responsibilities for the allocation of arrival and departure channels in the new Terminal Building.

The need has also arisen for the creation of one post of General Clerical Assistant in the Security Section of the Department. He will be responsible for the maintenance of the Service Records of Airport Auxiliary Police personnel and of the registers for the hire of Police services, apart from the process of summons and issue of security passes. For this purpose a provision of \$1,560 under item (81) is required.

In the maintenance of Airport and Electrical Section new posts are created as follows:

2 Technical Assistant	under item (88)
1 Technical Cadet ...	„ (89)
1 Technician ...	„ (90)
and 2 Technical Overseers	„ (91)

These officers were formerly borne on the establishment of P.W.D. Singapore but these officers were seconded to the Department of Civil Aviation, who are responsible for the maintenance of the Electrical installation and control of Airport Equipment. They will now be permanently transferred to the establishment of the Department, hence the provisions under these items are required.

In the Regional Air Traffic Control Centre, Airways Branch, 5 additional posts of A.T.C.O. are created under item (107) for which an increased provision of \$123,660 is required. The reason is that it is operationally essential that the radar position be manned by two A.T.C.O.s in each shift for the 24-hour service. One additional post each of typist and Office Boy are also created to cope with increased workload of typists and to supplement existing strength to man 3 shifts of Office Boys' duties at the Centre. Hence additional provisions under items (111) and (113) respectively are required.

In the Aeronautical Information Service Section one additional post of Higher Operations Assistant is created under item (115), in order to relieve the existing 4 Higher Operations Assistants on shift duties and to assist in the production of Aeronautical Publications in addition to producing Training Manuals. For these additional posts an increased provision of \$21,330 under the item is required.

Under O.C.A.R. a provision of \$492,010 under Sub-head 16—Administration is required mainly for an estimated increase in public utility services resulting from the establishment of the New Terminal Building, provision for items such as printing and Stationery and Advertisement which were previously paid from Central votes of the Singapore State Estimates, and for the increase in

rental and installation charges for telephone and the annual subscription.

Jadi saya fikir patut-lah Menteri Yang Berhormat mengambil berat di-atas perkara ini dan kalau tidak dapat keretapi ini berhenti dengan masa yang pendek di-pekang² macham Ipoh ini, ta' apa-lah kita bertolak daripada Kuala Lumpur ini pukul 7.00 petang-kah biar-lah sampai 12 jam baharu kita sampai ka-Bukit Mertajam—express service 12 jam 200 batu patut-lah kita buat jadual waktu yang sa-macham itu, supaya asalkan tetap kita sampai ka-tempat kita masa yang patut kita sampai. Ini mustahak, Tuan Pengerusi, dengan kerana orang yang menjadi passenger—yang menumpang keretapi ini dia ingin sampai kapada tempat-nya pada waktu yang di-tetapkan dengan kerana dia ada urusan² lain. Saperti saya, saya ingin sampai ka-Bukit Mertajam pukul 6.30 biasa-nya dengan kerana kalau saya dapat sampai 6.30 saya dapat-lah ambil taxi daripada situ pergi ka-Alor Star tengah dua jam pukul 8.00, mandi manda lepas pukul 9.00 dapat-lah saya menjalankan kerja. Tetapi ini bila sampai lambat selalu-lah tertinggal; kalau bagi pegawai Kerajaan ta' apa-lah sampai office lambat sadikit, tetapi ini kerja sendiri kena sampai office bagi chukup masa kerana kalau tidak chukup masa, rugi! (*Ketawa*).

Berkenaan dengan local train pula antara Alor Star dengan Bukit Mertajam yang kita patut ambil kalau kita hendak berhubung dengan mail ini kena bertolak daripada Alor Star pukul 4.00 sampai ka-Bukit Mertajam pukul 6.00 tunggu-lah tiga jam di-Station Bukit Mertajam itu baharu-lah dapat kita ambil sambong dengan night mail ini. Jadual waktu yang macham ini tidak munasabah, tidak boleh-kah kita adakan satu keretapi daripada Alor Star yang sampai ka-Bukit Mertajam kata-lah pukul 9.00 dapat-lah kita menyambongkan per-

jalanan kita itu dengan mengambil mail malam pada pukul 9.30.

Lagi satu perkara yang saya ingin menegor berkenaan dengan perkhidmatan keretapi ini ia-lah berkenaan station² yang kita ada di-Tanah Melayu ini. Di-station² ini kebanyakan-nya di-dirikan pada tahun 1911 ia-itu masa mula kita ada F.M.S. Railway dahulu dan sampai sekarang tidak ada kebaikan atau pun di-lebarkan atau pun di-panjangkan. Kalau kita turun, di-Bukit Mertajam kalau naik 3rd class dapat-lah turun betul dengan station. Kalau naik 1st class kena duduk di-hujung di-belakang jalan dalam kemunchup baharu-lah sampai. Lepas itu dengan kerana keretapi itu tinggi dan tidak ada platform kalau macham budak² atau pun orang perempuan payah-lah hendak turun dengan kerana terlampau tinggi. Lepas itu hendak turun bukan-lah turun atas platform turun atas wire dan ada benda² lain lagi untuk mengubahkan rail². Perkara yang macham ini kalau kita hendak supaya perkhidmatan keretapi ini di-jadikan satu perkhidmatan yang membawa kapada keuntongan yang di-sukai oleh orang ramai menggunakan mahu-lah kita ator supaya sesuai dengan kehendak² orang ramai.

Saya ingin juga berchakap sadikit berkenaan dengan taxi ini. Selalu-nya bila kita berchakap berkenaan dengan taxi ini, Kementerian selalu-lah suka menjaga supaya jangan terlampau banyak taxi dengan kerana di-katakan kalau terlampau banyak taxi, maka orang² yang menjadi pemandu² kereta taxi ini tidak mendapat keuntongan, dengan kerana tidak ada lagi mendapat passenger, tetapi yang sa-benarnya taxi, terutama taxi di-Kuala Lumpur ini sangat-lah kurang, kalau pada hari malam Ahad, atau pun Saturday night, kalau kita chuba berhenti, berdiri dekat dengan Batu Road, kita boleh tunggu sampai sa-tengah jam, sampai satu jam, ta' dapat satu taxi, tetapi kalau Menteri sendiri tunggu, tentu-lah taxi semua kenal, dia berhenti. Sa-waktu saya hendak pergi ka-station keretapi, hendak mendapatkan keretapi mail

itu, saya telah tunggu di-situ sampai sa-tengah jam, ta' dapat taxi.

Lagi satu perkara yang ta' memuaskan berkenaan dengan taxi di-Kuala Lumpur ini, dengan kerana ta' ada satu tanda yang kita boleh tahu pada malam hari, ia-itu taxi ini ada penoh orang. Jadi, kita mesti hendap, tengok ada-kah tidak bayang orang itu di-dalam taxi itu, baharu-lah kita dapat tahu. Kalau di-Singapura, saya tahu, dia tulis "For Hire"—Biru, biru background, putih "for hire," ada tulis di-situ. Kalau ada "for hire" sign di-situ, baharu-lah kita berguna, kalau kita tahan taxi itu. Kalau dia sudah tarek dia punya plate itu, ta' nampak lagi "for hire sign" itu, jadi ta' guna, kalau kita panggil pun ta' guna, tetapi di-Kuala Lumpur ini, kalau kita hendak tahu, kita kena jengol kepala kita, tengok betul² kalau tidak, kita tidak tahu.

Lagi satu berkenaan dengan dalam taxi itu. Di-Singapura, saya tahu nombor taxi itu selalu ada di-dalam taxi. Ini mustahak, dengan kerana kita naik taxi, kita jarang pandang nombor taxi itu, tetapi bila kita masuk di-dalam-nya, kadang² kita terfikir juga, kalau kita perhati, kita ingat nombor itu, kalau-lah kita tertinggal barang apa² di-dalam taxi itu, kita dapat-lah identify taxi itu yang mana satu. Lagi satu, kalau ada terjadi perkara² yang tidak baik, kita tahu taxi mana yang kita naik. Jadi, patut-lah kita adakan di-Kuala Lumpur ini.

Lagi satu perkara berkenaan dengan taxi juga ia-lah berkenaan dengan taxi yang menunggu orang² yang menggunakan keretapi pada pagi hari. Kalau kita sampai di-Kuala Lumpur pada pagi² hari, kita keluar sahaja daripada railway station itu, kita jadi macham ikan dan orang taxi driver itu macham hendak pilih, hendak beli. Jadi, dia tengok pada muka kita, dia pilih yang mana patut di-ambil. Kalau dia tanya kita hendak pergi daripada railway station itu chuma hendak pergi dekat sahaja, dia tidak mahu. Kalau kita hendak pergi jauh, baharu dia mahu. Kalau kita hendak naik pun, kalau sudah sa-kerat jalan, dia ambil lagi satu passenger, tetapi

dia pakai meter sa-banyak itu juga, kita pun kena bayar macham itu, orang lain itu pun kena bayar macham itu juga. Biasa-nya di-tempat² lain, bila kita turun daripada keretapi, kita kena queue up, taxi juga queue up, jadi ta' ada berebut. Taxi datang, kita queue up, kita naik taxi itu ta' ada dia tanya, kita hendak pergi mana, hendak pilih pula kita ini, baik-kah, elok-kah atau tidak, boleh belanja banyak-kah, atau tidak. Ini perkara yang selalu terjadi di-tempat² lain ia-itu kita ada queue. Kalau kita turun—Yang Berhormat Menteri, saya perchaya tentulah biasa turun dari keretapi, kata-lah Edinburgh-kah, atau di-mana-kah, kita keluar, taxi itu datang, kita naik taxi itu dengan tidak soal lagi. Kalau kita hendak pergi satu depa pun, dia kena ambil. Kalau kita hendak pergi 100 batu, dia kena ambil; di-sini ta' ada, macham market, jadi kita ini pula macham jadi perkakas dia hendak beli.

Lagi satu perkara yang saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri ia-lah berkenaan dengan feri di-Pulau Pinang. Feri ini baharu sahaja di-buat, ia-itu untuk supaya dapat kita menyeberang dengan tidak payah menunggu lagi, tetapi nampak-nya sekarang ini queue-nya macham biasa. Kita tengok pada tahun 1956 dan tahun 1957 dahulu sudah jadi block di-situ, dengan kerana feri ini ta' chukup. Saya berharap Menteri dapat menambahkan lagi feri di-Pulau Pinang.

Berkenaan dengan Malaysian Airways ini, satu sahaja perkara yang saya ingin menegor ia-itu nampak-nya Malaysian Airways ini ta' ada sama sa-kali pelayan kapal terbang yang berjalan dengan kapal terbang—pelayan² yang terdiri daripada bangsa Melayu, jadi nampak-nya ini ada-lah satu perkara yang patut, dengan kerana ini ia-lah kata-nya National Airways, tetapi hendak chari orang Melayu satu orang Melayu—satu orang pun—ta' ada dan juga pilot Melayu sa-takat yang saya tahu ada sa-orang sahaja. Jadi, patut-lah ada usaha² supaya kita menambahkan lagi orang² Melayu yang bekerja di-dalam Malaysian Airways ini. Terima kaseh.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya ada-lah menyokong tuntutan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri ini, sebab dengan Kementerian ini-lah yang menjadikan manusia pergi ka-angkasa, Kementerian ini-lah juga bagi manusia pergi ka-laut, Kementerian ini juga-lah manusia boleh berjalan deras. Saya chuma hendak menyebutkan, Tuan Pengerusi, pada muka 308, S. 69—Jabatan Laut. Saya hendak menyentuh dalam bahagian Sekolah Latehan Pelayaran. Saya nampak, kita berada di-dalam sa-buah negara Malaysia yang baharu, yang di-dalamnya luas kawasan perayeran-nya dengan beribu² batu, sudah tentu-lah menghendaki pakar² ahli pelayaran, ahli² pelaut yang mahir dan berpengalaman dalam pelayaran. Oleh itu, ra'ayat Malaysia terutama-nya yang berhampiran dengan pelabohan berharap supaya dapat-lah Kerajaan mendirikan sa-buah Sekolah Latehan Pelayaran yang chukup lengkap dengan alat² sekolah pelayaran bagaimana menyeberang laut, kalau ada pun chuma menurut apa yang saya tahu menumpang di-dalam sa-buah bangunan, kerana pemuda² kita yang lulus dari persekolahan ini, boleh mengeluarkan tokoh² pelayaran yang boleh membawa kapal² kecil. Kerajaan tidak akan rugi di-tas langkah bagi membena sekolah ini, dan tentu-lah akan mendapat sambutan daripada ra'ayat Malaysia dan mereka berada di-dalam satu peringkat kemajuan dalam pelayaran yang tidak pula mereka itu dapat dalam masa penjajahan dahulu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam muka 320, S. 71—Pengangkutan Jalan Raya. Oleh sebab Yang Berhormat Menteri tadi telah berchakap berkenaan dengan dasar pengangkutan, gemar saya menyentuh di-atas perkara ini, dan saya nampak ada berhubung dengan ra'ayat, ia-itu saya memohon supaya Kerajaan memberikan perhatian bagi membuat kajian pindaan dasar dalam Rang Undang² Lalu Lintas Jalan Raya supaya di-kechualikan daripada kesalahan kapada tuan² punya motor-cycle, biscycle yang membawa hasil

mahsul daripada kampung ka-bandar, dan daripada bandar ka-kampung. Masaalah ini, Tuan Pengerusi, ada-lah menjadi satu pertolongan yang besar dan mendatangkan satu kemudahan yang maha penting kapada penduduk² luar bandar, terutama di-zaman pembangunan ini dan ada hubungan-nya dengan meninggikan taraf hidup ra'ayat.

Ranchangan yang ada sekarang ini, menurut himat saya, ada-lah berasal daripada kita ambil daripada penjajah—maksud saya boleh di-semak, dapat di-sesuaikan dengan iklim Malaysia ini. Saya ada-lah menghormati undang² ini dengan tujuan memelihara keselamatan jiwa ra'ayat, tetapi dengan di-beri syarat had laju bagi berat muatan, tentu-lah suka ra'ayat mengikut undang², kalau sa-kira-nya dapat di-kaji.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Perkhidmatan Keretapi. Chuma saya hendak menyentuh sedikit sahaja, kalau dapat Kementerian ini memikirkan dan mengkaji balek supaya dapat di-jalankan perkhidmatan² keretapi daripada Tampin ka-Melaka, sebab perkhidmatan ini telah berhenti semenjak berpuluh² tahun yang lalu. Saya memikirkan bahawa dengan ada-nya perkhidmatan ini daripada Melaka ka-Tampin, dan ada orang Melaka yang ingin hendak pergi ka-Kuala Lumpur melalui keretapi, tambahan pula dengan ada-nya ranchangan ini, akan boleh menambahkan hasil keretapi. Pendapat saya berhubung dengan perkhidmatan keretapi ini supaya dapat di-kaji balek perkhidmatan-nya daripada Tampin ka-Melaka.

Yang akhir-nya, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pemeriksa Kereta, muka 321, Butiran (14). Saya nampak apa yang telah di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan tadi, saya chuma hendak tambah satu perkara sahaja berhubung dengan Pemeriksa Kereta ini. Motokar sudah di-pereksa, lori sudah di-pereksa—ada satu perkara yang saya fikir patut di-pereksa dan patut di-kaji, ia-itu Kereta Lembu. Walau pun perkara ini, Tuan Pengerusi, boleh dikatakan donging, tetapi Kereta Lembu

ini, sa-lama ini di-biarkan dia. Kadang² kalau waktu kabus, waktu gelap, kita ta' nampak kereta lembu itu. Bila kita minta jalan dengan pemandu kereta lembu itu, dia chuma geleng kepala sahaja. Apa yang saya maksudkan di-sini, Tuan Pengerusi, supaya di-adakan mentol merah di-belakang kereta lembu itu dengan di-adakan disc terbuka saperti mana yang di-adakan pada bicycle. Ini ia-lah untuk keselamatan motokar², keselamatan motor-cycle dan keselamatan pemandu kereta lembu itu. Ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya hanya satu perkara sahaja hendak berchakap—Kepala S. 71 muka surat 321 Butiran (13)—Penguji Driver Sementara. Kalau ditinjau banyak kemalangan telah terjadi di-jalan raya ia-itu orang² muda antara umur 18 hingga 21 tahun, tentu-lah mereka itu driver² yang baharu belajar yang baharu dapat kelulusan-nya. Saya perchaya mereka itu di-pereksa dengan sa-chara tidak memuaskan dan mereka itu dapat lesen untuk menjadi driver bahkan sa-tengah daripada sa-tengah menjadi pembunuh pula. Ini-lah sangat mendukachitakan.

Kita berharap pehak Kementerian supaya memberi nasihat kepada Pemeriksa Driver² itu hendak-lah menjalankan kerja-nya lebeh ketat lagi dan juga banyak daripada pembunuh² manusia di-jalan raya ini, sunggoh pun banyak yang mati dalam accident, tetapi banyak yang tidak berperasaan. Kalau kita masuk hutan kita tengok harimau dan binatang buas itu kita takut bahkan tengah jalan lebeh banyak lagi, dalam bahasa orang puteh "monster" yang boleh membunuh, boleh di-katakan beratus² yang telah hilang nyawa di-jalan raya. Mentelah lagi di-dalam musim Christmas kalau tuan² tengok lebeh banyak lagi dan di-harapkan pada tahun ini jangan-lah sa-bagitu banyak sa-bagai tahun² yang lepas, terutama sa-kali bagi driver² lori yang tidak mempunyai ihsan atau courtesy kepada driver² yang lain. Mereka itu selalu berlumba² di-jalan raya, dia

tidak fikir yang dia bawa itu satu kereta yang besar terutama sa-kali di-sa-belah Johor sana lori² mengangkut balak melarikan kereta sa-hingga 50 batu sa-jam.

Satu masa saya jalankan kereta 40 batu sa-jam dia potong kereta saya dengan balak yang berat. Ini sangat mendukachitakan. Bukan bagitu sahaja, attendant yang jaga patut di-belakang itu dudok bersama dengan driver dekat depan. Kalau tuan² tengok banyak attendant² lori ini dia dudok dengan driver di-depan, kalau ada pun di-belakang dia tidor. Jadi sia² dia dudok di-belakang itu. Saya ingat masa dahulu attendant² ini diperentahkan mesti-lah mempunyai whistle dan melihat kereta di-hadapan dan kereta belakang, sa-kiranya tidak ada apa² di-beri-lah dengan jalan yang selamat, memberi signal atau pun membunyikan whistle dia supaya driver yang di-depan tahu yang ada kereta di-belakang hendak memotong-nya. Tetapi pada masa ini tidak, kalau kita hendak potong makin dia laju pula, dia berlumba dengan kita, kadang² kita termasuk dalam side table jalan sa-belah kanan. Ini-lah sangat merbahaya. Saya meminta kepada pehak Kementerian supaya lori² kayu itu di-hadkan laju-nya tidak lebeh daripada 20 batu sa-jam, bagaimana lori² angkat minyak supaya accident² dapat dikurangkan.

Di-Johor sahaja saya ingat pada tahun ini kayu balak jatuh itu di atas lori, penduduk-nya mati semua sa-kali. Ini sangat dahshat dan juga tahun dahulu ada juga macham itu. Jadi kita minta-lah kalau boleh attendant² itu pun mesti-lah di-pereksa supaya dia tahu bagaimana chara² menjadi attendant lori. Jangan-lah jadi attendant dudok di-belakang tetapi tidor, dan bila kita meminta jalan, kita horn² sampai 10 kali pun dia buat bodoh, dia pun tidak tahu apa hendak buat. Dia tengok depan, dia toleh kita belakang dia buat tidak tahu. Ini-lah sangat mendukachitakan dan terutama sa-kali jalan daripada Kuala Lumpur ka-Seremban yang selalu banyak lori berulang alek, kadang² berturut² sa-hingga 10 lori. Jadi kalau kita hendak

potong itu memakan masa sa-kurang²-nya 45 minit, kadang² tidak dapat potong sampai ka-Seremban.

Demikian-lah, Tuan Pengerusi, harap bagi pehak Kementerian dapat membetulkan keadaan yang sa-macham itu. Terima kaseh.

Enche' Tan Cheng Bee (Bagan): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to the speech made by the Honourable Member for Tanjong (who is not here just now), who asked for additional members on the Penang Port Commission. He requested the Minister to amend the Penang Port Commission Ordinance so that more members who have the interest of Penang could be included. Sir, as it is, apart from the Chairman and the General Manager, we have already got six members on the Penang Port Commission; three of whom are from Penang and one of whom serves the shipping companies, the other one the trade unions and the last, but not the least, the road traffic users. Out of the three members from Penang, I think two are from Penang Island and one from Bagan and I think that if there should ever be any increase the Minister should consider increasing the membership from Province Wellesley because by and large Province Wellesley constitutes the greater part of Penang.

Sir, another matter that was brought up was the deep sea wharf that is now being constructed and reference has been made to it by the Honourable Member for Tanjong and also the Minister of Transport, and I must take this opportunity to thank the Minister for his farsightedness in choosing Bagan in Province Wellesley as the site for this deep sea wharf. I believe that all experts, after having investigated the whole of Penang Island and Province Wellesley, have found the Province side of Penang as the most ideal place for expansion and for putting up these deep sea wharves. Penang Island has had its heyday and it is now time that they got used to see things in the light of economy, and particularly in the light of feasibility and convenience to the majority of the people of the State of Penang. Bagan is

on the mainland where you have road and rail accesses. So I think there is no place more ideal to put up the deep sea wharves than at Bagan. Besides land is very expensive in Penang for industrialisation and it is also difficult to find any vacant land on Penang Island anywhere near the port side or in the Georgetown area. Of course, I hope that the Member will feel that any improvement to Province Wellesley, is also an improvement for Penang, and will therefore benefit the people of Penang as a whole.

As for the complaints about ferries, I would like to mention here, and it will also be interesting for Members of this House to know, that an additional ferry has been constructed and will be launched—it has already been officially launched by our Minister of Transport I think a month ago—and it will very soon be put to use, and when it is done it will stave off any undue delays. As it is, we have five ferries on the service and this additional one will increase the service to six ferries and when this is done, the passengers using the ferry service will not be inconvenienced any more as a ferry will leave every 10 minutes from both the Penang and the Butterworth Piers.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap satu dua perkara sahaja kerana saya dapati banyak sahabat² saya yang berchakap tidak dapat juga saya dengar perkara yang saya hendak berchakap ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan driver², banyak telah di-chakapkan ia-itu driver lori sa-hingga driver kereta lembu dan lain² lagi. Tetapi yang saya dapat tahu sekarang ini, yang baharu²-lah dahulu tidak ada lagi—sekarang fasal tractor. Tractor ini, Tuan Pengerusi, chukup besar, sa-besar lori juga, tetapi kalau malam² kita jumpa dia pakai satu sahaja lampu di-tengah². Kadang² barangkali kita ingat tiang lampu letrik-kah, apa-kah, dengan tinggi dengan satu lampu sahaja. Ini saya ingat patut-lah Yang Berhormat Menteri ini mengambil ingatan dan beri tahu satu atoran

patut-lah driver² tractor ini memakai lampu ikut besar tractor dia—dua—dan satu lampu merah juga di-belakang. Tambahan pula, Tuan Pengerusi, driver² tractor ini, saya tengok, banyak yang memakai “L”, kadang² dia berjalan dengan tidak tentu arah jalan, oleh kerana tractor ini jarang berjalan di-jalan raya, kerap kali jalan di-dalam bendang² dan di-dalam hutan. Jadi, sa-belah malam mereka itu baik ka-rumah dengan memasang lampu yang satu. Ini tentu-lah saya ingat kalau kita silap faham kita kata lampu motosikal dan boleh jadi kemalangan.

Sa-perkara lagi, Tuan Pengerusi, ada juga sahabat² saya yang telah berchakap berkenaan dengan pelayan² (hostess) kapal-terbang, yang saya maksudkan ia-itu yang dalam kapal-terbang. Tuan Pengerusi, saya tidak-lah menafikan ada pelayan² itu telah memberitahu dalam bahasa kebangsaan, saya sa-orang Melayu, tetapi bahasa kebangsaan yang di-chakapkan oleh pelayan² itu saya tidak faham, kadang² bunyi-nya macham², umpamanya, tuen² dan puen² sakalien, sekarang kita menurun di-terbeng. Saya tidak dapat faham berkenaan dengan bahasa kebangsaan yang di-gunakan oleh pelayan² kapal-terbang itu.

Saya harap kalau tidak dapat pelayan² yang dapat berchakap dengan betul supaya orang² Melayu yang menumpang dalam kapal-terbang itu dapat faham hendak-lah Yang Berhormat Menteri ini chari sa-orang Melayu yang betul dapat berchakap dan rekodkan dalam tape-recorder supaya dapat di-pasang dengan terang dan dapat di-faham oleh penumpang² yang tidak faham bahasa Inggeris. Kalau tidak bunyi-nya macham², mithal-nya, sekarang kita telah menurun, jadi bukan sahaja pelat-nya tidak dapat di-faham dan segala chakap-nya tidak dapat di-fahami, nama sahaja chakap itu bahasa kebangsaan.

Ini-lah, Tuan Pengerusi, dua perkara yang saya hendak chakapkan, sebab saya tunggu² tidak ada sa-orang Ahli Yang Berhormat pun yang telah menerangkan dua perkara ini. Terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, dalam membahathkan peruntukan Kementerian Pengangkutan, saya suka-lah memberi sa-tinggi² tahniah kepada Menteri Pengangkutan yang telah menunjukkan kepada mata dunia Jabatan ini Jabatan yang paling layak, kerana sa-tahu saya daripada Pesuruhjaya Pengangkutan Jalan Raya umpamanya, sa-hingga ka-bawah semua sakali telah di-jalankan oleh anak negeri sendiri, lebeh² lagi saya berasa bangga sa-orang anak Melayu telah layak dudok menjadi pemimpin atau ketua berkenaan dengan Jabatan Pengangkutan ini.

Tuan Pengerusi, terima kaseh saya ini ia-lah kalau kita ingat kembali masa kita hendak menuntut kemerdekaan dahulu banyak-lah yang berkata orang Melayu tidak layak merdeka, kerana hendak membuat sepatu atau sa-batang jarum tidak tahu, tetapi hari ini anak negeri ini bukan sahaja layak tetapi dengan pimpinan anak negeri ini sendiri saya sendiri telah menengok keadaan di-negeri luar, terutama dalam hal² pengangkutan sangat-lah kemas kerja yang di-jalankan oleh Kementerian Pengangkutan Jalan Raya ini.

Tuan Pengerusi, satu daripada-nya saya memberi terima kaseh kepada Kementerian Pengangkutan berhubung dengan jalan² baharu. Ini telah di-beri keistimewaan jalan ini kalau ada hendakkan bas atau pun teksi kepada sharikat bekerjasama, di-harap hal ini dapat di-kekalkan.

Tuan Pengerusi, dalam saya menyebut berkenaan dengan jalan raya ini saya suka mengambil perhatian berhubung dengan muka surat 321 ia-itu Penguji Derebar Sementara dan Pemeriksa Kereta. Kalau di-pandang di-sini mereka ini saya sendiri menyaksikan bekerja sangat penat dan tidak dapat dudok sentiasa bekerja daripada pagi sampai petang, kerana hendak memeriksa kereta yang begitu banyak. Bagi pehak Kementerian patut-lah menimbangkan gaji-nya yang ada ini kerana mengelakkan daripada tuduhan yang bukan². Saya rasa patut-lah kita beri kenaikan pendapatan-nya.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu berhubung dengan pengangkutan jalan raya, ia-itu lori balak. Kalau kita pergi daripada Ayer Hitam ka-Johor Baharu tidak lain yang kita jumpa—lori balak. Tiap² lori yang berselisih dengan lori balak ini mesti berasa dalam hati-nya bila kita ini akan kena hempap balak. Dari itu saya chadangkan mengangkat balak ini patut di-berhentikan langsung, jangan gunakan lori, lebeh baik gunakan keretapi sahaja, keretapi pun berniaga selalu rugi. Saya rasa dengan kita minta pehak keretapi membawa balak² ini kekurangan maut harus terjaga, sabagaimana kata sa-orang rakan saya tadi memang ada kayu² balak ini menghempap orang. Isi-nya bukan main melintang dan melengkok lori itu dibawa-nya, kadang² apabila selekoh rantai itu pula terluchut bukan sahaja orang² yang dekat tepi jalan itu mendapat kemalangan tetapi derebar itu sendiri pun yang ada dalam lori itu akan maut. Jadi ini saya berharap mendapat perhatian daripada Kementerian.

Perkhidmatan Keretapi. Saya selalu dengar Jabatan Keretapi ini rugi, rugi, rugi, pekerja² dia pula tidak ada kerja lain minta gaji, gaji, gaji. Jadi saya nampak Kerajaan tidak boleh berniaga, patut perkhidmatan keretapi ini di-serahkan kepada sharikat sahaja menjalankan-nya. Saya menengok satu negeri kenderaan ini umpama bas di-bawah jagaan Kerajaan, saya naik pergi daripada satu bandar ka-satu bandar bersama² dengan kawan saya, bas itu—driver itu tidak kira apa dia kata dia makan gaji sahaja, bas-nya kopak kapek, kotor tetapi tidak-lah keretapi di-sini kotor, Kementerian ini jaga kuat, tetapi saya pandang sebab-nya kerugian ini selalu berlaku itu-lah pekerja² itu ingat apa chukup bulan dapat gaji, sehingga patut keretapi itu berhenti pada satu station yang betul dia berhenti 10 minit umpama-nya, berhenti 2 minit chukup, gaji dia pun chukup tiap² bulan dan kasar dia pun ada berlaku. Jadi ini juga harap mendapat pertimbangan daripada Kementerian biar-lah sharikat mengambil perjalan keretapi ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu selalu dalam Majlis ini—saya bukanlah membela driver² taxi—tetapi sa-tahu saya-lah kita semua ini pun barangkali driver juga, anak ayam kalau hendak melintas di-hadapan motokar kita kalau boleh kita hendak elakkan nyawa-nya itu jangan di-tempoh, driver taxi pun bagitu juga dia kerana hendak menchari makan kena-lah lari sedikit, tetapi yang selalu masuk parit, berlanggar, langgar tiang talipon kebanyakan bukan driver taxi. Kalau tidak salah Menteri kita pun kena sa-kali dekat Merlimau—itu sudah malang. Saya tengok kereta Menteri sudah ada dekat Merlimau di-tempoh-nya tembok. Itu malang apa hendak di-buat dia hendak elakkan kerbau. Jadi berkenaan dengan lari motokar² ini jangan-lah kita kenakan sangat kepada driver² taxi ini kerana sa-tahu saya-lah kalau tidak perchaya mari kita naik taxi, chukup dia chermat tetapi lari. Memang dia hendak jaga nyawa yang empat orang itu di-belakang, tinggal lagi kalau hendak malang apa-lah boleh buat. Yang saya marahkan bukan driver, manusia yang ada berjalan di-jalan raya itu.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi, driver itu bukan-kah manusia?

Enche' Abdul Karim bin Abu: Dia manusia juga. Orang² yang berjalan di-tepi² jalan raya kalau ada dua tiga basikal dia naik, dia tidak peduli langsung motokar—ini yang merbahaya. Jadi orang yang tidak takutkan motokar bukan motokar, motokar itu tentu-lah dia tidak takut orang. Jadi saya sunggoh juga patut kita beri terima kasih kepada pehak Jabatan Polis, selalu pehak polis memberikan kursus menunjokkan kepada orang ramai berkenaan dengan hal chara² hendak menyelamatkan diri. Jadi saya ingat patut-lah Kementerian ini juga mengadakan kursus² yang sa-rupa itu kepada ra'ayat negeri ini kerana dengan suara-nya macham halilintar itu besok saya fikir dapat-lah keselamatan jalan raya ini terkawal.

Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, saya juga tidak berapa-lah berkenan

dengan hal taxi² tetapi telah diceritakan oleh rakan saya tadi banyak tidak payah-lah saya ulangi balek. Terima kasih.

Enche' Tan Tsak Yu: Mr Chairman, Sir, I would like to make my observation on Head S. 67, page 295, Civil Aviation in the Borneo States.

Sir, one who visits Kuching will find that there is congestion at the Kuching Airport as it is an airport for civil aviation and it is also an airport for military purposes. Although Kuching Airport has been extended time and again in the past few years, it is still inadequate to meet the needs of increased air activities in Sarawak. In the long-term policy, it is necessary that a Master Plan for the Airport in Sarawak should be produced to cope with future expansion. In future planning, perhaps it may be found necessary that another airport, either for military use or for civil aviation, should be built in Kuching. All this needs careful consideration and planning ahead. Therefore, I do hope that the Honourable Minister concerned will give this matter serious consideration. Thank you.

Enche' Abdul Rauf bin A. Rahman (Krian Laut): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian untuk berchakap sedikit dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pengangkutan yang di-bentangkan untuk perbelanjaan tahun 1965. Dan saya berpendapat segala rancangan² yang ada di-dalam Anggaran Perbelanjaan ini dapat-lah di-jalankan oleh Kementerian ini dengan elok dan dengan itu saya menguchapkan taniah kepada Kementerian Pengangkutan dan juga kaki-tangan² Jabatan Pengangkutan yang telah berusaha dengan bersusah payah untuk membuat Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1965 ini.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap dan menarek perhatian Kementerian ini ia-itu muka 279 di-bawah Kementerian Pengangkutan. Sa-tahu saya barangkali kita semua tahu lori² telah di-hukumkan oleh Kementerian Pengangkutan ia-itu exhaust paip-nya di-buboh atas. Jadi ma'ana-nya kalau ada asap banyak pun tidak-lah me-

ngenai kereta² yang mengikut daripada belakang lori² ini. Itu satu pentadbiran yang baik. Tetapi saya dapati pula macham bas² yang ada, bukan-nya sahaja di-luar bandar, sa-hingga dalam pekan Kuala Lumpur ini pun bas² itu nampak-nya exhaust itu sedikit di-bawah, dan selalu-lah siapa yang mengikuti di-belakang bas² itu, ada² masa-nya terkena asap daripada exhaust-nya, sebab dia di-bawah. Dengan itu saya fikir, patut-lah Kementerian ini pula memberikan arahan kepada semua company² bas supaya exhaust²-nya itu juga di-buat macham mana exhaust lori² yang ada di-gunakan pada masa ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit di-bawah Kementerian ini juga, sunggoh pun perkara ini sudah di-chakapkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, ia-itu berkenaan dengan landasan keretapi daripada Tampin ka-Melaka. Sa-masa Jepun dahulu, kalau tidak silap saya, banyak landasan² keretapi yang di-buka, umpama-nya daripada Tapah ka-Telok Anson, daripada Seremban ka-Port Dickson, daripada Taiping ka-Port Weld, dan juga daripada Tampin ka-Melaka. Sa-lain daripada landasan keretapi daripada Tampin ka-Melaka, yang tiga lagi itu sudah di-buka oleh Kerajaan. Jadi, saya tidak tahu, apa sebab landasan keretapi daripada Tampin ka-Melaka itu tidak di-buka, wal hal saya mendapat tahu banyak saudagar² perniagaan yang hendak menghantar barang²-nya, umpama-nya daripada Kuala Lumpur pergi ka-Melaka naik keretapi sampai ka-Tampin, barang² itu di-berhentikan di-Tampin dan hendak mendapatkan lori pula daripada Melaka pergi mengambil barang² itu di-Tampin, dan ada saya dengar cerita yang mengatakan jikalau di-siasat umpama-nya perkara itu ada berlaku lagi sa-hingga sampai sekarang ini banyak barang² yang tidak boleh di-bawa ka-Melaka, kerana menantikan lori.

Demikian juga, barang² yang datang daripada selatan, umpama-nya daripada Gemas hendak di-bawa ka-Melaka, terhenti juga di-Tampin. Jadi, dengan sebab itu, saya fikir elok

sangat-lah Kementerian ini mengkaji sa-mula berkenaan dengan perkara ini, dan saya ada mempunyai kepercayaan, jikalau sa-kira-nya jalan landasan keretapi daripada Tampin ka-Melaka ini di-buka, harus² boleh jadi, barangkali Kementerian ini mendapat keuntungan daripada orang² yang hendak naik keretapi, atau pun saudagar² yang hendak menghantar barang²-nya daripada Melaka ka-Kuala Lumpur, atau pun daripada Kuala Lumpur ka-Melaka, atau terus dengan tidak singgah mana². Dengan ini juga barangkali, kita mendapat perlawanan dengan lori² yang membawa barang itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit lagi—lagi satu perkara yang lain, sunggoh pun perkara ini sudah di-chakapkan

Mr Chairman: Kalau Ahli Yang Berhormat hendak berchakap banyak², tolong-lah pendek²kan sedikit, ta' usah cherita panjang².

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, ini pendek sahaja. Berkenaan dengan platform station keretapi, sa-tahu saya macham station Parit Buntar sahaja—saya tunjukkan, ia-itu yang dekat dengan kawasan saya, lebih kurang 8 rantai jauh-nya . . .

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya minta penjelasan. Development berkenaan dengan keretapi, kemajuan keretapi, akan sampai di-dalam Rumah Yang Berhormat ini. Jadi, kalau ada soal² station yang lain² ini, boleh-lah kita bahathkan, tetapi perkara ini, perkara keretapi ini, kalau ada apa² benda yang hendak di-tanya hendak di-terangkan, tolong-lah tunggu masa-nya. Berkenaan dengan pembangunan akan sampai waktu-nya, sekarang belum sampai lagi.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Tetapi sunggoh pun begitu, Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh, tetapi saya hendak berchakap juga sedikit berkenaan dengan perkara ini, saya harap Kementerian ini akan mengambil perhatian atas perkara ini. Kalau ta' silap saya, dalam Dewan ini juga, saya ada mengemukakan, tetapi

nampak-nya tidak ada apa² tindakan yang di-ambil, umpama-nya macham station di-Parit Buntar itu lebih kurang daripada tangga keretapi itu hendak pergi ka-tanah, ta' kurang daripada tiga kaki tinggi-nya. Jadi, macham mana kaum ibu, terutama-nya, hendak naik, jadi susah. Ini sahaja-lah yang saya hendak beritahu kapada Kementerian ini, saya harap Kementerian ini akan mengambil perhatian.

Sa-lain daripada itu, ini satu perkara yang penghabisan, Tuan Pengerusi, saya mendapat tahu keretapi malam daripada Kuala Lumpur ka-Pulau Pinang berhenti di-Parit Buntar bagi menurunkan passenger²-nya di-Parit Buntar dan mengambil orang² yang hendak pergi ka-Pulau Pinang tetapi orang² yang hendak pergi ka-Pulau Pinang itu tidak mengambil teket daripada station, hanya membayar dalam keretapi itu.

Jadi, atas perkara ini yang rumit ia-lah berkenaan dengan surat kiriman mail daripada Kuala Lumpur, atau pun daripada Ipoh, atau pun daripada selatan hendak di-hantar ka-Parit Buntar. Beg surat ini pula berhenti diturunkan pula ka-Bagan Serai. Jadi, dengan sebab turun-nya surat² ini di-Bagan Serai, pagi besok baharu-lah daripada Bagan Serai di-hantar ka-Post Office Parit Buntar dan surat² ini akan sampai terutama-nya kapada Pejabat² Kerajaan sa-chepat²-nya pada pukul 12. Jadi, perkara ini saya tidak nampak, atau saya tidak tahu apa fasal-nya boleh jadi begitu, saya tidak tahu, dan saya mendapat tahu Tuan Pegawai Jajahan Krian juga sudah menghantar surat kapada Setia-usaha Kerajaan Negeri Perak memberitahu akan perkara ini. Jadi, satu² correspondence yang datang daripada Ipoh-kah, atau datang daripada Kuala Lumpur kapada Pegawai² Jajahan, atau kapada Ketua² Pejabat, pukul satu atau pukul dua belas baharu mendapat surat² itu. Jadi, perkara inilah saya tidak tahu apa fasal, dan saya harap Kementerian ini dapat menyiasat atas hal kedudukan perkara ini. Saya bukan kira fasal turun, atau naik, tetapi yang saya berasa dukachita ia-lah berkenaan dengan surat.

Surat ini pukul satu, pukul dua belas baharu sampai ka-pejabat daripada Bagan Serai hantar ka-Post Office Parit Buntar, daripada Parit Buntar pula di-hantar ka-Kuala Kurau umpama-nya, sa-belah petang pula surat itu baharu sampai. Ini satu kesulitan atas perkara keretapi yang ta' menurunkan mail beg-nya di-Bagan Serai

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya mendengar tadi berkenaan pos—minta ma'af sahaja, ada saya mendengar tadi fasal Pejabat Pos. Sa-benarnya saya tidak jaga berkenaan Pejabat Pos. Saya jaga berkenaan dengan keretapi sahaja.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Benar, Tuan Pengerusi, tetapi saya mendapat tahu surat ini hendak di-terima di-Parit Buntar, ta' ada Station Master, Station Master pos punya saya fikir

Mr Chairman: Itu ta' ada kena-mengena dengan perbahathan kita ini, jadi chuma hendak berpanjang² itu, boleh di-chakapkan dua tiga patah lepas itu boleh di-jalankan yang lain.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Ta' apa-lah, Tuan Pengerusi. Kalau begitu, saya sampaikan sahaja-lah, kalau ta' apa-lah. Ini untuk menyampaikan ka-pengetahuan Menteri itu sahaja, mudah²an dapat dia menchari jalan supaya perkara ini jangan berpanjangan. Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap pendek sahaja dalam perkara ini, terutama sa-kali berkenaan dengan keretapi sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi. Saya rasa, orang luar daripada kawasan ini ta' tahu. Jadi, saya, kawasan saya, terus daripada Tampin ka-Melaka ini dia lalu atas kawasan saya, jadi sa-lagi Pelabohan Melaka itu tidak di-betulkan, tidak di-dalamkan, kapal² sekarang ini hendak dekat kapada garisan antara bangsa kita di-lautan sana, jauh tempat hendak berlaboh, jangan-lah angan² hendak buka station jalan keretapi melalui Tampin dengan Melaka. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak beritahu, ia-itu Balai Raya pun sudah kami dirikan di-atas tanah keretapi yang di-berikan kepada Kerajaan Negeri dan lain²-nya lagi, jadi benda ini ta' usaha-lah di-bangkitkan.

Berkenaan dengan keretapi pantai timur, saya rasa elok-lah di-perhatikan sedikit. Dalam bilek mandi, ta' ada tuala langsung. Kita hendak mandi pakai kesat—itu macham mana gaya-nya. Kemudian saya rasa ada penumpang² daripada kelas tiga masuk ka-kelas satu, dia mandi sama. Jadi, kita hendak guna pun kadang² segan juga; kita hendak bertolak², jadi saya rasa, tentu-lah masing² gerabak itu ada tanda²-nya pada masing² tempat itu, patut-lah di-jaga sedikit supaya lebeh

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Saya fikir orang pantai timur lebeh bagus berchakap masaalah keretapi ini, saperti juga orang lain berchakap tentang masaalah keretapi, masaalah Melaka—lebeh baik orang pantai timur yang berchakap.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Jadi, Tuan Pengerusi, fasal keretapi khas ini, keretapi ini Malaysia punya, bukan orang Pasir Mas punya, dan bukan pula orang Bachok punya atau pun mana². Jadi, saya hendak menasihatkan sahabat saya supaya jangan dia ubah berkenaan dengan kenyataannya, sebab sudah melarat dua orang kawan saya yang hendak meminta keretapi di-Melaka, itu fasal saya bangun, kalau tidak dia ada hak juga memberikan buah fikiran-nya.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak masok dalam hal kapal terbang ini—sedikit sahaja, saya nampak tidak ada galakan

Enche' Ahmad bin Arshad: Saya hairan Yang Berhormat ini dia tahu tentang keretapi ini di-pantai timur, tetapi keretapi dekat Melaka dia ta' hendak, sayang orang yang hendak keretapi, yang hendak menjadikan keretapi, tetapi dia tidak hendak keretapi lalu di-tempat dia.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Jauh pergi-nya, saya ta' faham jalan fikiran-nya, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya hendak berchakap dalam hal kapal terbang. Tadi, kalau masa saya berchakap tentang masaalah keretapi, saya hendak sebut juga, saya ta' mahu-lah, oleh kerana saya mengingatkan masa ta' mengizinkan saya berchakap banyak. Padang kapal terbang ini, saya nampak dalam segala jurusan ini belum lagi nampaknya Kementerian kita hendak menolong banyak orang², terutama sa-kali orang² Melayu dan bumiputra masok berkhidmat dalam hal pekerjaan didalam kapal terbang. Saya tengok, Sharikat Cathay Airways ada menerima pelayan perempuan Melayu, tetapi dalam sharikat Penerbangan Malaysia ini ta' ada. Sa-kurang²-nya dalam Malaya ini, atau dalam Malaysia ini, tempat anak bumiputra ini, orang Melayu-kah, atau pun barangkali orang Iban yang bagus yang standard-nya School Certificate—ada juga, jadi patut ada supaya ada chorak sadikit bila datang pelawat², atau pun orang² luar negeri tengok kita, ah! ini dia orang Malaysia. Jadi, ada sa-tengahnya dari keturunan China, ada sa-tengah-nya dari keturunan Iban, ada keturunan Melayu—ini semua-nya meliputi itu ada dua jenis sahaja, ia-itu orang China dan Eurasian. Jadi, ini ta' kena-lah. Bagi pemandu pun begitu juga.

Jadi kalau di-buat satu kemahuan kita hendak mengisi benda ini, saya rasa, bila kosong mana yang tidak ada itu di-masokkan, jadi benda ini tentulah boleh di-buat kalau kita mahu dan sangat-lah malu bagi pihak kita Malaysia ini kalau, mithal-nya, tidak ada satu orang anak bumiputra

kita yang dapat bekerja dalam itu. Itu-lah sebab-nya sekarang ini kita masok dalam kapal terbang dia berchakap itu pun dia punya chakap Melayu-nya, yang di-bacha-nya itu, ini yang Berhormat daripada Kulim Utara pun sudah sebut tadi, memang betul, kita hendak dengar dia punya stop-nya, dia punya koma-nya, dengan apa semua selanchar sahaja. Jadi sudah lancar-lah itu agak-nya atau dia tidak ada pereksa-kah di-Dewan Bahasa dan Pustaka pun, saya tidak tahu-lah, tetapi tidak betul gaya-nya, chara-nya macham itu. Jadi saya rasa benda ini boleh di-baiki dalam pentadbiran di-bawah Kementerian ini dan saya tahu saya punya bekas Ketua Pemuda ini kuat dalam hal benda ini, dia boleh perbaiki. Terima kaseh.

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan, masa kita sudah tidak ada mengizinkan lagi. Kita akan menyambong bahathan ini juga besok hari hingga pukul 12 tetapi daripada pukul 11 sampai pukul 12 itu mahu-lah di-untokkan bagi Menteri menjawab. Jadi chuma ada satu jam sahaja lagi daripada pukul 10 sampai pukul 11 besok. Kalau ada apa² lagi boleh-lah berchakap.

House resumed.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill has progressed up to Head S. 64 of the Schedule. The House is now adjourned until 10 o'clock tomorrow morning.

Adjourned at 8.00 p.m.